Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan bertujuan untuk memberi bantuan dan sumbangan segera dalam bentuk kewangan kepada nelayan yang ditimpa kemalangan, kemusnahan atau kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa bagi meringankan beban mangsa dan keluarga. Bilangan penerima faedah dan nilai bantuan yang telah diberikan adalah seperti di Jadual 42 dan Jadual 43.

Jadual 42: Penyaluran Skim Bantuan Bencana Alam Dari Tahun 2016 Hingga 2020

TAHUN	BILANGAN PENERIMA BANTUAN	NILAI (RM)
2020	1,049	1,349,628.00
2019	930	1,472,790.00
2018	1,434	2,127,361.00
2017	831	2,011,863.20
2016	630	1,893,025.08

Jadual 43: Penyaluran Skim Bantuan Bencana Alam Tahun 2020

BIL.	NEGERI	KATEGORI BANTUAN												BIL. PENERIMA FAEDAH	NILAI BANTUAN (RM)
		KEMALANGAN DIRI				KEROSAKAN HARTA BENDA					LAIN LAIN				
		KHAIRAT KEMATIAN	KEILATAN KEKAL	HILANG UPAYA	WAD	BOT	SAMPAN	PERALATAN	RUMAH	LAIN LAIN	BENCANA ALAM	KEMATIAN BIASA	BANTUAN KILAT		
1.	Perlis						2		1	3		40		46	68,600.00
2.	Kedah						9	1	13	250		51		324	142,700.00
3.	P Pinang						5	1	2			20	50	78	51,700.00
4.	Perak					3	4	1	25			36		69	99300.00
5.	Selangor					2	10	6			5	3		26	86,700.00
6.	Negeri Sembilan	1			1		9	6	4			3		24	32,710.00
7.	Melaka					5			1			5		11	25700.00
8.	Johor		1		1	2	4	8	13	35	1	46		111	143,100.00
9.	Pahang				3	8	17	13	4			20	1	66	146,850.00
10.	Terengganu		2		3	22		1	8			53		89	193903.00
11.	Kelantan					9			2			25	5	41	113,800.00
12.	Wilayah Persekutuan Labuan				1		3	7	9		36	4	1	61	47,415.00
13.	Sabah				1	7			7			18		33	47,150.00
14.	Sarawak				1	6		2	10			51		70	150,000.00
JUMLAH		**1**	**3**	**0**	**11**	**64**	**63**	**46**	**99**	**288**	**42**	**375**	**57**	**1,049**	**1,349,628.00**

8. Program Rezeki Tani

Program Rezeki Tani adalah kesinambungan daripada program terdahulu yang dijenamakan semula daripada Program Azam Tani di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Program ini diperkenal dan hanya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia bagi memberikan bantuan projek bernilai maksima RM 10,000.00 yang diberi secara berpakej kepada peserta merangkumi perkara-perkara berikut:

i. Pemberian in-kind seperti kos peralatan, benih, bahan mentah, lesen, pembangunan dan operasi bergantung kepada keperluan dan kemajuan projek peserta.
ii. Latihan pembangunan modal insan / jatidiri, keusahawanan dan latihan teknikal.
iii. Pemantauan dan bimbingan oleh jabatan dan agensi pelaksana yang berterusan bagi memastikan daya tahan dan daya maju projek.

Pada tahun 2020, LKIM diperuntukkan sebanyak RM 500,000.00 yang melibatkan 50 orang peserta. Penyertaan peserta baru adalah seperti Jadual 44 berikut.

Jadual 44: Penyertaan Peserta Baru

TAHUN	NEGERI	BILANGAN PESERTA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	DAERAH
2016	Kedah	33	330,000.00	Kuala Muda Tanjung Dawai Yan
	Kelantan	50	500,000.00	Tumpat Bachok Pasir Puteh
2017			**Tiada Peruntukan**	
2018			**Tiada Peruntukan**	
2019	Kedah	8	80,000.00	Langkawi Kota Setar
	Selangor	12	120,000.00	Klang Sabak Bernam
	Pahang	10	100,000.00	Kuantan Rompin
	Terengganu	10	100,000.00	Kuala Terengganu Marang
	Kelantan	10	100,000.00	Bachok Tumpat Pasir Puteh
2020	Pulau Pinang	8	80,000.00	Seberang Perai Utara Seberang Perai Tengah Barat Daya
	Kedah	2	20,000.00	Kota Setar
	Perak	12	120,000.00	Manjung Larut & Matang Kerian
	Selangor	12	120,000.00	Klang Kuala Selangor

	NEGERI	BILANGAN PESERTA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	DAERAH
	Terengganu	8	80,000.00	Kuala Terengganu Setiu Besut
	Kelantan	8	80,000.00	Kota Bharu Bachok Tumpat
JUMLAH		**183**	**1,830,000.00**	

9. Program Pembangunan Pelan Peningkatan Pendapatan Golongan B40: Nelayan Melalui Projek Tanaman Kontan

Program ini melibatkan insentif in-kind yang diberikan kepada peserta dalam bentuk input pertanian, tenaga kerja, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elemen pemasaran hasil pertanian. Program ini bertujuan untuk memberi pendapatan sampingan kepada golongan nelayan melalui bantuan input pertanian bagi menjalankan projek tanaman kontan.

Pada tahun 2020 sebanyak RM 2,106,000.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek dan juga latihan/ kursus. Bantuan RM 1,000.00 bagi setiap peserta dalam bentuk in-kind ini melibatkan 53 projek tanaman yang merangkumi jenis tanaman halia, kunyit, lengkuas, cili api, bendi, timun dan sebagainya diberikan kepada kepada 2,006 nelayan dan dalam masa yang sama mereka juga diberikan pendedahan melalui latihan dan kursus berkaitan amalan pertanian baik. Pecahan penerima adalah seperti di Jadual 45.

Jadual 45: Program Pembangunan Pelan Peningkatan Pendapatan Golongan B40: Nelayan Melalui Projek Tanaman Kontan

BIL.	NEGERI	BILANGAN PESERTA	PERUNTUKAN (RM)
1.	Perlis	30	31,500.00
2.	Kedah	200	210,000.00
3.	Pulau Pinang	40	42,000.00
4.	Perak	147	147,000.00
5.	Selangor	60	63,000.00
6.	Negeri Sembilan	5	5,250.00
7.	Melaka	140	147,000.00
8.	Johor	249	261,350.00
9.	Pahang	100	105,000.00
10.	Kelantan	350	367,400.00
11.	Terengganu	200	210,000.00
12.	Sabah	300	314,900.00
13.	Sarawak	180	189,000.00
14.	Wilayah Persekutuan Labuan	12	12,000.00
JUMLAH		**2,006**	**2,106,000.00**

10. Program Touch Point

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pendapatan nelayan B40. Kadar bantuan maksimum yang diberikan kepada seorang peserta adalah sebanyak RM 10,000.00 dan tertakluk kepada pembelian peralatan penangkapan ikan sahaja. Pada tahun 2020, sebanyak RM 183,000.00 diperuntukkan bagi melaksanakan program ini. Peserta Program Pembasmian Kemiskinan Nelayan 2020 adalah seperti Jadual 46 berikut.

Jadual 46: Peserta Program Pembasmian Kemiskinan Nelayan 2020

NEGERI	DAERAH	BILANGAN PESERTA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Perlis	Kangar	20	20,000.00
	Arau	20	20,000.00
Kedah	Langkawi	12	20,000.00
Perak	Manjung	30	30,000.00
Melaka	Jasin	1	10,000.00
Johor	Mersing	2	20,000.00
Pahang	Kuantan	31	15,000.00
	Pekan	2	20,000.00
Sabah	Tawau	1	8,000.00
	Sandakan	41	20,000.00
JUMLAH		**160**	**183,000.00**

11. Program Penggembelengan Nelayan (Program Turun Padang / Pemimpin Bersama Nelayan) Dan Program Pembangunan Transformasi Pembangunan Nelayan (Kursus Komuniti Nelayan)

Sebanyak 58 aktiviti di bawah program penggembelengan nelayan dan kursus kemahiran pelbagai bidang kepada masyarakat nelayan telah dilaksanakan yang telah memberi faedah kepada seramai 9,950 nelayan dan ahli keluarga seperti di Jadual 47.

Jadual 47: Aktiviti Pembangunan Masyarakat

PERKARA	BILANGAN AKTIVITI	PENERIMA FAEDAH
Program Penggembelengan Nelayan (Program Turun Padang / Pemimpin Bersama Nelayan)	53	9,700
Program Transformasi Pembangunan Nelayan (Kursus Untuk Nelayan, Isteri, Belia dan Anak Nelayan)	5	250
JUMLAH	**58**	**9,950**

12. Sokongan Dan Bantuan Kepada Kumpulan Nelayan

Sehingga kini terdapat 66 Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) dengan bilangan ahli seramai 4,220 orang seperti di Jadual 48 dan Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) yang mempunyai keahlian seramai 639 orang seperti di Jadual 49. Bagi tahun 2020, sebanyak RM 200,000.00 peruntukan telah disalurkan sebagai bantuan kepada lapan (8) KUNITA dan tiga (3) KUBENA.

Antara aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh KUNITA adalah jualan kraftangan dan perusahaan gerai makanan, perkhidmatan kelas jahitan, membuat keropok lekor dan kuih-muih tradisional, perkhidmatan sewaan kanopi, perkhidmatan dobi, dan perkhidmatan katering. Antara aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh KUBENA adalah perkhidmatan sewaan kanopi, penternakan ikan dan produk perikanan serta menjalankan projek agro pelancongan.

BIL.	NEGERI	BILANGAN KUNITA	KEAHLIAN
1.	Perlis	1	150
2.	Kedah	4	184
3.	Pulau Pinang	6	490
4.	Perak	2	39
5.	Selangor	2	207
6.	Negeri Sembilan	2	44
7.	Melaka	1	24
8.	Johor	9	298
9.	Pahang	5	86
10.	Terengganu	6	292
11.	Kelantan	2	70
12.	Sarawak	15	1,805
13.	Sabah	9	486
14.	Wilayah Persekutuan Labuan	2	45
JUMLAH		**66**	**4,220**

Jadual 49: Bilangan Ahli Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) Tahun 2020

BIL.	NEGERI	BILANGAN KUBENA	KEAHLIAN
1.	Perlis	1	15
2.	Kedah	3	146
3.	Pulau Pinang	1	50
4.	Perak	0	0
5.	Selangor	1	25
6.	Negeri Sembilan	2	27
7.	Melaka	2	20
8.	Johor	2	24
9.	Pahang	1	35
10.	Terengganu	1	7
11.	Kelantan	0	0
12.	Sarawak	2	85
13.	Sabah	2	170
14.	Wilayah Persekutuan Labuan	1	35
JUMLAH		**19**	**639**

Pada tahun 2020 LKIM terus memberi penumpuan untuk melaksanakan program dan aktiviti bagi memenuhi tanggungjawab dalam fungsi LKIM di bawah Akta LKIM 1971 iaitu menggalak dan memajukan pengurusan yang cekap dan berkesan mengenai perusahaan-perusahaan perikanan dan pemasaran ikan.

Seiringan dengan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Makanan : Prioriti dan Strategi 2019-2020, LKIM telah diamanahkan untuk melaksana strategi bagi menyokong halatuju iaitu STRATEGI 2: Pengukuhan Saluran Pengedaran dan Pemasaran. Dalam melaksana strategi ini LKIM telah memberi penekanan mengukuhkan saluran pengedaran dan Pemasaran yang merupakan elemen penting dalam rantaian nilai sektor agromakanan bagi mengurangkan kebergantungan yang melampau kepada orang tengah. Program dan aktiviti yang diberi penumpuan dalam melaksana strategi ini adalah seperti berikut:

1. Pengukuhan Rantaian Pemasaran
   i. Pasar Nelayan

      LKIM memberi penekanan untuk memberi kemudahan kepada nelayan bagi menjual hasil tangkapan dengan meneruskan pembangunan pasar nelayan. Program ini bertindak sebagai serampang dua mata yang mana ianya memberikan peluang kepada nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan mereka secara terus kepada pelbagai peringkat pengguna. Secara tidak langsung, Pasar Nelayan ini dapat memendekkan rantaian pemasaran dan melepaskan nelayan dari cengkaman orang tengah supaya nelayan memperolehi margin pulangan harga yang lebih baik dan menguntungkan manakala pengguna mendapat bekalan ikan segar pada harga yang berpatutan.

      Jumlah bilangan pasar nelayan terkumpul sehingga tahun 2020 adalah sebanyak 135 buah melibatkan seramai 546 orang peserta. Jumlah peserta pasar nelayan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 10.45 peratus berbanding tahun sebelumnya.

      Bagi tahun 2020, nilai urus niaga yang dicatatkan di pasar nelayan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 9.38 peratus berbanding tahun 2019. Nilai urus niaga yang direkodkan adalah sebanyak RM 55.25 juta berbanding RM 50.51 juta yang dicatatkan pada tahun 2019. Purata pendapatan peserta secara bulanan bagi tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 19.20 peratus iaitu RM 2,090.62 berbanding RM 2,587.51 pada tahun 2019. Perbandingan nilai urus niaga pasar nelayan bagi tahun 2016 sehingga 2020 melibatkan 135 buah pasar nelayan adalah seperti di Jadual 50.

      Pada tahun 2020, sebanyak RM 4.5 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pembinaan pasar nelayan baru dan peningkatan pasar nelayan sedia ada termasuk galakan pasaran. Secara keseluruhan sebanyak empat (4) pembinaan pasar nelayan baru dan 64 buah pasar nelayan sedia ada telah dibuat peningkatan seperti di Jadual 51. Ianya melibatkan kos sebanyak RM 479,500.00 bagi pembinaan baru, RM 3,517,759.00 bagi naik taraf pasar nelayan sedia ada dan RM 380,720.00 bagi program galakan pemasaran. Aktiviti jualan di pasar nelayan bagi tahun 2020 seperti di Gambar 1. Manakala lokasi pasar nelayan 2020 adalah di Peta 2.

Jadual 50: Perbandingan Nilai Urus Niaga Pasar Nelayan

TAHUN	KUANTITI (KG)	NILAI URUS NIAGA (RM)	PERATUS PENINGKATAN NILAI JUALAN (%)
2020	4,447,065.50	55,247,801.53	9.38
2019	4,830,582.39	50,508,119.00	5.77
2018	3,876,132.75	47,753,879.90	-3.61
2017	4,272,139.68	49,544,109.07	17.36
2016	4,372,280.04	42,216,615.89	-

Jadual 51: Pembinaan Pasar Nelayan Baru

Bil.	NEGERI	PASAR NELAYAN
1.	Negeri Sembilan	PNN Negeri Sembilan
2.	Terengganu	Kompleks LKIM Chendering
3.	Kelantan	Pasar Seringgit, Bachok
4.	Selangor	Taman Wahyu, Kuala Lumpur

Gambar 1: Aktiviti Jualan Di Pasar Nelayan Bagi Tahun 2020

Peta 2: Lokasi Pasar Nelayan 2020

KEDAH (11)
1. Peng. Nel. Kg. Kuala Kubang Rotan
2. Peng. Nel. Seberang Kota
3. Kuala Sg. Limau Dalam, Yan
4. Kompleks LKIM Tanjung Dawai
5. Sungai Udang, Yan
6. Kompleks LKIM Kuala Sanglang
7. Kuala Muda
8. Kuala Jerlun
9. Kg. Kuala Kuar
10. Kompleks LKIM Penarak, Langkawi
11. Kuala Tebengau

PULAU PINANG (17)
1. Peng. Nel. Unit Kuala Sg. Burong
2. Peng. Nel. Unit Pulau Betong
3. Peng. Nel. Unit Sg. Pinang
4. Peng. Nel. Unit Sg. Batu
5. Peng. Nel. Unit Telok Kumbar
6. Peng. Nel. Unit Kuala Jalan Baru
7. Peng. Nel. Unit Batu Uban
8. Sungai Tembus, Penaga, Seberang Prai
9. Unit Nelayan, Penaga, Seberang Prai
10. Peng. Nel. Unit Telok Tempoyak
11. Kompleks Kuala Muda
12. PNK Ujong Batu
13. Kompleks LKIM Teluk Bahang
14. Unit Nelayan Sg. Chenaam
15. Kuala Sungai Pinang
16. Pengkalan Nelayan Teluk Bahang
17. Unit Seri Jerjak

PERAK (6)
1. Sungai Kerang
2. Sg. Pinang Besar, Pangkor
3. Kg. Kota Setia
4. Kompl. LKIM Kuala Kurau
5. Kg. Panchor
6. Kg. Senggang

NEGERI SEMBILAN (7)
1. Kg. Pasir Panjang
2. Peng. Ne. Kuala Lukut, Chuah
3. Peng. Nel. Bukit Pelanduk, Penambang, PD (2015)
4. Peng. Nel. Telok Kemang, Batu 7
5. Taman Mikamas, Port Dickson
6. Kuala Pilah
7. PENNS

MELAKA (6)
1. Peng. Nel. Kuala Sg. Baru
2. Peng. Nel. Muara Sg. Duyong
3. Pasar Nelayan Kg. Sempang
4. Kg. Serkam Pantai, Merlimau
5. Telok Gong, Pengkalan Balak, Kuala Sg. Baru (2015)
6. Pengakalan Perigi, Tg. Kling

PERLIS (2)
1. Kg. Kuala Sg. Baru
2. Kompleks Perikanan LKIM Kuala Perlis

SELANGOR (10)
1. Peng. Nel. Kg. Pasir Panjang
2. Kg. Sg. Yu, Kuala Selangor
3. Peng. Sg. Kajang, Kuala Selangor
4. Jeti Parit 3, Sg. Burong, Tg. Karang
5. Jeti Kg. Kelanang, Kuala Langat
6. Sg. Sembilan, Kuala Selangor
7. Peng. Nel. Kg. Sg. Sireh Tambahan
8. Jeti Nel. Sepang Besar
9. Peng. Nel. Bagan Pasir, Tanjung Karang
10. Pulau Meranti, Puchong

KELANTAN (6)
1. Kompleks LKIM Kuala Besar
2. Kg. Belongan, Bachok
3. Kompleks LKIM Getting
4. Kompleks LKIM Tok Bali
5. Pengkalan Pulau Gajah, Kota Bharu
6. Pasar Seringgit, Bachok

TERENGGANU (12)
1. Kompleks LKIM Pulau Kambing
2. Kg. Che Wan, Kijal
3. Kg. Pengkalan Maras, Batu Rakit
4. Kg. Benting Lintang, Kuala Besut
5. Kg. Baru Surau Hj Taib, Rhu Muda Marang
6. Taman Uda Murni, Taman Hadhari Paka
7. Rhu 10, Setiu
8. Kg. Seberang Kastam, Kuala Besut
9. Jalan Melati, Dungun
10. Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus
11. Kampung Nyiur Tujuh, Besut
12. Kompleks LKIM Chendering

PAHANG (7)
1. Peng. Nel. Kg. Balok
2. Pantai Sepat, Kuantan
3. Tanjung Lumpur, Kuantan
4. Kompleks Kuala Rompin
5. Kg. Kempadang, Tanjung Lumpur
6. Jeti Pasir Panjang, Pekan
7. PNK Pekan

JOHOR (15)
1. Pengkalan Nelayan Pontian Besar
2. Kompleks LKIM Mersing
3. Kesang Laut
4. PNK Batu Pahat
5. Jeti Nelayan Sarang Buaya, Muar
6. Kompleks LKIM Sedili
7. Jeti Nelayan PNK Pengerang
8. Kg. Teluk Buih, Mersing
9. Sg. Balang
10. Jeti Nelayan Aye Baloi
11. Jeti Nelayan Pasir Gudang
12. Parit Karang, Tg. Agas
13. Kg. Kores, Batu Pahat
14. Pendas, Ledang
15. Parit Simin

SABAH (11)
1. Peng. Nel. Kg. Pasir Putih
2. Jeti pendaratan Ikan LKIM Tg. Pagar, Sipitang
3. Tanjung Batu, Keramat
4. Kg. Unggun Jaya Baru, Menggatal
5. Kg. Taritipan, Kota Marudu
6. Kg. Kopimpinan, Putatan
7. Kg. Toporoi
8. Kg. Sinabaru Kimanis
9. Kg. Binsulok, Kuala Penyu
10. Jeti PRE Kg. Laut, Papar
11. Tg. Kapor, Semporna

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (2)
1. Kompleks LKIM Kiamsan
2. Pasar Nelayan LPP Wilayah Persekutuan Labuan



SARAWAK (23)
1. Kg. Belawai
2. Peng. Nel. Kg. Sri Muara
3. Peng. Nel. Kg. Bako
4. PNK Layar Rimbas
5. Kg. Hulu Kuala Matu
6. Kg. Geobilt, Kuching
7. Kg. Semera Asajaya
8. Kg. Buntal, Kuching
9. PNK Kabong
10. Kg. Kuala Tatau, Bintulu
11. Kg. Kuala Bakam
12. Kg. Piasau Utara
13. Kg. Luak, Miri
14. Kompleks LKIM Mukah
15. Jeti PRE Sundar Lawas
16. Kaw. Industri Sg. Merah, Sibu
17. Kg. Tanah Hitam, Semantan
18. Riveredge Commercial Centre, Kuching
19. Kg. Tebelu, Sebuyau
20. Kg. Batu Satu, Miri
21. Pantai ABF Kindurong, Bintulu
22. Vista Tunku, Kuching
23. Pelabuhan Perikanan Tg. Bako (PPLTB)

BIL. PASAR NELAYAN (135)
1. Perlis (2)
2. Kedah (11)
3. Pulau Pinang (17)
4. Perak (6)
5. Selangor (10)
6. N. Sembilan (7)
7. Melaka (6)
8. Johor (15)
9. Pahang (7)
10. Terangganu (12)
11. Kelantan (6)
12. Sarawak (23)
13. Sabah (11)
14. Wilayah Persekutuan Labuan (2)

ii. Pusat Pengumpulan dan Pengedaran (CCDC) Ikan Air Tawar

LKIM telah mewujudkan CCDC di seluruh Malaysia dan dioperasikan oleh Persatuan Nelayan dan Usahawan Pemasar terpilih. CCDC ini bertujuan:

a. Memberi sokongan dan galakan kepada perniagaan pemasaran persatuan nelayan dan usahawan
b. pemasar;
c. Membantu penternak kecil mendapat pasaran bagi hasil keluaran mereka;
d. Menjalin pasaran antara penternak dan usahawan pemasar; dan
Meningkatkan penerimaan pengguna terhadap ikan air tawar yang mana bekalannya mudah diperolehi dengan harga yang berpatutan.

Bagi tahun 2020, terdapat 33 buah CCDC yang beroperasi di seluruh Malaysia dengan kuantiti urus niaga sebanyak 969.68 tan metrik bernilai RM 9,967,440.83. Lokasi CCDC ikan air tawar dan operator yang menguruskannya adalah seperti di Jadual 52.

Jadual 52: Lokasi CCDC Ikan Air Tawar Tahun 2020

BIL.	NEGERI	LOKASI CCDC	OPERATOR
1.	Perlis	Kg. Tok Kuning, Mukim Kayang, Kuala Perlis	Hazli Rafis bin Abdul Rahim
2.	Kedah	Empangan Ulu Muda, Gubir, Sik	i. Mohd Asrul bin Abdullah ii. Zulkifli bin Wahab
3.	Kedah	Sungai Yan, Kedah	Azizi Azli bin Abdullah
4.	Perak	Malim Nawar	Norazlan bin Tan
5.	Perak	Labu Kubong	Jasnurul Iznal bin Zainal Abidin
6.	Perak	Manjung	PNN Perak
7.	Perak	Kg. Senggang	Aziz bin Laiman
8.	Johor	Sedili	PNK Sedili
9.	Terengganu	Kijal	PNK Kijal
10.	Terengganu	Kemasik	PNK Kemasik
11.	Terengganu	Seberang Kastam	PNK Besut
12.	Pahang	Peramu, Pekan	Abu Bakar bin Jaamat
13.	Pahang	Kg. Terlang, Pekan	Sabaruddin bin Osman
14.	Pahang	Kg. Langgar, Pekan	Noreha binti Abd Ghani
15.	Pahang	Kg. Payar Pagar, Bera	Zahanuddin bin Yusof
16.	Pahang	Kompleks LKIM Kuantan	PNK Kuantan
17.	Pahang	Muadzam Shah, Rompin	PNK Rompin
18.	Pahang	Bandar Kerayong, Bera	i. Muhammad Syafiq bin Nazri ii. Md. Rasol bin Teh iii. Saharuddin bin Abdul Ghani iv. Johar Baharudin bin Sulaiman
19.	Pahang	Felda Sg. Nerek, Temerloh	Mohd Hafiez bin Abdul Roni
20.	Pahang	Kuala Kurau, Temerloh	Mohamad Fuad bin SKH Yahya
21.	Pahang	Kuala Kurau, Temerloh	Mohamad Sakirim bin
22.	Pahang	Kuala Kujan, Temerloh	Raslisamudin
23.	Pahang	Taman Setia Jaya, Temerloh	Abdullah bin Ramli

BIL.	NEGERI	LOKASI CCDC	OPERATOR
24.	Pahang	Lanchang	Muhammad Ariff bin Zulkifli
25.	Pahang	Felda Sg. Kemahal, Triang	Zamri bin Mohd Romzi
26.	Pahang	Kg. Paya Pagar, Triang, Bera	Shahril bin Jelani
27.	Sarawak	Matu / Daro	PNK Matu / Daro
28.	Sarawak	Sibu	PENESA
29.	Sarawak	Limbang	PNK Limbang
30.	Sarawak	Kabong	PNK Kabong
31.	Sarawak	Layar Rimbas	PNK Layar Rimbas
32.	Sarawak	Satang Biru	PNK Satang Biru
33.	Sabah	Lahad Datu	PNK Lahad Datu

Gambar 2: CCDC Air Tawar Kampung Mengabang Kapal Batu Rakit, Kuala Nerus, Terengganu

iii. QFISH

Program QFISH diperkenalkan oleh Kerajaan sebagai salah satu langkah untuk menstabilkan harga dan bekalan ikan negara serta mengurangkan kos sara hidup rakyat.

QFISH yang merupakan ikan segar beku berkualiti yang dibekukan menggunakan teknologi Individual Quick Freezing (IQF) boleh didapati di 98 outlet dan jualan secara langsung di pelbagai lokasi seluruh Malaysia yang diedarkan oleh Persatuan Nelayan Kebangsaaan (NEKMAT), Persatuan Nelayan Negeri Kedah (NEKAD), Persatuan Nelayan Negeri Kelantan (PENEKA), Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (PENESA), Persatuan Nelayan Negeri Selangor (PENEGOR) dan Persatuan Nelayan Kawasan Besut.

Produk QFISH ini dijual dengan harga siling tidak melebihi RM 10.00 sekilogram melibatkan lapan (8) spesis pilihan rakyat iaitu kembung, pelaling, selayang, cencaru, aya (kurik), keli dan tilapia merah. Bagi tahun 2020, nilai urus niaga yang dicatatkan oleh enam (6) pembekal utama QFISH menunjukkan pengurangan sebanyak 35.93 peratus berbanding tahun 2019. Nilai urus niaga yang direkodkan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM 2,545,350.25. Hal ini disebabkan oleh pelbagai program jualan secara langsung melibatkan pelbagai program promosi tidak dapat dilaksanakan atas sebab Perintah Kawalan Pergerakan kesan daripada Pandemik COVID-19. Selain itu, pembekalan ikan segar QFISH yang tertumpu di sekolah, hospital dan jabatan / agensi juga terhenti disebabkan penutupan kawasan tersebut. Perbandingan nilai jualan Produk QFISH bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti di Jadual 53.

Jadual 53: Perbandingan Nilai Urus Niaga QFISH

TAHUN	KUANTITI URUS NIAGA (t)	NILAI URUS NIAGA (RM)	PERATUS PENINGKATAN NILAI URUS NIAGA (%)
2020	258.18	2,545,350.25	-35.93
2019	438.54	3,972,854.31	61.94
2018	542.89	2,453,299.47	96.70
2017	133.32	1,246,915.95	303.56
2016	42.00	308,980.00	-

Peta 3: Lokasi Outlet QFISH 2020



Gambar 3: Aktiviti Promosi QFISH Sepanjang Tahun 2020

iv. Pemasaran Persatuan Nelayan (PN)

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi sokongan dan galakan kepada perniagaan pemasaran ikan PN, menjalin rantaian pasaran antara PN dan menggalakan aktiviti pemasaran ikan melalui PN supaya menjadi penyumbang utama kepada ekonomi PN dan ahli-ahlinya.

Pelbagai kaedah jualan dilaksanakan oleh PN dalam memasarkan ikan kepada pengguna seperti jualan terus, Cash On Delivery (COD), secara online dan pelbagai medium jualan yang lain. Bagi tahun 2020, terdapat 30 buah PN yang aktif dalam aktiviti pemasaran ikan dengan kuantiti urus niaga sebanyak 1,746.62 tan metrik bernilai RM 17,199,472.72. Jadual 54 di bawah menunjukkan lokasi pemasaran ikan persatuan nelayan.

Jadual 54: Lokasi Pusat Pemasaran Ikan Persatuan Nelayan

BIL.	NEGERI	LOKASI	OPERATOR
1.	Perlis	Kompleks LKIM Kuala Perlis	PELARIS
2.	Kedah	Kompleks LKIM Kuala Kedah	NEKAD
3.	Kedah	Kompleks LKIM Kuala Muda	PNK Kuala Muda
4.	Perak	Kompleks LKIM Kampung Acheh	PENGGERAK
5.	Perak	Kuala Kurau	PNK Kerian
6.	Selangor	Pejabat PNK Kuala Langat	PNK Kuala Langat
7.	Selangor	Pejabat PNN Selangor	PNN Selangor
8.	Negeri Sembilan	Pejabat PNK Teluk Kemang	PNK Teluk Kemang
9.	Melaka	Pejabat PNK Melaka Barat	PNK Melaka Barat
10.	Johor	Kompleks LKIM Sedili	PNK Sedili
11.	Johor	Pejabat PNK Batu Pahat	PNK Batu Pahat
12.	Pahang	Kompleks LKIM Kuala Rompin	PNK Rompin
13.	Terengganu	Kompleks LKIM Kuala Dungun	PNK Dungun
14.	Terengganu	PNK Kijal	PNK Kijal
15.	Terengganu	Kompleks LKIM Kemasik	PNK Kemasik
16.	Terengganu	Kompleks LKIM Besut	PNK Besut
17.	Kelantan	Kompleks LKIM Geting	PNK Tumpat
18.	Kelantan	Kompleks LKIM Bachok	PNK Bachok
19.	Sabah	Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Libaran	PNK Libaran
20.	Sarawak	Pejabat Persatuan Nelayan Negeri Sarawak	PENESA
21.	Sarawak	Kompleks LKIM Mukah	PNK Mukah
22.	Sarawak	Pejabat PNK Limbang	PNK Limbang
23.	Sarawak	Demak Laut Commercial Centre	PNK Sri Muara
24.	Sarawak	Pejabat PNK Miri	PNK Miri
25.	Sarawak	Pejabat PNK Buntal	PNK Buntal
26.	Sarawak	Pejabat PNK Bruit	PNK Bruit
27.	Sarawak	Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Bintulu	PNK Bintulu
28.	Sarawak	Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Layar Rimbas	PNK Layar Rimbas
29.	Sarawak	Pusat Pendaratan Ikan PNK Matu / Daro	PNK Matu / Daro
30.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Taman Wahyu	NEKMAT

Gambar 4: Jualan Runcit PNK Sedili Dan PNK Mukah

Gambar 5: Jualan Di PNK Limbang

2. Maklumat Pemasaran

i. Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI)

Program Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI) adalah merupakan program yang diwujudkan untuk menampung sebahagian kos perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh nelayan berikutan peningkatan harga minyak dan memberi galakan kepada nelayan untuk mendaratkan hasil perikanan di dalam negara. Selain itu, ia juga menjadi salah satu platform yang digunakan untuk mengawal dan memastikan bahawa minyak subsidi yang dibeli oleh nelayan hanya digunakan untuk aktiviti menangkap ikan melalui proses pengisytiharan pendaratan ikan. Program ini telah bermula dari Jun 2008 sehingga kini dengan peraturan dan kadar yang tertentu mengikut zon seperti di Jadual 55. Bagi vesel Zon C2, bayaran IHTI telah dimansuhkan bermula tahun 2019.

IHTI akan dibayar kepada pemilik vesel yang berdaftar dan mengisytiharkan hasil tangkapan ikan kepada LKIM melalui sistem e-Pengisytiharan LKIM. Sehingga Disember 2020, bayaran RM 11.06 juta telah dikeluarkan bagi pendaratan ikan sebanyak 110,612 tan metrik seperti di Jadual 56.

Jadual 55: Kadar Bayaran Dan Had Maksimum Bayaran Bulanan IHTI

BIL.	KATEGORI VESEL	KADAR BAYARAN / KG (RM)	HAD KUANTITI BULANAN (KG)	HAD MAKSIMUM BAYARAN BULANAN (RM)
1.	Vesel Tradisi Enjin Sangkut Zon A	0.10	1,500	150.00
2.	Vesel Tradisi Enjin Dalam Zon A	0.10	3,500	350.00
3.	Vesel komersial Zon B	0.10	7,500	750.00
4.	Vesel komersial Zon C	0.10	10,000	1,000.00

Jadual 56: Pembayaran Insentif Hasil Tangkapan Ikan Tahun 2020 (Sumber e-Pengisytiharan)

NEGERI	KUANTITI DIBAYAR (KG)	JUMLAH INSENTIF (RM)
Johor	3,518,201.30	351,820.13
Kedah	8,212,906.30	821,290.63
Kelantan	4,126,896.10	412,689.61
Melaka	534,200.20	53,420.02
Negeri Sembilan	217,181.30	21,718.13
Pahang	17,327,122.00	1,732,712.20
Perak	7,866,307.70	786,630.77
Perlis	6,458,182.50	645,818.25
Pulau Pinang	5,859,035.60	585,903.56
Sabah	30,608,895.70	3,060,889.57
Sarawak	12,075,425.70	1,207,542.57
Selangor	3,592,200.50	359,220.05
Terengganu	7,988,022.60	798,802.26
Wilayah Persekutuan Labuan	2,227,739.70	222,773.97
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	**110,612,317.20**	**11,061,231.72**

Sepanjang tahun 2020, sistem e-Pengisytiharan telah merekodkan pendaratan ikan sebanyak 421,915 tan metrik bernilai RM 1.26 bilion. Pendaratan tertinggi adalah di negeri Sabah dan diikuti oleh Perak, Pahang dan Sarawak. Rekod pendaratan ini merangkumi semua jenis ikan marin dan air tawar termasuk ikan baja dan kerang-kerangan.

Kuantiti pendaratan tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 46 peratus berbanding tahun 2019 (782,563 tan metrik). Negeri Sabah mengambil alih kedudukan teratas pendaratan tertinggi daripada Perak pada tahun 2020. seperti di Jadual 57.

Perkongsian sumber marin menggambarkan agihan kuantiti tangkapan ikan mengikut zon tangkapan ikan. Vesel-vesel Zon C telah menyumbang pendaratan tertinggi diikuti oleh vesel Zon A dan B, manakala kuantiti pengisytiharan pendaratan daripada vesel Zon C2 adalah yang terendah. Bermula tahun 2019, hanya pemilik vesel Zon A, B dan C sahaja dibayar Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI). Manakala bagi vesel Zon C2, IHTI dimansuhkan. Ini memberikan kesan kepada kuantiti pengisytiharan pendaratan ikan.

Selain itu, faktor penularan wabak COVID-19 yang melanda negara turut menyebabkan penurunan kuantiti pengisytiharan pendaratan ikan.

Jadual 57: Pengisytiharan Pendaratan Ikan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2016 Hingga 2020 (Sumber: e-Pengisytiharan)

NEGERI	KUANTITI (t)					
	2020	2019	2018	2017	2016	JUMLAH
Perlis	11,488.89	20,174.64	28,479.72	26,317.50	20,571.40	**107,037.08**
Kedah	34,880.33	68,613.91	75,661.73	74,670.09	41,507.68	**295,333.41**
Pulau Pinang	11,817.96	16,530.82	18,785.77	18,811.63	14,633.59	**80,579.81**
Perak	82,013.55	239,524.18	287,402.06	256,660.98	184,531.37	**1,050,174.82**
Selangor	36,594.43	75,404.91	80,707.00	76,731.47	58,162.69	**327,600.07**
Negeri Sembilan	270.26	463.94	485.28	498.35	400.25	**2,117.83**
Melaka	631.31	929.59	1,122.35	1,193.34	730.87	**4,607.15**
Johor	12,237.61	27,736.87	33,402.50	26,763.09	22,645.67	**122,786.24**
Pahang	58,575.88	97,175.97	110,167.74	98,045.76	75,995.22	**440,042.54**
Kelantan	14,326.60	16,071.75	31,393.98	35,712.03	39,991.74	**137,496.52**
Terengganu	8,739.17	19,409.11	22,411.10	21,788.83	21,202.64	**93,550.68**
Sarawak	42,688.48	64,385.05	68,078.94	68,428.44	57,337.25	**300,918.09**
Sabah	104,387.74	132,582.66	151,090.51	138,696.40	112,332.85	**639,090.42**
Wilayah Persekutuan Labuan	3,263.74	3,559.90	5,428.13	7,222.20	6,347.39	**25,821.62**
JUMLAH	**421,915.93**	**782,563.31**	**914,616.80**	**851,540.11**	**656,390.61**	**3,627,156.26**

Pengisytiharan pendaratan ikan tahun 2020 menunjukkan penurunan kuantiti sebanyak 46 peratus dan nilai dengan 47 peratus berbanding tahun 2019 seperti di Jadual 58 dan Jadual 59.

Jadual 58: Perbandingan Pengisytiharan Pendaratan Ikan Tahun 2016 Hingga 2020

TAHUN	KUANTITI (t)	NILAI (RM)
2020	421,915.93	1,258,997,013
2019	782,563.31	2,369,703,047
2018	914,616.80	2,772,789,762
2017	851,540.10	2,520,810,020
2016	656,390.59	1,671,634,709

Jadual 59: Perbandingan Pengisytiharan Pendaratan Ikan Mengikut Zon

ZON	KUANTITI (t)				
	2020	2019	2018	2017	2016
A	112,553.43	168,365.84	205,551.51	202,063.45	140,974.44
B	105,365.45	191,922.36	208,116.06	192,740.72	146,062.32
C	194,630.03	401,117.96	413,819.14	367,434.94	233,481.00
C2	9,367.03	21,157.14	87,130.09	89,300.99	135,872.84
JUMLAH	**421,915.93**	**782,563.31**	**914,616.80**	**851,540.10**	**656,390.60**

Carta 5: Kuantiti Pengisytiharan Pendaratan Mengikut Zon Tangkapan Ikan Tahun 2020 (Sumber e-Pengisytiharan)



ii. Risikan Harga Ikan

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 137 buah pasar terdiri daripada 23 buah pasar borong, 103 buah pasar runcit, dan 11 buah pasar nelayan serta ejen seramai 98 orang terlibat di dalam Program Risikan Harga Ikan.

Perkongsian margin harga ikan negara pada tahun 2020 menunjukkan margin di peringkat pendaratan dan runcit meningkat kepada 1 peratus berbanding tahun 2019. Manakala peringkat borong didapati mengecil sebanyak 2 peratus di mana ia diambil alih di peringkat pendaratan dan runcit masing-masing sebanyak 1 peratus seperti di Jadual 60 sehingga Jadual 65.

Jadual 60: Harga Purata Bagi 20 Spesis Terpilih Seluruh Negara (Sumber e-Pengisytiharan)

SPESIS	HARGA (RM / KG)									KATEGORI
	HARGA SEMENANJUNG			HARGA SABAH, SARAWAK DAN LABUAN			HARGA NEGARA			
	HP	HB	HR	HP	HB	HR	HP	HB	HR	
Bawal Hitam	6	8	11	5	5	9	6	8	10	Pelagik
Bawal Putih	18	21	25	13	13	22	17	20	25	Pelagik
Cencaru	32	30	36	22	17	51	31	30	39	Pelagik
Keli	4	7	9	5	6	9	5	7	9	Pelagik
Kembung		6	7			11		6	8	Air Tawar
Kerapu	6	11	14	5	6	11	6	11	13	Pelagik
Kerisi	21	23	26	12	13	21	18	22	25	Demersal
Ketam Renjong	6	10	13	4	6	12	5	10	13	Demersal
Merah	17	26	29	9	13	20	16	24	27	Krustasia
Pelaling	20	26	32	12	14	21	14	25	29	Demersal
Selar	4	8	10	2	5	9	4	8	10	Pelagik
Selar Kuning	6	12	15	8	7	10	7	11	14	Pelagik
Selayang	4	7	9	5	8	14	4	7	10	Pelagik
Siakap	4	7	10	4	4	8	4	7	10	Pelagik
Sotong Biasa	17	14	17	15	16	24	17	14	18	Demersal
Tenggiri Batang	12	24	26	6	11	17	10	23	24	Krustasia
Tilapia Merah	18	25	28	10	15	21	15	23	25	Pelagik
Udang Putih Besar		10	12		10	13		10	12	Air Tawar
Udang Vanamei	36	42	51	22	21	41	33	41	48	Krustasia
		26	30			25		26	29	Krustasia
PURATA KESELURUHAN							12	17	21	
PERKONGSIAN MARGIN 2020²							61%	22%	17%	
PERKONGSIAN MARGIN 2019²							60%	24%	16%	

* Sumber e-pengisytiharan LKIM Modul Harga.
² Harga Berdasarkan Saiz Sedang
² Tidak Termasuk Spesis Air Tawar dan Akuakultur

Jadual 61: Senarai Pasar Harga Terendah Peringkat Borong 20 Spesis Terpilih

SPESIS	PASAR	NEGERI	HARGA (RM / KG)
Aya Kurik	Pasar Borong Semporna	Sabah	2.00
Bawal Hitam	Pasar Borong Kota Kinabalu	Sabah	8.00
Bawal Putih	Pasar Borong Pandan	Johor	9.00
Cencaru	Pasar Borong Alor Star	Kedah	2.00
	Pasar Borong Kota Kinabalu	Sabah	2.00
	Pasar Borong Tawau	Sabah	2.00
Keli	Pasar Borong Seremban	Negeri Sembilan	2.00
Kembung	Pasar Borong Kota Kinabalu	Sabah	1.50
Kerapu	Pasar Borong Kota Kinabalu	Sabah	7.50
Kerisi	Pasar Borong Semporna	Sabah	2.00
Ketam Renjong	Pasar Borong Tawau	Sabah	7.00
Merah	Pasar Borong Kota Kinabalu	Sabah	7.00
Pelaling	Pasar Borong Kota Kinabalu	Sabah	1.00
Selar	Pasar Borong Tawau	Sabah	1.50
Selar Kuning	Pasar Borong Kota Kinabalu	Sabah	1.00
Selayang	Pasar Borong Kota Kinabalu	Sabah	1.00
	Pasar Borong Semporna	Sabah	1.00
Siakap	Pasar Borong Seremban	Negeri Sembilan	5.00
Sotong Biasa	Pasar Borong Semporna	Sabah	3.00
Tenggiri Batang	Pasar Borong Kota Kinabalu	Sabah	8.00
Tilapia Merah	Pasar Borong Seremban	Negeri Sembilan	5.00
Udang Putih Besar	Pasar Borong Batu Pahat	Johor	20.00
	Pasar Borong Tawau	Sabah	20.00
Udang Vanamei	Pasar Borong Batu Pahat	Johor	12.00

Jadual 62: senarai Pasar Harga Tertinggi Peringkat Borong 20 Spesis Terpilih

SPESIS	PASAR	NEGERI	HARGA (RM / KG)
Aya Kurik	Pasar Borong Seri Kembangan	Selangor	15.00
	Pasar Borong Pandan, Johor	Johor	15.00
Bawal Hitam	Pasar Borong Pandan,Johor	Johor	38.00
Bawal Putih	Pasar Borong Seri Kembangan	Selangor	60.00
Cencaru	Pasar Borong Seri Kembangan	Selangor	16.00
Keli	Pasar Borong Seri Kembangan	Selangor	11.00
Kembung	Pasar Borong Seri Kembangan	Selangor	20.00
Kerapu	Pasar Borong Lebuh Cecil	Pulau Pinang	45.00
Kerisi	Pasar Borong Bukit Mertajam	Pulau Pinang	19.00
Ketam Renjong	Pasar Borong Pandan, Johor	Johor	38.00
	Pasar Borong Lebuh Cecil	Pulau Pinang	38.00
Merah	Pasar Borong Pulau Kambing	Terengganu	46.00
Pelaling	Pasar Borong Labuan	Wilayah Persekutuan Labuan	20.00
Selar	Pasar Borong Seri Kembangan	Selangor	22.00
Selar Kuning	Pasar Borong Seremban	Negeri Sembilan	21.00
Selayang	Pasar Borong Pandan	Johor	18.00
Siakap	Pasar Borong Pandan	Johor	30.00
Sotong Biasa	Pasar Borong Seri Kembangan	Selangor	37.00
Tenggiri Batang	Pasar Borong Batu Pahat	Johor	40.00
Tilapia Merah	Pasar Borong Seri Kembangan	Selangor	15.00
Udang Putih Besar	Pasar Borong Pulau Kambing	Terengganu	75.00
Udang Vannamei	Pasar Borong Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	62.00

Jadual 63: Senarai Pasar Harga Terendah Peringkat Runcit 20 Spesis Terpilih

SPESIS	PASAR	NEGERI	HARGA (RM / KG)
Aya kurik	Pasar Runcit Jerteh	Terengganu	4.00
	Pasar Runcit Payang	Terengganu	4.00
	Pasar Runcit Semporna	Sabah	4.00
	Pasar Runcit Tawau	Sabah	4.00
Bawal hitam	Pasar Runcit Endau	Johor	8.00
	Pasar Runcit Kuantan	Pahang	8.00
	Pasar Runcit Wakaf Bharu	Kelantan	8.00
Bawal putih	Pasar Runcit Kudat	Sabah	7.00
Cencaru	Pasar Runcit Alor Setar	Kedah	3.00
	Pasar Runcit Kota Kinabalu	Sabah	3.00
	Pasar Runcit Sekinchan	Selangor	3.00
	Pasar Runcit Semporna	Sabah	3.00
Keli	Pasar Runcit Melaka	Melaka	4.00
	Pasar Runcit Seremban	Negeri Sembilan	4.00
Kembung	Pasar Runcit Sekinchan	Selangor	2.00
Kerapu	Pasar Runcit Mukah	Sarawak	7.00
Kerisi	Pasar Runcit Sandakan	Sabah	2.00
Ketam Renjong	Pasar Runcit Semporna	Sabah	7.00
Merah	Pasar Runcit Ikan Sundar	Sarawak	7.00
Pelaling	Pasar Runcit Air Hitam	Kedah	3.00
	Pasar Runcit Alor Setar	Kedah	3.00
	Pasar Runcit Balik Pulau	Pulau Pinang	3.00
	Pasar Runcit Kangar	Perlis	3.00
	Pasar Runcit Tikam Batu	Kedah	3.00
Selar	Pasar Runcit Semporna	Sabah	3.00
	Pasar Runcit Tawau	Sabah	3.00
Selar Kuning	Pasar Runcit Semporna	Sabah	3.00
Selayang	Pasar Runcit Ikan Tok Bali	Kelantan	2.00
	Pasar Runcit Semporna	Sabah	2.00
Siakap	Pasar Runcit Labuan	Wilayah Persekutuan Labuan	7.00
	Pasar Runcit Siti Khadijah	Kelantan	7.00
Sotong Biasa	Pasar Runcit Semporna	Sabah	5.00
Tenggiri Batang	Pasar Runcit Bintulu	Sarawak	6.00
Tilapia Merah	Pasar Runcit Chow Kit	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	5.00
	Pasar Runcit Selayang	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	5.00
Udang Putih Besar	Pasar Runcit Bintulu	Sarawak	12.00
Udang Vannamei	Pasar Runcit Ikan Sundar	Sarawak	7.00

Jadual 64: Senarai Pasar Harga Tertinggi Peringkat Runcit 20 Spesis Terpilih

SPESIS	PASAR	NEGERI	HARGA (RM / KG)
Aya Kurik	Pasar Runcit Lundu	Sarawak	24.00
Bawal Hitam	Pasar Runcit Parit Jawa	Johor	56.00
Bawal Putih	Pasar Runcit Melaka	Melaka	90.00
Cencaru	Pasar Runcit Payang	Terengganu	28.00
Keli	Pasar Runcit Putrajaya	Wilayah Persekutuan Putrajaya	14.00
	Pasar Runcit Datuk Keramat	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	14.00
Kembung	Pasar Runcit Seberang Jaya	Pulau Pinang	26.00
	Pasar Runcit Bukit Mertajam	Pulau Pinang	26.00
Kerapu	Pasar Runcit Parit Jawa	Johor	65.00
Kerisi	Pasar Runcit Seremban	Negeri Sembilan	29.00
Ketam Renjong	Pasar Runcit Parit Jawa	Johor	60.00
Merah	Pasar Runcit Parit Jawa	Johor	58.00
Pelaling	Pasar Runcit Putrajaya	Wilayah Persekutuan Putrajaya	20.00
	Pasar Runcit Seberang Jaya	Pulau Pinang	20.00
	Pasar Runcit Shah Alam	Selangor	20.00
	Pasar Runcit Tasek Mutiara	Pulau Pinang	20.00
Selar	Pasar Runcit Parit Jawa	Johor	28.00
Selar Kuning	Pasar Runcit Putrajaya	Wilayah Persekutuan Putrajaya	22.00
Selayang	Pasar Runcit Cheras	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	18.00
	Pasar Runcit Limbang	Sarawak	18.00
	Pasar Runcit Nibong Tebal	Pulau Pinang	18.00
	Pasar Runcit Pontian	Johor	18.00
	Pasar Runcit Pudu	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	18.00
	Pasar Runcit Putrajaya	Wilayah Persekutuan Putrajaya	18.00
	Pasar Runcit Seberang Jaya	Pulau Pinang	18.00
Siakap	Pasar Runcit Jelutong	Pulau Pinang	40.00
Sotong Biasa	Pasar Runcit Merlimau	Melaka	43.00
Tenggiri Batang	Pasar Runcit Seberang Jaya	Pulau Pinang	50.00
Tilapia Merah	Pasar Runcit Lawas	Sarawak	30.00
Udang Putih Besar	Pasar Runcit Batu Pahat	Johor	90.00
	Pasar Runcit Seberang Jaya	Pulau Pinang	90.00
Udang Vannamei	Pasar Runcit Kulim	Kedah	60.00

Jadual 65: Perbandingan Harga Purata Tahun 2019 Dan 2020 Bagi Spesis Terpilih Mengikut Negeri

NEGERI	HARGA (RM / KG)								
	HARGA PENDARATAN			HARGA BORONG			HARGA RUNCIT		
	2019	2020	%	2019	2020	%	2019	2020	%
Perlis	17	17	2%	14	11	-19%	15	13	-12%
Kedah	11	12	4%	16	16	1%	19	19	0%
Pulau Pinang	21	19	-11%	17	19	8%	22	23	3%
Perak	10	11	11%	16	17	4%	18	18	1%
Selangor	16	16	-1%	16	17	7%	18	18	-2%
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur				18	15	-18%	17	18	3%
Wilayah Persekutuan Putrajaya							20	21	4%
Negeri Sembilan	16	16	-4%	15	16	4%	18	18	5%
Melaka	28	28	0%	16	17	6%	22	23	3%
Johor	24	24	0%	14	15	5%	19	21	7%
Pahang	10	10	8%	18	16	-11%	16	16	-1%
Terengganu	9	9	1%	16	17	10%	18	19	9%
Kelantan	15	16	7%	14	13	-3%	17	17	-1%
Sarawak	11	11	1%				18	18	2%
Sabah	8	7	-8%	8	8	-1%	13	13	-4%
Wilayah Persekutuan Labuan	12	11	-3%	13	12	-7%	19	17	-10%

* Sumber e-pengisytiharan LKIM Modul Harga.
1 Harga Berdasarkan Saiz Sedang

Kadar perubahan harga pendaratan bagi 17 spesis terpilih tujuh (7) negeri (Perak, Pahang, Kelantan, Kedah, Perlis, Sarawak dan Terengganu) dilihat meningkat pada tahun 2020 berbanding 2019 dengan kadar peningkatan antara 1 peratus sehingga 11 peratus. Manakala lima (5) negeri menunjukan penurunan antara 1 peratus sehingga 11 peratus. Negeri Perak mencatatkan kenaikan harga tertinggi dan Pulau Pinang merekodkan penurunan terendah.

Bagi peringkat borong, tujuh (7) daripada 14 negeri (Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah) menunjukkan peningkatan harga antara 1 peratus sehingga 10 peratus. Manakala enam (6) negeri menunjukan penurunan harga antara 1 peratus sehingga 12 peratus. Negeri Terengganu mencatatkan kenaikan tertinggi dan Perlis merekodkan penurunan terendah.

Di peringkat runcit, sebanyak sembilan (9) negeri (Terengganu, Johor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Perak) menunjukkan peningkatan dengan kenaikan antara 1 peratus sehingga 9 peratus. Manakala enam (6) negeri menunjukan penurunan harga antara 1 peratus sehingga 19 peratus. Negeri Terengganu mencatatkan kenaikan tertinggi dan Perlis merekodkan penurunan terendah.

Negeri Perak dan Terengganu dilihat mengalami peningkatan di ketiga-tiga peringkat harga manakala negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan mengalami penurunan.

Sepanjang tahun 2020, spesis Selar dilihat merekodkan purata harga tertinggi diikut Kembung, Pelaling, Selayang dan Cencaru masing-masing di peringkat borong dan runcit. Trend harga bagi lima (5) spesis menunjukkan penurunan bermula Februari hingga April.

Terdapat peningkatan pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri (Mei 2020) dan Hari Raya Aidiladha (Julai 2020) di peringkat runcit. Sebaliknya di peringkat borong (bulan Julai) harga direkodkan menurun (kecuali Pelaling dan Cencaru). Trend harga seperti di Carta 6 dan Carta 7.

Pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia bemula pada bulan Mac 2020 dilihat mempengaruhi penurunan harga ikan dalam negara di mana kebanyakan pasar tidak beroperasi pada tahap maksimum disebabkan terdapat premis / lot yang tidak dibuka untuk jualan memandangkan para peniaga mengambil langkah keselamatan dan pencegahan dan mematuhi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan untuk mengelakkan dari terdedah kepada jangkitan virus COVID-19.

Permintaan dan transaksi jual beli yang rendah terutamanya yang melibatkan permintaan dari para peniaga makanan yang berasaskan makanan laut dan pemprosesan hasil laut. Keterbatasan pergerakan orang ramai sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan.

Carta 6: Trend Harga Peringkat Borong Spesis Ikan Terpilih



Carta 7: Trend Harga Peringkat Runcit 5 Spesis Ikan Terpilih



Gambar 7: Gambar-gambar Aktiviti

3. Pembangunan Akuakultur

Program pembangunan komoditi akuakultur dilaksanakan bertujuan menggalak, mengembang dan memajukan industri akuakultur sebagai penyumbang kepada pengeluaran bekalan ikan negara. Program ini dilaksanakan melalui tiga (3) aktiviti utama iaitu Pembangunan Infrastruktur Akuakultur, Insentif Ternakan kepada Persatuan Nelayan dan Penternak serta Khidmat dan Bimbingan Akuakultur.

i) Program yang dilaksanakan bagi menyokong program pembangunan akuakultur, sejumlah RM 5,500,000.00 telah diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan (KWP), melalui RMK-11 pada tahun 2020.

a. Pembangunan Infrastruktur Akuakultur

Program Pembangunan Infrastruktur Akuakuakultur adalah bagi menggalak perkembangan dan kemajuan projek akuakultur yang diusahakan oleh operator terdiri daripada persatuan nelayan serta pihak swasta di tanah milik LKIM.

Pada tahun 2020, sebanyak empat (4) kerja-kerja pembangunan infrastruktur telah dilaksanakan iaitu masing-masing bagi Projek Taman Akuakultur Badong, Pahang, Projek Pembangunan Ternakan Akuakultur Fasa 2 Sebatu, Melaka, Projek Pembangunan Ternakan Akuakultur Fasa 4 Sebatu, Melaka dan Projek Pembangunan Ternakan Akuakultur Di Kampung Telaga Air, Sarawak seperti di Jadual 66.

Melalui program ini, kemudahan-kemudahan infrastruktur asas telah ditingkatkan seterusnya menggalakkan pengeluaran ternakan serta pengeluaran benih ikan / udang oleh operator.

Jadual 66: Peruntukan Program Pembangunan Infrastruktur Akuakultur Tahun 2020

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	Projek Taman Akuakultur Badong, Pahang	2,000,000.00
2.	Projek Pembangunan Ternakan Akuakultur Fasa 2 Sebatu, Melaka	320,000.00
3.	Projek Pembangunan Ternakan Akuakultur Fasa 4 Sebatu, Melaka	1,000,000.00
4.	Projek Pembangunan Ternakan Akuakultur Di Kampung Telaga Air, Sarawak	750,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		**4,070,000.00**

b. Insentif Ternakan Kepada Persatuan Nelayan Dan Penternak

Peruntukan dibawah program ini disalurkan untuk memberi bantuan berbentuk in-kind seperti peralatan ternakan, makanan ternakan serta pembekalan benih ternakan bagi mengembangkan perusahaan akuakultur di samping peningkatan pendapatan golongan sasar.

Pada tahun 2020, insentif disalurkan kepada tujuh (7) negeri seluruh Malaysia dengan jumlah sebanyak RM 1,116,850.00. Program ini melibatkan enam (6) persatuan nelayan kawasan dan 26 penternak individu seperti di Jadual 67.

Projek-projek ternakan dilaksanakan terdiri daripada ternakan ikan dalam sangkar, ternakan ikan dalam kolam, ternakan ikan dalam tangki, ternakan udang dalam kolam, ternakan moluska serta pengeluaran hatcheri dan nurseri.

Jadual 67: Peruntukan Program Insentif Ternakan Kepada Persatuan Nelayan Dan Penternak Mengikut Negeri Tahun 2020

BIL.	NEGERI	PN	PERUNTUKAN (RM)	PENTERNAK (ORANG)	PERUNTUKAN (RM)
1.	Pahang	1	40,000.00	3	56,500.00
2.	Kelantan	2	183,000.00	0	0.00
3.	Terengganu	1	260,000.00	19	323,350.00
4.	Wilayah Labuan	0	0.00	1	10,000.00
5.	Negeri Sembilan	2	197,100.00	1	7,900.00
6.	Selangor	0	0.00	1	20,000.00
7.	Kedah	0	0.00	1	19,000.00

c. Khidmat Bimbingan Akuakultur

Program Khidmat Bimbingan Akuakultur, iaitu program pembekalan kit akuakultur bagi setiap negeri dan Kursus Pemantapan Pengurusan Projek Akuakultur secara hands-on kepada penternak sebanyak RM 120,000.00 iaitu 2.18 peratus.

ii. Pengeluaran Akuakultur

Pengeluaran akuakultur mengambilkira projek-projek akuakultur persatuan nelayan serta penternak akuakultur yang terlibat dalam Program Pembangunan Akuakultur serta Insentif Ternakan. Dikategorikan kepada dua (2) jenis pengeluaran iaitu pengeluaran benih (unit ekor) serta pengeluaran ternakan (tan metrik (t)).

Carta 8: Perbandingan Jumlah Pengeluaran Akuakultur Tahun 2017-2020

Berdasarkan Carta 8 di atas, pengeluaran ternakan akuakultur pada tahun 2020 berjumlah 1,117.45 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM 26,580,399.26. Manakala sebanyak 9,795,754 ekor benih ikan dan udang telah dikeluarkan dengan nilai jualan sebanyak RM 1,084,858.00.

Pengeluaran komoditi udang menyumbang sebanyak 77.12 peratus dari keseluruhan pengeluaran pada tahun 2020, diikuti 20.21 peratus komoditi ikan dan hanya 2.67 peratus bagi komoditi moluska. Terdapat peningkatan pengeluaran komoditi udang pada tahun 2020 iaitu 861.83 tan metrik berbanding tahun 2019 iaitu 770.93 tan metrik peningkatan sebanyak 0.9 peratus. Antara penyumbang peningkatan pengeluaran komoditi udang adalah hasil tuaian pertama kolam udang Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Jasin dan penambahan hasil tuaian Ternakan Udang Dalam Kolam (TUDK) Sebatu Fasa 1 dan Fasa 2.

Peningkatan pengeluaran komoditi ikan pula pada tahun 2020 iaitu 225.82 tan metrik berbanding tahun 2019 iaitu 219.70 tan metrik adalah sebanyak 2.7 peratus. Namun berbeza dengan komoditi moluska serta pengeluaran benih udang dan ikan yang menunjukkan trend menurun pada tahun 2020 berbanding 2019. Bencana alam yang berlaku sepanjang tahun 2020 menyebabkan penternak mengurangkan pusingan ternakan bagi mengelakkan kerugian akibat kos operasi yang tinggi.

Penularan pandemik COVID-19 yang bermula pada awal Januari 2020 mempengaruhi trend pengeluaran komoditi akuakultur di Malaysia memberi impak kepada industri akuakultur bukan sahaja di Malaysia malah di negara-negara lain terutamanya negara yang dikenakan tindakan kawalan pergerakan dan perintah berkurung.

Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi kesan kepada pengusaha akuakultur disebabkan oleh kurangnya permintaan dari pemborong dan peniaga. Dengan pengurangan peniaga di pasar dan kedai makan menjadikan pemborong tidak lagi mengambil ikan atau udang daripada penternak pada skala yang besar. Mungkin juga ada di antara mereka yang berhenti untuk mengambil hasil ternakan sepanjang tempoh PKP ini.

Manakala penutupan pusat pengeluaran benih ikan dan udang di Rhu 10, Setiu, Terengganu pula menyumbang kepada jumlah kemerosotan pengeluaran benih ikan dan udang setiap tahun.

Tahun 2020 merupakan tahun terakhir kepada Rancangan Malaysia Ke-11 dan tahun yang sangat mencabar untuk industri akuakultur negara. Sasaran pengeluaran akuakultur di bawah Dasar Agromakanan Nasional (DAN) adalah sebanyak 794,000 tan metrik pada akhir tahun 2020 namun tidak dapat dicapai berbanding hasil pengeluaran tahun 2019 adalah sebanyak 411,782 tan metrik. Walau bagaimanapun, pemerkasaan program akuakultur sentiasa relevan dan memerlukan penekanan khusus bagi memastikan sumber akuakultur dapat ditingkatkan dan penyumbang kepada sumber protein utama kepada negara. Taburan projek akuakultur LKIM mengikut negeri sehingga pada tahun 2020 adalah seperti di Peta 4.

Peta 4: Taburan Projek Akuakultur LKIM Mengikut Negeri

PERLIS	
Pengusaha	-
PN	2
Penternak	5
Jumlah	**7**

KEDAH	
Pengusaha	3
PN	2
Penternak	9
Jumlah	**14**

KELANTAN	
Pengusaha	2
PN	5
Penternak	19
Jumlah	**26**

TERENGGANU	
Pengusaha	2
PN	6
Penternak	25
Jumlah	**33**

PAHANG	
Pengusaha	6
PN	4
Penternak	16
Jumlah	**26**

WP LABUAN	
Pengusaha	-
PN	2
Penternak	8
Jumlah	**10**

SABAH	
Pengusaha	-
PN	5
Penternak	10
Jumlah	**15**

SARAWAK	
Pengusaha	2
PN	6
Penternak	7
Jumlah	**15**





PULAU PINANG	
Pengusaha	1
PN	5
Penternak	7
Jumlah	**13**

PERAK	
Pengusaha	2
PN	2
Penternak	8
Jumlah	**12**

SELANGOR	
Pengusaha	2
PN	2
Penternak	14
Jumlah	**18**

N. SEMBILAN	
Pengusaha	-
PN	4
Penternak	5
Jumlah	**9**

MELAKA	
Pengusaha	2
PN	6
Penternak	3
Jumlah	**11**

JOHOR	
Pengusaha	-
PN	5
Penternak	9
Jumlah	**14**

KESELURUHAN PROJEK	
Pengusaha	24
PN	56
Penternak	145
JUMLAH	**225**

4. Pelesenan

Di antara tugas LKIM yang berkait dengan pemasaran ikan seperti yang termaktub di dalam Seksyen 4 (2) Akta LKIM adalah mengadakan peraturan mengenai pemasaran ikan, khususnya melesenkan penjual borong, penjual runcit, pemproses ikan, pengimport dan pengekspot.

Jumlah lesen yang sah dan aktif sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak 10,623 dengan pecahannya seperti di Jadual 68. LKIM telah menerima sejumlah 1,179 permohonan baru dan meluluskan sebanyak 1,171 permohonan baru dari tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020 seperti di Jadual 69. LKIM telah menerima sejumlah pembaharuan lesen bagi kategori Lesen Import, Eksport, Borong, Borong PP dan Runcit DK bagi tahun 2020 seperti di Jadual 70.

Jadual 68: Lesen Sah Hingga Oktober 2020

JUMLAH LESEN YANG SAH					
IMPORT	EKSPORT	BORONG	BORONG PREMIS PERSENDIRIAN	RUNCIT	JUMLAH
1,412	962	3,004	2,818	2,427	10,623

Jadual 69: Permohonan Lesen Baru Yang Diluluskan

JENIS LESEN	PERMOHONAN BARU	DITOLAK	DILULUSKAN
Import	35	0	35
Eksport	40	0	40
Borong	102	1	101
Borong PP	272	6	266
Runcit (DK)	730	1	729
JUMLAH	**1,179**	**8**	**1,171**

Jadual 70: Pembaharuan Lesen

JENIS LESEN	PEMBAHARUAN
Import	1,494
Eksport	1,055
Borong	820
Borong PP	459
Runcit (DK)	2,465
JUMLAH	**6,293**

LKIM merupakan agensi yang masih mengawalselia dan menguatkuasakan aktiviti import dan eksport bagi industri perikanan di Sabah dan Sarawak. Oleh demikian sebarang aktiviti import dan eksport adalah dibawah bidang kuasa LKIM ia termasuk pengeluaran Lesen Urus Niaga Ikan dan penguatkuasaan pintu masuk di Sabah dan Sarawak. Dilampirkan data aktiviti import dan eksport di Sabah dan Sarawak yang merangkumi nilai dan kuantiti keseluruhan bagi setiap aktiviti di Jadual 71 dan Jadual 72.

Manakala di Semenanjung Malaysia segala data berkaitan aktiviti import dan eksport di selenggara oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Sebuah jabatan bagi mengadakan perkhidmatan bersepadu yang berhubungan dengan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan pemerakuan bagi import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih dan mikrooganisma dan termasuk pemeriksaan dan penguatkuasaan yang berhubungan dengan makanan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya di Semenanjung Malaysia.

Jadual 71: Data Import Eksport Di Sabah

BULAN	EKSPORT		IMPORT		JUMLAH KESELURUHAN	
	NILAI (RM)	KUANTITI (t)	NILAI (RM)	KUANTITI (t)	NILAI (RM)	KUANTITI (t)
Januari	37,942,680.80	2067.44678	2,328,619.14	218.1798	40,271,299.94	2285.62658
Februari	25,017,658.21	1968.03981	1,504,102.21	198.92592	26,521,760.42	2166.96573
Mac	31,843,887.68	2079.038375	1,528,783.47	216.488202	33,372,671.14	2295.526577
April	45,869,348.29	4725.17048	1,535,706.40	132.258	47,405,054.69	4857.42848
Mei	51,566,166.98	4709.131634	1,145,324.11	93.89255	52,711,491.08	4803.024184
Jun	58,419,282.85	4498.6176	2,359,352.95	191.93036	60,778,635.80	4690.54796
Julai	53,368,357.78	4197.09551	3,506,614.95	160.0788	56,874,972.72	4357.17431
Ogos	22,744,912.77	1819.8205	973,439.56	148.01998	23,718,352.33	1967.84048
September	21,044,402.95	1092.4577	257,700.78	36.04388	21,302,103.73	1128.50158
Oktober	21,815,060.25	1418.62842	638,356.68	118.8565	22,453,416.94	1537.48492
JUMLAH	**369,631,758.56**	**28575.44681**	**15,778,000.25**	**1514.673992**	**385,409,758.79**	**30090.1208**

Jadual 72: Data Import Eksport Di Sarawak

BULAN	EKSPORT		IMPORT		JUMLAH KESELURUHAN	
	NILAI (RM)	KUANTITI (t)	NILAI (RM)	KUANTITI (t)	NILAI (RM)	KUANTITI (t)
Januari	7,682,276.22	1013.75462	3,533,646.66	470.42825	11,215,922.88	1484.18287
Februari	3,829,851.43	669.91936	3,318,564.41	327.93494	7,148,415.84	997.8543
Mac	10,597,902.08	807.88536	18,554,972.89	2228.062	29,152,874.97	3035.94736
April	9,720,257.02	842.7089	19,241,874.35	1686.55187	28,962,131.37	2529.26077
Mei	4,019,277.44	699.91986	6,997,527.44	902.30715	11,016,804.88	1602.22701
Jun	12,650,880.58	1317.92286	5,252,846.52	787.5648	17,903,727.10	2105.48766
Julai	3,614,512.39	448.9425	5,638,113.57	689.28384	9,252,625.96	1138.22634
Ogos	4,825,043.89	457.58538	9,620,607.82	1182.44575	14,445,651.71	1640.03113
September	2,784,537.88	327.3565	18,325,760.54	2312.56252	21,110,298.42	2639.91902
Oktober	1,668,554.57	75.9152	6,766,762.24	630.35777	8,435,316.81	706.27297
JUMLAH	**61,393,093.50**	**6661.91054**	**97,250,676.44**	**11217.49889**	**158,643,769.94**	**17879.40943**

LKIM bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan pendaratan, pengendalian, penyimpanan, pemasaran ikan yang bersepadu serta moden, mewujudkan one stop centre bagi menyediakan perkhidmatan kepada nelayan dan industri perikanan serta membantu mereka menjalankan aktiviti perikanan di Kompleks / Labuhan Perikanan dan Jeti Pendaratan Ikan di seluruh negara.

Pecahan skop komponen dan kemudahan asas di Labuhan Perikanan, Kompleks Perikanan dan Jeti Pendaratan Ikan adalah seperti Jadual 73 di bawah.

Jadual 73: Pecahan Skop Komponen Dan Kemudahan Asas Di Labuhan Perikanan, Kompleks Perikanan Dan Jeti Pendaratan Ikan

KOMPONEN	LABUHAN PERIKANAN	KOMPLEKS PERIKANAN	JETI PENDARATAN IKAN
Dermaga	√	-	-
Pangkalan	√	-	-
Limbungan	√	-	-
Kawasan Pemprosesan Ikan	√	-	-
Pusat Pemeriksaan Ikan	√	√	-
Jeti Atau Tempat Mendarat	√	√	√
Pasar Borong Ikan	√	√	√
Pasar Runcit Ikan	√	√	√
Dewan Lelong	√	√	√
Tempat Pembaikan (Slipway)	√	√	√
Loji Membekal Bahan Api Atau Air Batu	√	√	√

Pada tahun 2020, beberapa program / aktiviti pembangunan telah dirangka dan sedang dilaksanakan di antaranya adalah:

1. Kompleks / Labuhan Perikanan LKIM

   i. Kerja-Kerja Peningkatan dan Menaiktaraf Kompleks / Labuhan (Projek Sambungan)

      a. Pembangunan Fasa II Kompleks Perikanan LKIM Kiamsam, Labuan

      Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), Projek Pembangunan Fasa II Kompleks Perikanan LKIM Kiamsam, Labuan telah diluluskan dengan kos sebanyak RM 22.5 juta dan Jabatan Kerja Raya (JKR) merupakan agensi pelaksana di bawah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan. Proses perolehan telah dilaksanakan pada Oktober 2018 manakala pelaksanaan fizikal bermula pada 18 Januari 2019 dan dijangka siap pada 7 Disember 2021.

      Pelaksanaan kerja-kerja peningkatan dan menaiktaraf kompleks sedia ada seperti pembinaan jeti pendaratan dwifungsi (pendaratan dan tambatan), peningkatan kemudahan infrastruktur dan pembinaan kuarters bagi pegawai dan kakitangan LKIM ini dijangka akan mewujudkan pemusatan pendaratan dan aktiviti perikanan kepada 206 buah bot tempatan di kompleks ini. Perincian bagi Projek Pembangunan Fasa II Kompleks Perikanan LKIM Kiamsam, Labuan adalah seperti di Rajah 1 dan Gambar 8.

Rajah 1: Skop Kerja Projek Pembangunan Fasa II Kompleks Perikanan LKIM Kiamsam, Labuan



Gambar 8: Gambar Semasa Pembinaan Pembangunan Fasa II Kompleks Perikanan LKIM Kiamsam, Labuan

b. Kompleks Perikanan LKIM Lumut, Perak telah dibina oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia pada tahun 1991 dan mula beroperasi pada tahun 1992. Sepanjang tempoh tersebut, kompleks ini turut dibuat pembaikan dan penyelenggaraan dengan kos bernilai RM 298,000.00. Ini bagi memastikan aktiviti pendaratan ikan dapat dilaksanakan dengan lancar.

Dengan usia kompleks yang telah mencecah 29 tahun dan bagi memastikan kompleks dalam keadaan selamat, LKIM telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf kompleks dengan penumpuan kepada kerja-kerja pembaikan struktur jeti, kemudahan-kemudahan mekanikal dan juga elektrikal. Melalui RMK-11, LKIM telah diluluskan peruntukan sebanyak RM 2.9 juta bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut. Peruntukan yang diluluskan ini dijangka akan memberi faedah dan kemudahan kepada 89 buah bot enjin dalam. Gambar pelaksanaan kerja-kerja di tapak Kompleks Perikanan LKIM Lumut, Perak adalah seperti di Gambar 9.

Gambar 9: Gambar Pelaksanaan Kerja-Kerja Di Tapak

c. Pelabuhan Perikanan LKIM Kuala Kedah, Kedah telah dibina pada tahun 1995 dengan kos bernilai RM 34,864,223.00 dan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2009. Pelabuhan yang berkeluasan 1.48 ekar ini dilengkapi dengan kemudahan seperti jeti pendaratan ikan, jeti minyak diesel, pejabat peniaga, bilik sejuk, pejabat pengurusan Pelabuhan, kren, dewan pemasaran, kantin, tangki air, pencawang elektrik dan komponen-komponen lain yang menyokong kepada pengoperasian Pelabuhan ini.

Sepanjang 25 tahun Pelabuhan ini dibina, beberapa pembaikan telahpun dibuat secara berperingkat-peringkat iaitu sebanyak RM 2.1 juta yang merangkumi pelbagai skop kerja. Walaubagaimanapun, LKIM tetap akan memastikan bahawa kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan berada dalam keadaan selamat dan RMK-11, kerja-kerja peningkatan dan menaiktaraf Pelabuhan dilaksanakan dengan penumpuan kepada skop kerja struktur jeti pendaratan dan diesel, pendawaian elektrik serta pembaikan mendapan di Pelabuhan dengan keseluruhan kos sebanyak RM 1.8 juta yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia. Ini dijangka akan memberi faedah dan kemudahan kepada 36 buah bot enjin dalam. Gambar pelaksanaan kerja-kerja di tapak Pelabuhan Perikanan LKIM Kuala Kedah, Kedah adalah seperti di Gambar 10.

Gambar 10: Gambar Pelaksanaan Kerja-Kerja Di Tapak

d. Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali telah dibina pada tahun 2003 untuk Fasa 1 dan 2004 untuk Fasa 2 yang melibatkan kos keseluruhan RM 69,000,000.00 di atas tapak berkeluasan 85 ekar dan mula beroperasi pada April 2011. Pelabuhan yang dibina ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk kemudahan para pengguna di pelabuhan seperti jeti pendaratan, ruang baiki pukat, kantin, bilik sejuk, ruang IKS dan sebagainya.

Melalui RMK-11 2019, sejumlah RM 4.5 juta telah diperuntukkan bagi menaiktaraf kemudahan yang terlibat seperti bumbung, pejabat peniaga dan beberapa komponen yang memerlukan penyelenggaraan dan baikpulih struktur bangunan sempena Program Penjenamaan Semula Pelabuhan. Gambar Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali adalah seperti di Gambar 11.

Gambar 11: Gambar Pelabuhan Perikanan LKIM Tok Bali

ii. Pengurusan Dan Pengoperasian

Sehingga tahun 2020, LKIM bertanggungjawab dalam mengurus, mengawalselia serta memantau pengoperasian Kompleks / Labuhan Perikanan dan Kompleks Pemeriksaan Ikan bagi memastikan ianya beroperasi dengan cekap dan sempurna untuk faedah pengguna. Selain daripada itu juga, LKIM berperanan dalam menyedia, mengurus dan menaiktaraf kemudahan serta prasarana yang terdapat di dalam kawasan tersebut.

Bagi menyempurnakan fungsinya, LKIM telah menyalurkan sejumlah wang peruntukan bagi mengurus dan mentadbir Kompleks / Labuhan Perikanan serta Kompleks / Pusat Pemeriksaan Ikan. Sebanyak 48 buah Kompleks / Labuhan Perikanan LKIM beroperasi sepanjang tahun 2020 di seluruh negara. Walau bagaimanapun hanya 45 buah sahaja yang direkodkan aktif beroperasi dari segi pendaratan ikan. Baki tiga (3) buah tidak melaksanakan aktiviti pendaratan ikan, sebaliknya ia digunakan bagi aktiviti hiliran seperti penyimpanan dan pemprosesan hasil perikanan, pengoperasian kilang air batu, tempat tambatan bot dan Pejabat Persatuan Nelayan.

Tiga (3) buah Kompleks / Labuhan Perikanan tersebut adalah:

a. Kompleks Perikanan LKIM Jelutong, Pulau Pinang.
b. Kompleks Perikanan LKIM Setiu, Terengganu.
c. Kompleks Perikanan LKIM Bintawa, Sarawak.

Selain itu, LKIM mempunyai dua (2) buah Kompleks Pemeriksaan Ikan yang digunakan sebagai zon pemeriksaan dan kuarantin produk perikanan di pintu-pintu masuk negara jiran iaitu Thailand. Pengurusan kompleks ini adalah di bawah LKIM manakala pemeriksaan barangan pertanian, perikanan dan haiwan dilaksanakan oleh Jabatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Dua (2) buah Kompleks Pemeriksaan Ikan tersebut adalah:

a. Kompleks Pemeriksaan Ikan LKIM Padang Besar, Perlis.
b. Kompleks Pemeriksaan Ikan LKIM Pengkalan Kubor, Kelantan.

iii. Kuantiti (t) dan Nilai (RM) Pendaratan Ikan Di Kompleks / Labuhan Perikanan

LKIM telah mengambil beberapa inisiatif dan kaedah penyelesaian secara berterusan bagi meningkatkan jumlah kuantiti pendaratan berbanding tahun sebelumnya.

Antaranya adalah seperti berikut:

a. Menyedia dan menaiktaraf kemudahan / prasarana seperti bilik sejuk, bekalan air batu dan kren kepada pengguna agar hasil tangkapan yang didaratkan dapat dikekalkan mutu dan kesegarannya; dan
b. Sesi libat urus (engagement) yang berterusan diadakan di antara LKIM bersama nelayan serta pemain industri bagi mengoptimumkan kadar penggunaan Kompleks / Labuhan Perikanan LKIM seluruh negara.

Data pendaratan menunjukkan kuantiti tan metrik (t) dan nilai (RM) bagi tempoh lima (5) tahun (2016-2020) adalah seperti Jadual 74 berikut.

Jadual 74: Data Pendaratan Bagi Tempoh 5 Tahun

TAHUN	KUANTITI (t)	NILAI (RM)
2020	192,791.17	575,919,892.04
2019	211,257.12	740,006,954.24
2018	236,241.40	796,088,299.98
2017	222,359.10	789,079,895.17
2016	246,670.31	712,700,728.71

2. Jeti Pendaratan Ikan

i. Naiktaraf Hub Nelayan LKIM Sungai Sembilang, Kuala Selangor, Selangor

LKIM telah diluluskan peruntukan sebanyak RM 3.0 juta daripada Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan Naiktaraf Hub Nelayan LKIM Sungai Sembilang, Kuala Selangor, Selangor. Projek yang dilaksanakan oleh JKR ini telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada LKIM pada 31 Disember 2020.

Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 118 nelayan di kawasan tersebut dan juga mewujudkan limpahan ekonomi kepada 300 penduduk sekitar kawasan setempat. Hub Nelayan Sungai Sembilang seperti di Gambar 12.

Gambar 12: Hub Nelayan Sungai Sembilang

ii. Peningkatan / Naiktaraf Jeti LKIM

a. Peningkatan / Naiktaraf Jeti LKIM 2020

Pada tahun 2020, sebanyak RM 1.54 juta telah diperuntukan kepada 9 buah jeti seperti Jadual 75 dan gambar berkaitan adalah seperti Gambar 13 sehingga Gambar 20.

Jadual 75: Peningkatan / Naiktaraf Jeti LKIM 2020

BIL.	NEGERI	LOKASI
1.	Perlis	Jeti Kg. Hujung Tanjung
2.	Sabah	Jeti Kg. Biau, Bongawan
3.	Johor	Jeti Kg. Benteng Kiri, Peserai
4.	Johor	Jeti Sungai Sarang Buaya
5.	Kedah	Jeti Pengkalan Sg. Merbok Jilid 3
6.	Kedah	Jeti Nelayan Kampung Kisap B
7.	Terengganu	Jeti Kg. Batin, Seberang Takir
8.	Kelantan	Jeti Kg. Pulau Gajah
9.	Negeri Sembilan	Bukit Pelandok

Gambar 13: Jeti Kampung Hujung Tanjung, Perlis

Gambar 14: Jeti Pengkalan Sungai Merbok, Kedah

Gambar 15: Jeti Nelayan Kampung Kisap B, Kedah

Gambar 16: Jeti Kampung Sarang Buaya, Johor

Gambar 17: Jeti Kampung Benteng Kiri, Johor

Gambar 18: Jeti Kampung Batin, Terengganu

Gambar 19: Jeti Kampung Pulau Gajah, Kelantan

Gambar 20: Jeti Kampung Biau, Sabah

b. Peningkatan / Naiktaraf Jeti LKIM 2020 (PRE2020)

Manakala di bawah Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) Tahun 2020, sebanyak RM 4,850,00.00 telah diperuntukan kepada 64 buah jeti termasuk 33 buah jeti di LKIM Negeri Kedah melibatkan kerja-kerja menaiktaraf kemudahan serta kerja-kerja pendawaian elektrik (30 + Pendawaian Elektrik 33 Jeti Seluruh Kedah) seperti di Jadual 76 dan Jadual 77.

Jadual 76: Peningkatan / Naiktaraf Jeti LKIM 2020 (PRE2020)

BIL.	NEGERI	LOKASI
1.	Perlis	Jeti Kuala Sungai Baru, Simpang Empat
2.		Jeti Kampung Tengah, Kuala Perlis
3.	Kedah	Jeti Kuala Kuar
4.		33 buah jeti di Kedah (seperti di Jadual 76)
5.	Pulau Pinang	Jeti Kampung Dato Keramat
6.		Jeti Penaga
7.		Jeti Kuala Juru
8.		Jeti Kampung Kepala Batas
9.		Jeti Seri Jerejak
10.	Perak	Jeti Kampung Masjid, Pangkor
11.		Jeti Sungai Che Rahmat
12.	Melaka	Jeti LKIM Kuala Merlimau
13.		Jeti LKIM Pantai Siring
14.		Jeti LKIM Alai
15.		Jeti LKIM Pernu
16.		Jeti LKIM Kuala Sungai Baru
17.	Johor	Jeti Parit Raja Laut, Muar
18.		Jeti Kampung Sungai Ayam, Batu Pahat
19.		Jeti Kampung Orang Asli Simpang Arang, Gelang Patah
20.	Pahang	Pengkalan Nelayan Kg Sedili Kecil
21.		Jeti Kuala Rompin (PNK)
22.		Jeti Peramu, Kuantan
23.		Jeti Pulau Redang
24.	Sarawak	Jeti Kampung Tiong Belawai
25.		Jeti Kampung Kuala Sibuti
26.		Jeti Kampung Tembirat
27.	Sabah	Jeti Kampung Kupang, Kota Belud
28.		Jeti Kampung Baru-Baru, Tuaran
29.		Jeti Kampung Keramat
30.		Jeti Kampung Muanad II
31.		Jeti Kampung Seri Menanti

Jadual 77: Senarai Jeti LKIM Negeri Kedah

BIL.	NAMA JETI
1.	Pengkalan Temoyong
2.	Sungai Kuah, Langkawi
3.	Selat Bagan Nyior
4.	Pengkalan Teluk Yu
5.	Sg. Chenang, Langkawi
6.	Sungai Menghulu, Langkawi
7.	Pengkalan Tepa, Langkawi
8.	Sungai Kubang Badak, Langkawi
9.	Teluk Baru
10.	Bagan Asam, Pulau Tuba
11.	Belanga Pecah
12.	Pengkalan Pasir Hitam
13.	Kuala Teriang
14.	Sungai Jagung, sungai Petani
15.	Pengkalan Sungai Baru, Merbok
16.	Kampung Pengkalan Baru Lintang
17.	Pengkalan Kargo Sungai Bujang
18.	Kg Nelayan, Tanjung Dawai
19.	Jeti Teluk Nipah
20.	Bangsal Nelayan Teluk Nipah
21.	Bangsal Nelayan Sungai Emas Hujung
22.	Jeti Padang Salim, Kota Kuala Muda
23.	Kg Singkir Laut, Yan
24.	Kuala Sedaka, Yan
25.	Kuala Dulang
26.	Kuala Kuar
27.	Kuala Jerlun
28.	Kuala Kerpan
29.	Kg. Kelunchur, Kubang Rotan
30.	Kuala Tebengau, Kota Setar
31.	Kuala Kankong, Kuala Kedah
32.	Kuala Sala, Kuala Kedah
33.	Seberang Kota

iii. Pengurusan dan Pengoperasian

LKIM melalui 89 buah Persatuan Nelayan Kawasan bertanggungjawab untuk mengurus, memantau dan menyelia pengurusan dan pengoperasian 372 buah jeti pendaratan ikan sepertimana Peta 5 dan Peta 6.

3. Pusat Pemeriksaan Ikan LKIM

i. Pada tahun 2013, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) ditubuhkan dan telah mengambil alih beberapa tugas-tugas yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebelum itu. Tugas utama MAQIS ialah memberi perkhidmatan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di semua pintu masuk yang diwartakan. MAQIS berperanan memastikan barangan pertanian (tumbuhan, daging dan ikan) yang dibawa masuk ke Malaysia bebas daripada penyakit dan perosak selain selamat dimakan pengguna.

ii. MAQIS menjaga 57 pintu masuk negara ini iaitu di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan kecuali Sabah dan Sarawak. Oleh itu, pintu masuk di Sabah dan Sarawak perlu diberikan perhatian yang serius bagi memastikan keselamatan makanan di Malaysia terjamin.

iii. Justeru, LKIM sebagai agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengambil tanggungjawab menjalankan kerja-kerja penguatkuasa di pintu masuk yang tidak dapat dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di pintu masuk Sabah dan Sarawak.

iv. Senarai Pusat Pemeriksaan Ikan di Negeri Sarawak dan Sabah adalah seperti Jadual 78.

Jadual 78: Senarai Pusat Pemeriksaan Ikan Di Negeri Sarawak Dan Sabah

NEGERI	BIL.	PUSAT PEMERIKSAAN IKAN
Sarawak	1.	PPI Lapangan Terbang Kuching
	2.	PPI Senari Port
	3.	PPI Tebedu / Entikong, Serian
	4.	PPI Mengkalap, Lawas
	5.	PPI Tedungan, Limbang
	6.	PPI Pandaruan, Limbang
	7.	PPI Lapangan Terbang Bintulu
	8.	PPI Pelabuhan Bintulu
	9.	PPI Lapangan Terbang Miri
	10.	PPI Pelabuhan Miri, Baram
	11.	PPI Lubuk Antu, Seri Aman
	12.	PPI Pelabuhan Rajang, Sibu
	13.	PPI Lapangan Terbang Sibu
	14.	PPI Sungai Tujuh, Baram, Miri
	15.	PPI LKIM Pelabuhan Tg. Manis
	16.	PPI C.I.Q Biawak, Lundu
	17.	PPI Merapok
Sabah	1.	Lapangan Terbang Kota Kinabalu
	2.	Pelabuhan Kota Kinabalu
	3.	Lapangan Terbang Sandakan
	4.	Pelabuhan Sandakan
	5.	Lapangan Terbang Tawau
	6.	Pelabuhan Tawau

Peta 5: Taburan Kompleks / Labuhan Perikanan LKIM Di Seluruh Malaysia



Peta 6: Taburan Jeti Pendaratan Ikan Dan Slipway LKIM Di Seluruh Malaysia



Jadual 79: Pendaratan Ikan Di Kompleks / Labuhan Perikanan LKIM Bagi Tahun 2019 Dan 2020

NEGERI	BIL.	KOMPLEKS / LABUHAN	KUANTITI (t)		NILAI (RM)	
			2020	2019	2020	2019
Kedah	2.	Chenang	44.40	52.72	523,425.22	756,671.16
	3.	Kuala Kedah	2,101.90	1,915.50	8,381,670.00	9,503,100.00
	4.	Kuala Muda (K)	3,364.86	2,692.01	9,672,777.85	16,206,034.18
	5.	Kuala Sala	404.98	298.84	2,940,419.00	1,375,600.00
	6.	Kuala Sanglang	126.47	113.61	186,371.00	184,923.50
	7.	Penarak	67.24	158.71	438,659.11	855,265.85
	8.	Sg. Udang, Yan	14.70	6.13	80,197.00	69,116.00
	9.	Tg. Dawai	594.50	371.09	3,394,928.04	2,793,742.62
Pulau Pinang	10.	Batu Maung	6,921.37	5,672.45	29,834,039.00	19,650,358.40
	11.	Kuala Muda (PP)	2,044.26	1,601.50	6,769,451.87	10,328,120.42
	12.	Teluk Bahang	1,414.82	2,461.04	4,319,289.64	6,693,484.83
	13.	Jelutong	-	-	-	-
Perak	14.	Kuala Kurau	826.78	1,653.10	5,081,555.70	10,339,600.00
	15.	Lumut	46,136.34	28,706.98	97,310,513.00	62,956,595.00
Selangor	16.	Kuala Selangor	8.23	-	74,370.00	-
	17.	Pelabuhan Klang	2,728.00	971.00	2,401,779.80	738,248.20
Melaka	18.	Kuala Linggi	125.30	29.77	1,888,388.50	492,876.42
	19.	Sg. Duyong	20.40	27.44	412,497.26	540,407.60
Johor	20.	Endau	3,904.85	3,831.77	11,934,737.90	16,245,708.26
	21.	Kuala Sedili	2,133.72	2,272.70	8,245,662.96	23,960,690.00
	22.	Mersing	289.52	286.33	1,492,249.00	1,343,971.60
	23.	Pengerang	24.63	18.14	419,316.95	308,455.08
Pahang	24.	Kuala Pahang	706.24	824.28	4,462,112.00	5,047,691.00
	25.	Kuala Rompin	175.71	190.96	1,758,037.30	2,002,149.70
	26.	Kuantan	50,117.40	62,758.45	117,046,943.44	153,837,271.79
	27.	Nenasi	627.75	772.10	2,988,149.68	4,918,066.18
Terengganu	28.	Chendering	866.16	1,334.45	3,547,063.58	5,144,780.38
	29.	Dungun	1,425.40	1,707.45	10,831,755.26	13,451,069.00
	30.	Kerteh	254.00	324.56	1,977,336.62	2,474,252.00
	31.	Kuala Besut	3,507.28	5,261.28	13,765,566.23	19,838,823.51
	32.	Kuala Kemaman	330.86	640.29	2,518,467.99	5,101,883.46
	33.	Marang	875.38	600.82	6,435,121.66	5,330,510.38
	34.	Pulau Kambing	4,430.05	6,629.76	22,557,022.54	32,988,220.65
	35.	Setiu	-	-	-	-
Kelantan	36.	Geting	4,755.04	6,405.54	17,647,551.28	17,682,795.22
	37.	Kuala Besar	469.11	502.97	3,894,690.96	4,357,891.04
	38.	Pengkalan Petah	198.10	404.30	1,002,352.78	1,702,958.95
	39.	Tok Bali	31,520.02	37,243.13	92,029,408.51	112,088,361.80
Sarawak	40.	Belawai	3,658.12	3,871.48	17,321,927.50	19,372,425.00
	41.	Bintulu	6.96	-	17,897.20	-
	42.	Kabong	108.38	31.02	350,215.70	201,575.74
	43.	Miri	1,029.45	1,386.91	4,183,615.95	10,060,524.50
	44.	Mukah	66.10	11.87	481,481.15	121,200.30
	45.	Tanjung Bako	1,750.70	2,591.43	13,350,733.57	8,858,498.52
	46.	Tanjung Manis	3,888.88	5,194.37	3,823,273.34	4,989,032.65
	47.	Bintawa	-	-	-	-
Wilayah Persekutuan Labuan	48.	Labuan	2,116.92	1,692.26	9,769,944.50	12,783,872.20
JUMLAH			**192,791.17**	**211,257.12**	**575,919,892.04**	**741,191,858.09**

Pada tahun 2020, LKIM terus memainkan peranan penting dalam membangunkan industri hiliran berasaskan perikanan dengan menyediakan khidmat sokongan pengembangan aktiviti pemprosesan dan tambah nilai bagi produk-produk perikanan di samping melahirkan usahawan dan nelayan yang moden dan berpendapatan tinggi.

Pelbagai program pembangunan serta khidmat sokongan dirangka dan dirancang bagi membantu usahawan yang terlibat dalam perusahaan pemprosesan makanan atau bukan makanan berasaskan produk perikanan dan hasilan ikan. Objektif utama program yang dijalankan adalah untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran, hasil jualan dan pendapatan. Di samping itu, program yang dilaksanakan turut membantu usahawan dalam menghasilkan produk berkualiti yang memenuhi piawaian pensijilan dan pembungkusan yang menarik.

Antara program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 oleh LKIM adalah sepertimana berikut:

1. Program Pusat Pemprosesan Hasil Perikanan (PPHP)

   Pusat Pemperosesan Hasil Perikanan (PPHP) telah mula dibangunkan pada tahun 1990-an, yang mana merupakan sebuah pusat mengumpul, memproses dan membungkus produk berasaskan perikanan, seperti keropok, keropok lekor, bebola ikan, budu dan lain-lain produk perikanan. Sehingga tahun 2020 sebanyak 32 buah PPHP di seluruh negara berada di bawah seliaan LKIM.

   Pada tahun 2020, PPHP telah mencatat sebanyak 11,196.46 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM 25.81 juta berbanding tahun 2019 dengan pengeluaran sebanyak 1,560.37 tan metrik bernilai RM 22.59 juta. Pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan di seluruh negara ekoran penularan wabak pandemik COVID-19, prestasi pengeluaran dan pemasaran produk usahawan di PPHP turut terjejas susulan pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Walaubagaimanapun setelah pihak kerajaan memberikan kebenaran bersyarat kepada usahawan-usahawan pemproses makanan untuk menjalankan operasi, pengeluaran dilihat meningkat secara mendadak memandangkan permintaan dalam pasaran meningkat ekoran daripada masyarakat tidak dapat bergerak dan perlu berada di rumah. Berikut perbandingan pengeluaran PPHP bagi tahun 2019 dan 2020 seperti Jadual 80.

Jadual 80: Perbandingan Kuantiti Dan Nilai Pengeluaran PPHP Bagi Tahun 2019 Dan 2020 Berdasarkan Jenis Produk

BIL.	PRODUK	TAHUN 2020		TAHUN 2019	
		KUANTITI (t)	NILAI (RM)	KUANTITI (t)	NILAI (RM)
	keropok udang dan keropok sotong				
2.	Ikan kering, ikan masam, ikan bilis, udang kering, ikan salai dan tahai	596.80	5,294,024.15	769.11	7,414,001.90
3.	Budu dan sos ikan	1.68	45,564.05	3.20	20,640.00
4.	Belacan	0.29	8,017.00	0.84	21,220.70
5.	Isi ikan dan otoshimi	4.06	28,388.00	0.72	2,778.20
6.	Lain-lain produk	10,388.79	19,106,200.70	660.59	14,212,466.58
JUMLAH		**11,196.46**	**25,812,794.50**	**1,560.37**	**22,588,232.58**

Gambar 21: Aktiviti Pemprosesan Popia Satar Di PPHP Kemaman, Terengganu

Program-program yang dilaksanakan bagi memastikan PPHP dapat beroperasi dalam keadaan yang kondusif dan seterusnya meningkatkan kualiti pengeluaran produk:

i. Penyelenggaraan Pusat Pemprosesan Hasil Perikanan

Sepanjang 2020, sebanyak RM 948,805.40 telah dibelanjakan bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil di bangunan PPHP seluruh negara berbanding pada tahun 2019 hanya RM 378,940.00 dibelanjakan. Penyelenggaraan berkala dilakukan bagi memastikan keadaan PPHP dapat beroperasi baik dan selamat memandangkan kebanyakan PPHP telah mencapai usia yang agak lama.

Gambar 22: Kerja-Kerja Penyelenggaraan Fascia Board Lot SDC KIFPP Di Kuantan, Pahang

Gambar 23: Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bilik Sejuk Di PPHP Kemaman, Terengganu



ii. Program Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan Dan Pemasaran (3P)

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga melalui pihak LKIM telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 249,000.00 di bawah program 3P kepada enam (6) PPHP di bawah kendalian LKIM bagi tahun 2020. Program tersebut merupakan salah satu inisiatif daripada pihak kementerian untuk membantu pusat pemprosesan untuk dinaiktaraf dan memperolehi peralatan dan mesin yang baru. Bantuan ini telah membantu meningkatkan pengeluaran ushawan di PPHP serta dapat memenuhi piawaian pensijilan seperti MeSTI dan juga HALAL. Antara PPHP yang telah menerima peruntukan di bawah program ini adalah seperti Jadual 81.

Jadual 81: Jumlah Peruntukan Yang Diterima Oleh Enam (6) PPHP Di Bawah Program Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan Dan Pemasaran (3P)

BIL.	LOKASI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Pusat Pemprosesan Hasil Perikanan Kuala Perlis, Perlis	26,000.00
2.	Pusat Pemprosesan Hasil Perikanan Perlis Selatan, Perlis	18,000.00
3.	Pusat Pemprosesan Hasil Perikanan Penarak, Langkawi	30,000.00
4.	Pusat Pemprosesan Hasil Perikanan Pangkor, Perak	80,000.00
5.	Pusat Pemprosesan Hasil Perikanan Kemaman, Terengganu	10,000.00
6.	Pusat Pemprosesan Hasil Perikanan Geting Tumpat, Kelantan	85,000.00
	JUMLAH (RM)	**249,000.00**

Gambar 24: Pembekalan Mesin Pemotong Ikan Dan Pengadun Rempah Di PPHP Pangkor Di Bawah Peruntukan 3P

Gambar 25: Pembekalan Mesin Pembentuk Bebola Ikan Dan Peti Sejuk Beku Di PPHP Kemaman Di Bawah Peruntukan 3P

iii. Jalinan Kerjasama Antara LKIM dengan East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)

Dalam usaha merancakkan lagi aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan produk hasil laut di PPHP, pihak LKIM terus menjalinkan kerjasama strategik bersama pihak East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) bagi membangun dan menguruskan Projek Taman Pemprosesan Ikan Bersepadu (KIFPP) di Kuantan, Pahang serta Projek Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) Geting di Tumpat, Kelantan.

LKIM juga sedang menjalinkan kerjasama yang baharu dengan pihak ECERDC bagi mengukuhkan lagi aktiviti pemprosesan produk perikanan di PPHP melalui pembinaan sebuah taman pemprosesan baharu yang bakal dikenali sebagai Taman Pemprosesan Ikan Bersepadu Endau-Mersing (EMFPP) di Kompleks LKIM Endau, Johor. Projek tersebut dijangka siap pada Mac 2022.

Antara faedah daripada jalinan kerjasama yang telah dicapai adalah:

a. Taman Pemprosesan Ikan dapat diuruskan dengan lebih sistematik dan ekonomik bagi memgembangkan ekonomi di kawasan pembangunan ECERDC melalui penglibatan sektor swasta di mana dikawalselia melalui dua buah Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal Induk Projek-Projek Perikanan ECERDC-LKIM-DOF serta Jawatankuasa Pengurusan Induk Projek-Projek Perikanan ECERDC-LKIM-DOF.
b. Menyediakan peluang pelaburan di dalam aktiviti pemprosesan ikan kepada pelabur dan usahawan yang berpotensi. Sehingga kini projek jalinan kerjasama ini telah membuka peluang 100 peluang pekerjaan.
c. Peningkatan kuantiti dan kualiti produk pemprosesan ikan selaras dengan piawaian pensijilan. Kesemua usahawan yang menjalankan aktiviti di taman-taman pemprosesan memperolehi pensijilan seperti Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Good Manufactering Pracites (GMP), HALAL, Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP), dan EU Standards;
d. Menyumbang kepada 73 peratus daripada pengeluaran hasil keluaran produk perikanana di PPHP seliaan LKIM pada tahun 2020 dengan nilai RM 18.4 juta.

Gambar 26: Lawatan Pemantauan Di Tapak Projek EMFPP Yang Dalam Pembinaan

Peta 7: Taburan PPHP Mengikut Negeri



2. Program Pembangunan Perniagaan

i. Khidmat Pengembangan Produk dan Galakan Pasaran

LKIM menyediakan khidmat nasihat rekabentuk pembungkusan dan pelabelan produk serta sistem pengurusan kualiti dan keselamatan makanan seperti MeSTI, GMP, HALAL dan HACCP melalui kerjasama pelbagai jabatan atau agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), SIRIM dan MARDI.

LKIM turut membantu memperkenalkan dan meluaskan pasaran produk Usahawan IAT LKIM melalui penganjuran dan penyertaan ekspo, karnival, pesta jualan dan lain-lain program promosi produk makanan dalam dan luar negara. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program-program tersebut adalah seperti pameran, jualan promosi, demonstrasi produk, pensampelan produk dan sesi padanan perniagaan.

Bagi tahun 2020, dunia berdepan dengan isu penularan wabak pandemik COVID-19 sekaligus memberi kesan kepada program-program promosi dalam dan luar negara. Penganjuran program promosi domestik masih boleh dianjurkan dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sebanyak 12 program yang melibatkan 80 orang usahawan telah dijalankan pada tahun 2020 dengan catatan keseluruhan nilai jualan sebanyak RM 14,558.30 seperti di Jadual 82.

Jadual 82: Ringkasan Program Promosi Yang Disertai Usahawan Bimbingan LKIM Di Peringkat Domestik Pada Tahun 2020

BIL.	NEGERI	PROGRAM	TAHUN 2020	
			BILANGAN USAHAWAN	NILAI JUALAN (RM)
1.	Perlis	Pesta Angin Timur Negeri Perlis Tahun 2020	7	3,826.00
2.	Perlis	Promosi Slot Agrotek RTM (TV1)	2	Pemprosesan produk
3.	Perlis	Mafi Mart	1	125.00
4.	Pulau Pinang	Bazaar Peduli Rakyat	2	323.00
5.	Perak	Mini Karnival Industri Makanan Bukit Gantang Tahun 2020	17	9,129.30
6.	Terengganu	Promosi Usahawan Bimbingan LKIM Negeri Terengganu Sempena Program Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri II, MAFI	3	Ujirasa produk
7.	Terengganu	Promosi Produk Usahawan LKIM Negeri Terengganu Sempena Program Perkampungan Budaya Terengganu	5	Ujirasa produk
8.	Sabah	Promosi Ekspo Usahawan Wanita Antarabangsa Malaysia Peringkat Negeri Sabah 2020	8	800.00
9.	Sabah	Ekspo Jualan, Pameran Dan Promosi Produk Industri Makanan Sempena Program Majlis MAHA 2020 Sabah	7	355.00

BIL.	NEGERI	PROGRAM	TAHUN 2020	
			BILANGAN USAHAWAN	NILAI JUALAN (RM)
10.	Sabah	Ekspo Jualan, Pameran Dan Promosi Produk Industri Makanan Sempena Program YAB Perdana Menteri Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan Sabah Dan Pelancaran Skim Subsidi Baja Dan Racun Padi Bukit / Huma	10	Ujirasa produk
11.	Sabah	Promosi Produk Industri Makanan Sempena Program Ramah Mesra YAB Perdana Menteri di Dun Lubuk, Beluran, Sabah	13	Ujirasa produk
12.	Sarawak	Promosi Produk Usahawan Bimbingan LKIM Sempena Program Lawatan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak Ke Lawas, Sarawak	5	Ujirasa produk
JUMLAH			**80**	**14,558.30**

Gambar 27: Penyertaan LKIM Bersama-Sama Usahawan Bimbingan Di Program Promosi Peringkat Domestik Tahun 2020

Mini Karnival Industri Makanan Dan Pelancaran Caruman PERKESO Nelayan Di Taiping, Perak

Mini Karnival Industri Makanan Promosi dan Ujirasa Di Beluran, Sabah

ii. Khidmat Pemadanan Perniagaan

LKIM menerajui penyertaan pengeluar dan usahawan dalam misi perdagangan dan pelaburan di dalam pameran perdagangan dan pemadanan perniagaan peringkat antarabangsa di dalam atau di luar negara. Walaubagaimanapun, semua aktiviti program promosi dan eksposisi antarabangsa yang telah dijadualkan di dalam takwim 2020 telah ditangguhkan oleh pihak penganjur berikutan semua negara menutup sempadan masing-masing dalam usaha membendung penularan wabak pandemik COVID-19.

iii. Pusat Pengumpulan Dan Pemasaran Produk (FishPro)

Pusat pengumpulan dan pemasaran produk berasaskan ikan dan hasilan ikan (FishPro) yang telah diwujudkan sejak tahun 2011 berperanan sebagai hub pengumpulan dan outlet pemasaran produk-produk keluaran nelayan dan usahawan bimbingan. Sehingga kini terdapat 10 buah FishPro yang beroperasi di seluruh negara. Prestasi jualan beberapa FishPro pada tahun 2020 terjejas berikutan terdapat usahawan memilih untuk menjalankan perniagaan secara terus atas talian yang menjadi platform alternatif pemasaran sepanjang tempoh PKP. Jadual 83 di bawah menunjukkan senarai FishPro dan nilai urus niaga bagi tahun 2019 dan 2020.

Jadual 83: Laporan Perbandingan Nilai Jualan FishPro Sepanjang Tahun 2020 Dan 2019

BIL.	NEGERI	LOKASI OUTLET	PENGUSAHA FISHPRO	NILAI JUALAN 2020 (RM)	NILAI JUALAN 2019 (RM)
1.	Perlis	Kuala Sungai Baru	PNK Perlis Selatan,	Tutup operasi sementara	13,868.70
2.	Kedah	Kompleks LKIM Tanjung Dawai	PNK Tanjung Dawai	15,397.70	22,563.56
3.	Perak	PPHP Pulau Pangkor	PNK Pulau Pangkor	206,000.00	377,000.00
		Pekan Pangkor	Hasil Laut Paksu	Tutup operasi sementara	37,600.00
4.	Negeri Sembilan	Port Dickson	PNK Port Dickson	16,115.52	8,052.30
5.	Johor	Mersing	Azuwad Trading	157,179.00	268,715.00
6.	Terengganu	Kg Raja, Besut	Anazz Food Industries	26,606.86	133,680.00
7.	Sarawak	Medan Niaga Satok	PNK Sri Muara	Tutup operasi sementara	41,177.00
		Tebingan Kuching	PNK Sri Muara	120,000.00	105,488.00
8.	Sabah	Kota Kinabalu	PNK Kota Kinabalu	1,873.00	2,500.00
JUMLAH				**543,172.08**	**1,010,644.56**

3. Program Pembangunan Usahawan Bimbingan (PUB) Dan Peserta Agropreneur Muda (PAM) LKIM

Sehingga tahun 2020, seramai 997 orang usahawan pemeroses telah berdaftar di bawah program PUB LKIM meliputi dari Tahap 1 sehingga Tahap 5 seperti di Jadual 84.

Usahawan-usahawan tersebut secara tidak langsung layak menerima pelbagai manfaat yang telah disediakan oleh LKIM bagi membantu dalam meningkatkan keupayaan keusahawanan mereka dalam sektor perikanan khususnya industri asas tani.

Antara bantuan dan bimbingan yang disediakan adalah Khidmat Bantuan Pembiayaan melalui Geran Kerajaan. Bantuan pembiayaan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan disediakan mengikut tahap nilai jualan tahunan usahawan seperti di Jadual 85.

i. Geran Pemadanan Change Upgrade Product (CUP)

Geran Change Upgrade Product (CUP) adalah bantuan peruntukan yang disalurkan di dalam bentuk geran pemadanan iaitu 70 peratus pembiayaan kerajaan (maksimum RM 60,000.00) manakala 30 peratus adalah pembiayaan usahawan. Program ini diberikan kepada Usahawan IAT Tahap 1 hingga Tahap 3 yang memperoleh nilai jualan tahunan kurang daripada RM 300,000.00. Bantuan di dalam bentuk geran pemadanan ini meliputi skop seperti:

a. Kajian Nutrisi dan Jangka Hayat Produk
b. Reka Bentuk Pembungkusan dan Pelabelan
c. Peningkatan Kapasiti Pengeluaran
d. Penambahbaikan Premis
e. Perolehan Papan Tanda Perniagaan

Bagi tahun 2020, seramai 18 orang usahawan telah mendapat pembiayaan di bawah geran tersebut dengan nilai keseluruhan bantuan sebanyak RM 411,886.00.

Gambar 28: Usahawan Bimbingan Penerima Bantuan Geran Pemadanan CUP Bagi Tahun 2020

Peningkatan Kapasiti Peongeluaran Dan Penambahbaikkan Premis Usahawan Bimbingan di Negeri Sarawak

Penambahbaikkan Premis Usahawan Bimbingan di Negeri Terengganu

ii. Geran Pemadanan High Impact Product (HIP)

Geran High Impact Project (HIP) pula adalah bantuan peruntukan yang disalurkan di dalam bentuk geran pemadanan iaitu 50 peratus pembiayaan kerajaan (maksimum RM 200,000.00) manakala 50 peratus adalah pembiayaan usahawan. Geran ini diberikan kepada Usahawan IAT Tahap 4 hingga Tahap 5 yang memperoleh nilai jualan (RM 300,000.00 hingga RM 15,000,000.00). Program ini menyediakan bantuan di dalam bentuk geran pemadanan meliputi skop seperti:

a. Kajian Nutrisi dan Jangka Hayat Produk
b. Reka Bentuk Pembungkusan dan Pelabelan
c. Peningkatan Kapasiti Pengeluaran
d. Penambahbaikan Premis

Bagi tahun 2020, tiada penerima bagi pembiayaan di bawah Geran Pemadanan High Impact Product (HIP).

Jadual 84: Pecahan Bilangan Usahawan IAT LKIM Mengikut Tahap Dan Negeri

NEGERI	BILANGAN USAHAWAN					
	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3	TAHAP 4	TAHAP 5	JUMLAH
Kelantan	28	27	17	11	4	87
Pahang	21	24	22	3	1	71
Terengganu	38	42	27	16	7	130
Kedah	28	18	12	5	2	65
Perak	15	21	8	4	1	49
Perlis	27	3	2	2	0	34
Pulau Pinang	7	4	7	2	0	20
Johor	14	7	7	10	4	42
Melaka	4	3	5	4	0	16
Negeri Sembilan	4	0	3	0	0	7
Selangor	26	13	17	8	7	71
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2	1	2	2	3	10
Labuan	12	2	2	0	0	16
Sabah	43	8	3	1	0	55
Sarawak	199	107	13	5	0	324
JUMLAH KESELURUHAN	**468**	**280**	**147**	**73**	**29**	**997**

Jadual 85: Jenis Pembiayaan Yang Disediakan Berdasarkan Nilai Jualan Tahunan Usahawan

KATEGORI	NILAI JUALANTAHUNAN (RM)	GERAN PEMADANAN
Tahap 1	≤RM50,000	Geran Change Upgrade Product (CUP)
Tahap 2	>RM50,000 hingga ≤RM100,000	
Tahap 3	>RM100,000 hingga ≤RM300,000	
Tahap 4	>RM300,000 hingga ≤RM5,000,000	Geran High Impact Product (HIP)
Tahap 5	>RM5,000,000 hingga ≤RM15,000,000	
Tahap 6	>RM15,000,000 hingga ≤RM50,000,000	Institusi kewangan

iii. Geran Agropreneur Muda (GAM)

Geran Agropreneur Muda (GAM) adalah bantuan 100 peratus pembiayaan kerajaan yang disalurkan di dalam bentuk barangan (in-kind contribution).

Geran ini adalah khusus membantu dan menggalakkan golongan belia yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun menceburi bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantaian nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan serta industri asas tani termasuk pemasaran, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian dan agro pelancongan.

Bagi tahun 2020, seramai 40 orang usahawan telah mendapat pembiayaian di bawah geran tersebut dengan nilai keseluruhan bantuan sebanyak RM 637,635.00 seperti di Jadual 86.

Jadual 86: Ringkasan Penerima Geran Agropreneur Muda LKIM Tahun 2020

SEKTOR	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
Industri Asas Tani	17	307,115.00
Perikanan	23	330,520.00
Jumlah	**40**	**637,635.00**

Gambar 29: Bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) Kepada Puan Ainatul Firdaus Abdullah Zawawi Bagi Projek Pemprosesan Keropok

iv. Pembangunan Modal Insan

LKIM turut menyediakan khidmat bimbingan dan latihan kemahiran secara berterusan bagi memastikan pengusaha sektor industri pemprosesan produk makanan dan bukan makanan berasaskan ikan di kalangan usahawan bimbingan LKIM dan peserta Agropreneur Muda mampu berdepan dengan persaingan yang semakin mencabar. Sepanjang tahun 2020, sebanyak tujuh (7) siri kursus dan lawatan telah diadakan melibatkan seramai 109 orang usahawan bimbingan LKIM seperti di Jadual 87.

Jadual 87: Ringkasan Kursus Yang Dianjurkan Bagi Usahawan Bimbingan LKIM Bagi Tahun 2020

BIL.	KURSUS	LOKASI	BILANGAN PESERTA
1.	Business Booster	Atas talian	15
2.	Bengkel Pemprosesan Ikan Lumek Salai	Mukah, Sarawak	30
3.	Kursus Bebola Ikan Dan Keropok Ikan PPHP Kemaman	Kemaman, Terengganu	10
4.	Kursus Pemprosesan Keropok Udang	Miri, Sarawak	16
5.	Kursus Pemprosesan Fillet Ikan Tilapia (Atau Produk Tambah Nilai Ikan Tilapia)	Limbang, Sarawak	12
6.	Kursus Keropok Lekor	Kuala Terengganu,	10
7.	Bengkel Pemprosesan Bebola Isi Ketam dan Ketam Sumbat	Tawau, Sabah	16
JUMLAH PESERTA			**109**

Selain itu, sebanyak 10 kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 melibatkan seramai 141 orang peserta Agropreneur Muda seperti di Jadual 88.

Jadual 88: Ringkasan Kursus Yang Dianjurkan Bagi Peserta Agropreneur Muda Mengikut Negeri Bagi Tahun 2020

BIL.	NEGERI	KURSUS	BILANGAN PESERTA
1.	Terengganu	Kursus Kualiti dan Keselamatan Makanan	15
2.	Wilayah Persekutuan Labuan	Kursus Akuaponik	15
3.	Pulau Pinang	Kursus Teknik Ternakan Ikan Dalam Sangkar	10
4.	Sabah	Kursus Kualiti dan Keselamatan Makanan	15
5.	Negeri Sembilan	Kursus Teknologi Retort	15
6.	Sarawak	Kursus Pemprosesan Keropok Lekor	10
7.	Pahang	Kursus Pemasaran Digital	15
8.	Sarawak	Kursus Kualiti dan Keselamatan Makanan	16
9.	Kelantan	Kursus Pengendalian Tuaian Ikan	14
10.	Sarawak	Kursus membaiki Pukat	16
JUMLAH PESERTA			**141**

Gambar 30: Kursus Kualiti Dan Keselamatan Makanan Usahawan Agropreneur Muda Bimbingan Di Negeri Terengganu

4. Pembangunan Perikanan Laut

Selain daripada usaha di peringkat hiliran, LKIM juga terlibat di peringkat huluan yang fokus kepada perikanan tangkapan di laut. Fokus utama Program Pembangunan Perikanan Laut adalah memastikan nelayan boleh terus ke laut dan tidak hilang mata pencarian.

Berikut adalah program-program yang telah dijalankan pada tahun 2020:

i. Program Penyelenggaraan dan Naiktaraf Unjam

Pada tahun 2020, LKIM telah diperuntukan dibawah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020 sebanyak RM 2.0 juta untuk kerja-kerja menyelenggara dan menaiktaraf unjam-unjam yang berada disekitar perairan Malaysia. Objektif utama program ini adalah untuk memastikan unjam berada dalam keadaan baik agar populasi ikan boleh membiak dan menjadikan ia sebagai habitat kekal. Kebanyakan unjam-unjam ini telah lama dibina dan menjadi habitat kepada ikan-ikan demersal dan pelagik. Seringkali terjadi apabila terdapat vessel-vesel pukat tunda yang rakus dalam melakukan aktiviti penundaan hingga ke dasar laut. Ianya telah menyebabkan pukat-pukat yang tersangkut pada unjam dan telah merosakkan unjam-unjam yang menjadi habitat kepada ikan untuk membiak Antara kerja-kerja penyelengaraan yang telah dijalankan adalah memotong, mengangkut, dan memindahkan segala jenis pukat, pelampung dan benda asing yang tersangkut pada unjam. Impak daripada program ini, ikan-ikan yang berada di kawasan unjam dapat membiak dengan baik dan populasinya semakin meningkat. Secara tidak langsung ianya telah membantu meningkatkan hasil tangkapan nelayan di kawasan sekitar. Berikut di Jadual 89 merupakan perincian kerja-kerja yang telah dijalankan.

Jadual 89: Pecahan Peruntukan Program Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Unjam Mengikut Lokasi

BIL.	LOKASI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
	MENAIKTARAF UNJAM	
1.	Sepang 2	31,400.00
2.	Rompin	200,000.00
3.	Bachok	200.000.00
4.	Sedili	200,000.00
5.	Bukit Pelanduk	54,000.00
6.	Semantan	200,000.00
7.	Setiu	200,000.00
	PENYELENGGARAAN UNJAM	
1.	Pulau Pangkor A	30,000.00
2.	Pulau Pangkor B	30,000.00
3.	Sepang 1	30,000.00
4.	Pekan	30,000.00
5.	Kuantan	30,000.00
6.	Tumpat	30,000.00
7.	Bachok	30,000.00
8.	Muar	30,000.00
9.	Endau	30,000.00
10.	Pontian	30,000.00
11.	Sg. Limau	30,000.00
12.	Tg. Dawai	30,000.00
13.	Teluk Bahang	30,000.00
14.	Penaga	30,000.00
15.	Mukah	30,000.00
16.	Seri Muara	30,000.00
17.	Kuala Perlis	30,000.00
18.	Kg. Sg. Baru	30,000.00
19.	Kuala Terengganu	30,000.00
20.	Dungun	30,000.00
21.	Tuaran	30,000.00
22.	Semporna	30,000.00

Gambar 31: Kerja-Kerja Penyelenggaraan Unjam Dilaksanakan Di Lokasi Yang Dikenalpasti

ii. Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (Fishing Site Identification, FSI)

Unjam-unjam yang telah diselenggara dan dinaiktaraf akan dipantau melalui Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (FSI) dengan menggunakan teknologi terkini bagi menentusahkan lokasi penangkapan ikan yang mempunyai ketumpatan populasi ikan yang tinggi. Sistem ini dapat meramal dan menentukan zon potensi tangkapan ikan dari masa ke semasa dengan menggunakan aplikasi dan peranti yang berkesan. Penggunaan sebaran menghantar maklumat melalui penggunaan telefon dapat menjimatkan masa dan penyampai yang lebih tepat serta terkini dapat diwujudkan. Program ini dibangunkan melalui jalinan kerjasama antara LKIM, NEKMAT, Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF). Pada tahun 2020, LKIM telah memasang lapan (8) buah paparan LCD di pelabuhan dan kompleks pendaratan ikan bagi memudahkan para nelayan memperolehi data-data terkini sebelum mereka keluar ke laut. Berikut di Jadual 90 merupakan tempat pendaratan ikan yang mempunyai paparan LCD FSI.

Jadual 90: Tempat Pendaratan Ikan Yang Disediakan Paparan FSI

BIL.	LOKASI
1.	Kompleks LKIM Kuala Perlis, Perlis
2.	Kompleks LKIM Endau, Johor
3.	Kompleks LKIM Mersing, Johor
4.	Kompleks LKIM Pulau Kambing, Terengganu
5.	Kompleks LKIM Kuala Besut, Terengganu
6.	Kompleks LKIM Batu Maung, Pulau Pinang
7.	Kompleks LKIM Kuantan, Pahang
8.	Pelabuhan LKIM Tok Bali, Kelantan

Gambar 32: Paparan Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (FSI) Di Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Pulau Kambing, Terengganu

iii. Program Modal Insan

Program Modal Insan menyediakan latihan kemahiran dan kursus teknologi peralatan tangkapan diberikan kepada nelayan-nelayan yang merangkumi seperti berikut:

a. Penyelenggaraan enjin sangkut dan enjin dalam
b. Pengendalian tangkapan ikan yang baik
c. Pembuatan bubu dan pelbagai peralatan yang berkesan untuk menangkap ikan
d. Pengenalan dan teknik-teknik penggunaan peralatan-peralatan moden menangkap ikan

Program ini bertujuan membantu nelayan dari semua aspek serta penggunaan teknologi peralatan penangkapan ikan yang lebih moden lagi efisyen serta praktikal khususnya untuk meningkatkan pendapatan mereka. Di samping itu, dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai penggunaan serta kaedah terkini didalam penangkapan ikan secara moden.

Pada tahun 2020, sebanyak empat (4) kursus telah diadakan di peringkat negeri yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 174,461.00.

Gambar 33: Kursus Baiki Enjin Bot / Sampan Ahli Persatuan Nelayan Kawasan Setiu, Terengganu

Kursus *'refreshment'* dan kursus penyelam baru di kalangan pegawai dan kakitangan LKIM turut dianjurkan di bawah Program Rangsangan Ekonomi (PRE2020) melibatkan peruntukan sebanyak RM 220,000.00. Sebanyak dua (2) siri kursus *'refreshment'* telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan 40 kakitangan LKIM yang telah mempunyai Lesen Penyelam di bawah kendalian LKIM sebelum ini.

Gambar 34: Kursus 'Refresment' Dan Kursus Penyelam Baru Pegawai Dan Kakitangan LKIM

Bahagian Kawalselia Pendaratan Ikan dan Penguatkuasaan ditubuhkan pada tahun 2009 bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 dan Kaedah-Kaedah dibawahnya melalui pelaksanaan pelbagai program seperti yang tertera di bawah:

i. Program Pengiktirafan Tempat Pendaratan Ikan Bagi Pengeksportan Ikan ke Kesatuan Eropah
ii. Program Pengawasan Kualiti Tempat Pendaratan Ikan Bagi Pengeksportan Ikan ke Kesatuan Eropah
iii. Program Kebenaran Jeti Pendaratan Ikan (Persendirian)
iv. Program Pengawasan Kualiti dan Kendalian Bagi Rantaian Perikanan Domestik
v. Program Operasi Pemantauan dan Penguatkuasaan
vi. Program Sekatan Eksport Sempena Musim Perayaan dan Musim Tengkujuh
vii. Program Pembangunan Modal Insan

Daripada tujuh (7) program yang dinyatakan di atas, program pertama dan kedua adalah program antarabangsa yang melibatkan pihak Kesatuan Eropah yang terdiri daripada Directorate-General for Maritime Affairs and Fisheries (DG MARE) dan Directorate-General for Health and Food Safety (DG SANTE). Program ini wujud selaras dengan peranan LKIM sebagai Competent Authority dalam mengiktiraf tempat pendaratan ikan yang berkelayakan sahaja untuk pendaratan ikan yang bakal di eskport ke Kesatuan Eropah.

1. Program Pengiktirafan Tempat Pendaratan Ikan Bagi Pengeksportan Ikan Ke Kesatuan Eropah

Program ini bertujuan untuk memperkukuhkan kawalan rasmi di sepanjang rantaian pengeluaran produk perikanan bagi subsektor perikanan tangkapan khususnya di tempat-tempat pendaratan ikan yang diiktiraf. Program ini memastikan tempat pendaratan ikan yang diiktiraf memenuhi piawaian kualiti dan keselamatan makanan di peringkat domestik dan antarabangsa. Melalui program ini, operator tempat pendaratan ikan perlu melaksanakan 'Good Handling Practices (GHP)' yang merangkumi pelbagai komponen keselamatan makanan di tempat pendaratan ikan bagi mencapai tahap kualiti dan kebersihan yang memuaskan selari dengan piawaian yang ditetapkan oleh negara pengimport terutamanya negara-negara Kesatuan Eropah (European Union, EU) di bawah Council Regulation (EC) No. 852/2004 The Hygiene of Food Stuff dan Council Regulation (EC) No. 853/2004 Specific Hygiene Rules for Food of Animal Origin. Kesemua komponen yang terlibat dengan keselamatan dan kebersihan adalah tertakluk di bawah seliaan European Commission Directorate-general for Health and Consumers Protection (DG SANCO).

Aktiviti-aktiviti utama yang dilaksanakan:

i. Pengiktirafan Kompleks Perikanan, Labuhan Perikanan dan Jeti Perikanan Persendirian selaras dengan Peraturan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pengiktirafan Tempat Pendaratan Ikan untuk Eksport Ikan Ke Kesatuan Eropah) 2010.
ii. Perlaksanaan proses pengiktirafan tempat pendaratan ikan melibatkan pemeriksaan dokumen, pematuhan dan pengawasan selaras dengan 'Standard Operating Procedures (SOP) for Fish Landing Site Approval and Monitoring Programme' bagi tujuan pengeksportan.
iii. Khidmat nasihat kepada operator tempat pendaratan ikan dari aspek amalan pengendalian ikan, sanitasi dan kebersihan.
iv. Memastikan kenderaan pengangkutan ikan ke kilang-kilang mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

v. Perlaksanaan 'Council Regulation (EC) No. 1005/2008 Establishing A Community System to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IUU)' bersama Jabatan Perikanan Malayasia dengan mengeluarkan Sijil Tangkapan Ikan bagi pengeksportan ikan dan hasilan ikan ke Kesatuan Eropah dan kawalan import eksport ikan di pintu keluar masuk Sabah dan Sarawak.

Sebanyak empat (4) tempat pendaratan ikan yang diiktiraf pada tahun 2020 bagi tujuan pengeksportan ikan dan hasilan ikan ke Kesatuan Eropah seperti di Jadual 91 manakala 11 tempat pendaratan diletakkan dalam status persediaan sekiranya mendapat permohonan daripada pihak stakeholders.

Jadual 91: Senarai Tempat Pendaratan Ikan Yang Mendapat Pengiktirafan Pada Tahun 2020

BIL.	NEGERI	RUANG EKSPORT DI TEMPAT PENDARATAN IKAN	SPESIS YANG DIDARATKAN	NEGARA PENGIMPORT
1.	Pulau Pinang	Goh Siong Tee	Kerapu, Siakap, Jenahak	Switzerland
2.	Sarawak	Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako		
3.	Sabah	QL Deep Sea	Sotong Katak, Sotong Jarum, Sotong Kurita, Udang Harimau	France, Brussel, Greece, United Kingdom, Netherland, Italy, Norway, Denmark, Belgium, Cyprus, German
4.	Pahang	Kompleks LKIM Kuantan		

Pada tahun ini juga dibawah Council Regulation (EC) No. 1005/2008 Establishing A Community System to Prevent, Deter and Eliminate Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IUU), pihak kerajaan Malaysia yang diwakili oleh pelbagai agensi penguatkuasaan dan pengurusan ikan yang terlibat secara langsung dalam usaha membanteras IUU telah di audit oleh pihak European Commission Directorate-General for Maritime Affairs and Fisheries (DG MARE). Sebanyak dua (2) kali lawatan telah dilakukan bagi melihat keberkesanan sistem dan perundangan Malaysia dalam membanteras IUU Fishing.

Hasil daripada program pengiktirafan ini adalah produk perikanan tangkapan dan hasilan perikanan dapat dieksport dari Malaysia ke Kesatuan Eropah. Aktiviti ini dapat menjana keuntungan berlipat ganda kerana pertukaran mata wang asing yang begitu ketara di antara mata wang Malaysia dan Euro. Selain itu, ekoran daripada pasaran Malaysia yang begitu sengit, dengan adanya pasaran di Kesatuan Eropah telah membuka peluang kepada pihak pengeksport untuk menjana pendapatan baru. Tambahan lagi, LKIM sebagai Competent Authority tetap menjalankan tugas-tugas wajib bagi memastikan kesinambungan pengeksportan berlaku secara langsung walaupun trend pengeksportan ke Kesatuan Eropah adalah tidak menentu dan bergantung kepada permintaan. Kesemua faedah ini secara langsung dapat menunjukkan komitmen Malaysia dalam memastikan produk perikanan yang dieksport ke Kesatuan Eropah adalah dibawah kawalan rasmi.

2. Program Pengawasan Kualiti Tempat Pendaratan Ikan Bagi Pengeksportan Ikan Ke Kesatuan Eropah

Pemantauan kualiti air dan ais dilaksanakan ke atas sumber air dan ais bagi menentusahkan punca air yang digunakan di tempat pendaratan ikan yang diiktiraf mematuhi piawaian kualiti air minuman (portable water) seperti yang dispesifikasikan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan 'Council Directive 98/83/EC The Quality of Water Intended for Human Consumption'. Pemantauan melibatkan proses pensampelan dan analisa in-situ parameter fizikal di lapangan dan seterusnya penghantaran sampel ke makmal-makmal rasmi Jabatan Kimia Malaysia bagi analisa parameter mikrobiologi dan parameter kimia.

Jadual 92: Parameter Test Dan Parametric Value Bagi Pemantauan Kualiti Air Dan Ais

PARAMETER TEST		PARAMETRIC VALUE (COUNCIL DIRECTIVE 98/83/EC)
Fizikal	Warna, Bau, Rasa	Acceptable to consumer and no abnormal change
	Konduktiviti	2,500µScm-1 at 20°C
	Hydrogen Ion (pH)	6.5 ≤ pH ≤ 9.5
	Turbiditi	Acceptable to consumer and no abnormal change (5 NTU)
Mikrobiologi	Total coliform bacteria	0 cfu / 100mL
	Escherichia coli (E.coli)	0 cfu / 100mL
	Clostridium perfringens	0 cfu / 100mL
Kimia	Aluminium	200µg / L
	Iron	200µg / L
	Ammonium	0.50mg / L
	Nitrate / Nitrite	50mg / L; 0.50mg / L

Jadual 93: Ringkasan Pemantauan Kualiti Air Dan Ais Di Tempat Pendaratan Ikan Yang Diiktiraf Tahun 2020

TEMPAT PENDARATAN IKAN (KESATUAN EROPAH)	CHECK MONITORING (SIRI)	OWN CHECK (SIRI)	PEST CONTROL (SIRI)
Jeti Goh Siong Tee	3	2	2
Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako	3	2	2
Kompleks LKIM Kuantan	3	2	2
Jeti QL Deep Sea Fishing	3	2	2

Selain itu, terdapat dua (2) komponen tambahan dalam memastikan sumber air dan kawasan persekitaran tempat pendaratan adalah selamat dan bersih iaitu persampelan Own Check dan Kawalan Makhluk Perosak. Kedua komponen ini terletak dibawah tanggungjawab Food Business Operator (FBO) di mana Own Check dilakukan bagi memastikan keputusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kimia adalah selari dan menjamin kualiti air / ais yang digunapakai dalam aktiviti perikanan. Bagi Kawalan Makhluk Perosak pula adalah untuk menghalang daripada kewujudan makhluk seperti tikus dan lipas dari mencemarkan peralatan dan produk secara tidak langsung.

Kesan daripada pelaksanaan program ini adalah bagi mematuhi kehendak negara pengimport dalam memastikan produk perikanan yang dieksport dikendalikan dengan baik dan dilindungi dari faktor-faktor kontiminasi. Segala komponen yang bersentuhan dengan produk seperti air, ais dan kawasan persekitaran perlu bebas daripada kehadiran bahan kimia dan mikrob yang mampu menjejaskan kualiti produk serta menyebabkan produk tersebut boleh ditahan apabila sampai di Kesatuan Eropah.

3. Program Pendaftaran Dan Sijil Kebenaran Jeti Pendaratan Ikan (Persendirian)

Program Pendaftaran Jeti Pendaratan Ikan Persendirian dilaksanakan secara berperingkat-peringkat selaras dengan Kaedah-Kaedah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Kompleks Perikanan, Labuhan Perikanan dan Jeti Pendaratan Ikan) 2010 iaitu mana-mana orang yang mengendalikan mana-mana jeti pendaratan ikan persendirian hendaklah mendapat kebenaran Lembaga. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha LKIM untuk dalam memastikan jeti-jeti pendaratan ikan persendirian mematuhi piawaian kualiti dan kebersihan yang telah ditetapkan di peringkat domestik. Program ini dijalankan secara berperingkat melalui Tatacara Jeti Pendaratan Ikan 2013.

Peta 8: Sebanyak 97 Sijil Kebenaran Jeti Yang Telah Dimiliki Oleh Operator Jeti Pendaratan Persendirian Tahun 2020



Kesan daripada pelaksaan program ini, pihak LKIM mempunyai maklumat mengenai jeti-jeti pendaratan ikan persendirian yang beroperasi di Malaysia. Selain itu, jeti-jeti yang telah diberi kebenaran perlu mematuhi Kaedah-Kaedah dan Tatacara LKIM yang telah digubal terutama dalam aspek kebersihan dan pengendalian. Selain itu, LKIM mempunyai kawalan dari segi ikan yang didaratkan dan vesel yang beroperasi bagi setiap jeti pendaratan persendirian.

4. Program Pengawasan Kualiti Rantaian Perikanan Domestik

Terdapat 15 Makmal Kualiti Ikan LKIM yang berada di serata Malaysia bertindak sebagai pemudahcara dalam melakukan persampelan selain dijadikan pusat pembangunan kapasiti dalam pematuhan kepada piawaian domestik dan antarabangsa. Bahagian ini juga bertindak sebagai regulator bagi penguatkuasaan akta dan kaedah yang ada terutama perkara yang melibatkan pendaratan, pengendalian, kebersihan dan kualiti ikan. Antara stakeholder yang terlibat adalah para nelayan, peruncit, pemborong dan pemproses.

Program pengawasan kualiti ikan dan hasilan ikan dilaksanakan bagi memastikan ikan dan hasilan ikan yang didaratkan di tempat-tempat pendaratan ikan bagi pasaran domestik memenuhi piawaian kualiti dan bersih. Sejumlah 202 siri persampelan terdiri daripada persampelan air, ais dan organoleptik dilakukan secara rawak dari lot-lot dan tempat-tempat pensampelan yang telah dikenalpasti mengikut lokasi-lokasi terpilih yang ditetapkan dalam jadual pemantauan.

Jadual 94: Carta Persampelan Air, Ais, Ikan, Kebersihan Dan Kendalian Yang Dilaksanakan Di Tempat Pendaratan, Pasar Awam Dan Pasar Borong Tahun 2020

NEGERI	JUMLAH SIRI YANG TELAH DILAKUKAN TAHUN 2020			
	ORGANOLEPTIK	PEMANTAUAN KUALITI AIR	LAPORAN STATUS MAKMAL	PEMANTAUAN KEBERSIHAN KOMPLEKS
Perlis	4	7	2	8
Kedah	2	0	1	7
Pulau Pinang	4	8	1	0
Perak	1	0	0	0
Selangor	2	0	0	7
Melaka	3	0	0	2
Johor	0	0	1	0
Pahang	6	3	2	8
Terengganu	4	0	1	8
Kelantan	3	0	1	6
Sarawak	0	0	1	6
Sabah	0	0	0	0
Wilayah Persekutuan Labuan	6	0	1	6

Kesan daripada program ini adalah pasaran domestik turut diberi penekanan terhadap aspek keselamatan makanan dimana komponen yang sama dengan Kesatuan Eropah turut dititik berat. Program ini dikendalikan sepenuhnya oleh urusetia negeri sebagai latihan pada masa yang sama sekiranya di audit oleh pihak Kesatuan Eropah. Selain itu, program ini dapat memastikan tempat pendaratan LKIM mematuhi piawaian kebangsaan dari aspek kualiti air, kualiti ais, kualiti ikan, pematuhan pendaratan, pematuhan amalan pengendalian ikan yang baik dan kebersihan tempat pendaratan ikan.

5. Program Operasi Pemantauan Dan Penguatkuasaan

Bahagian ini juga bertindak dalam merangka program yang melibatkan aktiviti penguatkuasaan. Penguatkuasaan adalah penting dalam memastikan program-program utama LKIM dijalankan mengikut tatacara yang telah ditetapkan dan tidak bercanggah dengan Akta dan Kaedah LKIM. Program Operasi Pemantauan dan Penguatkuasaan dijalankan selaras di seluruh Malaysia. Sebanyak enam (6) operasi utama yang melibatkan aktiviti penguatkuasaan yang telah dilaksanakan diantaranya adalah:

i. Operasi Pematuhan Lesen Borong LKIM di Pasar Borong.
ii. Operasi Pematuhan Tatacara Jualan Bahan Api Bersubsidi untuk Nelayan.
iii. Operasi Pematuhan Tatacara Pengisyitharan Pendaratan Ikan bagi IHTI.
iv. Operasi Penguatkuasaan di Tempat Pendaratan Ikan di Kompleks LKIM.
v. Operasi Penguatkuasaan di Tempat Masuk Atau Keluar Yang Sah.
vi. Operasi Pematuhan Sekatan Eksport Ikan Rakyat dan Spesis Terpilih Bagi Musim Perayaan dan Musim Tengkujuh di Pintu Keluar Masuk Negara.

Sebanyak 47 operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 dengan melibatkan negeri-negeri di Malaysia. Bilangan operasi penguatkuasaan terpaksa dikurangkan ekoran penularan Pandemik COVID-19 di dalam negara serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan kerajaan bermula 18 Mac 2020. Jadual 95 dibawah menunjukkan bilangan operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020.

6. Program Sekatan Eksport Sempena Musim Perayaan

Program ini dilaksanakan bagi memastikan harga ikan dapat dikawal apabila tibanya musim perayaan di negara ini iaitu dengan menguatkuasakan Sekatan Eksport Bagi Beberapa Spesis Ikan Terpilih. Perlaksanaan ini bertujuan memastikan bekalan ikan yang mencukupi bagi rakyat tempatan pada harga yang berpatutan sepanjang perayaan serta menjamin bekalan stok ikan dalam negara mencukupi ekoran daripada permintaan yang tinggi pada musim perayaan. Namun begitu, Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Import dan Eksport Keluaran Pertanian Terpilih Bilangan 7 Tahun 2020 (JKIEKP Bil.7/2020) yang telah dipengerusikan oleh Ybhg Dato' KSU MAFI telah memutuskan Sekatan Eksport Bagi Spesis Ikan Terpilih yang akan dilaksanakan sempena perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2021 adalah DITANGGUHKAN.

Justifikasi penangguhan yang dibuat antaranya ialah:

i. Simpanan ikan beku (bersaiz kecil) dalam bilik sejuk di semenanjung Malaysia telah mencapai tahap maksimum.
ii. Harga ikan didapati stabil sepanjang tempoh Januari hingga Ogos 2020 walaupun tiada sekatan eksport dijalankan.
iii. Permintaan ikan yang berkurangan ke atas ikan Malaysia dari negara pengimport.

Walaubagaimanapun, LKIM akan melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa dan mengangkat cadangan kepada JKIEKP berdasarkan keperluan semasa.

7. Program Pembangunan Modal Insan

Dalam usaha memperkukuhkan program sedia ada, pelbagai taklimat, latihan dan bengkel telah dianjurkan dan disertai secara berterusan di kalangan pegawai / kakitangan LKIM dan pihak industri yang terdiri daripada pemilik / operator tempat-tempat pendaratan ikan di seluruh negara. Bagi tahun 2020, tiada progam pembangunan modal insan samada untuk pegawai / kakitangan LKIM mahupun pihak pemain industri ekoran keputusan pihak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran penularan pandemik COVID-19 dalam negara.

Jadual 95: Program Operasi Pemantauan Dan Penguatkuasaan Yang telah Dijalankan

PENCAPAIAN (LOKASI)									
BIL.	NEGERI	KOMPLEKS	PASAR BORONG	PUSAT ISYTIHAR	PUSAT JUALAN MINYAK PETROL / DIESEL BERSUBSIDI	SEKATAN EKSPORT SEMPENA MUSIM PERAYAAN	PINTU MASUK	PREMIS	JUMLAH
1.	Perlis							1	1
2.	Kedah	2			2				4
3.	Pulau Pinang	1	2						3
4.	Perak							1	1
5.	Selangor		1						1
6.	Melaka								0
7.	Negeri Sembilan								0
8.	Johor	3		2	5			10	20
9.	Pahang	3	1		1				5
10.	Terengganu	1							1
11.	Kelantan	4	1						5
12.	Sarawak								0
13.	Sabah				1		4		5
14.	Wilayah Persekutuan Labuan								0
15.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		1						1
JUMLAH		**14**	**6**	**2**	**9**	**0**	**4**	**12**	**47**

PENGURUSAN ORGANISASI

KHIDMAT PENGURUSAN

Khidmat Pengurusan merupakan entiti penting di dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan pengurusan sumber manusia, pentadbiran serta latihan kepada warga kerja LKIM. Khidmat Pengurusan merupakan tunjang utama pembangunan sumber manusia yang dapat melahirkan warga kerja yang profesional, kompeten, kreatif dan inovatif. Khidmat Pengurusan terdiri daripada tiga (3) seksyen utama iaitu Pengurusan Sumber Manusia, Pentadbiran dan Latihan dan Kompetensi.

Pengurusan Sumber Manusia

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (PSM) bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan agar perkhidmatan yang diberikan berkualiti dan bersesuaian selaras dengan beban tugas LKIM.

Antara tugas-tugas dan aktiviti di bawah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia ialah:

1. Perjawatan dan Pembangunan Organisasi
   i. Perjawatan

      Pada Tahun 2020, bilangan jawatan di LKIM ialah sebanyak 1,598. Kedudukan perjawatan di LKIM adalah seperti Jadual 96 dan Jadual 97.

Jadual 96: Ringkasan Perjawatan LKIM Mengikut Kumpulan Di Dalam Skim Perkhidmatan 2020

BIL.	KATEGORI JAWATAN	JAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
1.	PengurusanTertinggi	3	3	-
2.	Pengurusan dan Profesional	168	135	33
3.	Pelaksana	1,427	1,088	339
JUMLAH		**1,598**	**1,226**	**372**

Jadual 97: Ringkasan Perjawatan LKIM Mengikut Klasifikasi Jawatan Di Dalam Skim Perkhidmatan

BIL.	KLASIFIKASI JAWATAN	JAWATAN
1.	Gred Utama (VU)	3
2.	Perkhidmatan Ekonomi (E)	832
3.	Perkhidmatan Kewangan dan Audit (W)	311
4.	Perkhidmatan Sistem Maklumat (F)	23
5.	Perkhidmatan Kejuruteraan (J)	82
6.	Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan (N)	279
7.	Perkhidmatan Mahir / Separuh Mahir / Tidak Mahir (R)	1
8.	Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman (L)	1

BIL.	KLASIFIKASI JAWATAN	JAWATAN
9.	Perkhidmatan Bakat / Seni (B)	1
10.	Perkhidmatan Keselamatan dan Pertahanan Awam (KP)	22
11.	Perkhidmatan Kemahiran (H)	43
	JUMLAH	**1,598**

ii. Urusan Kenaikan Pangkat

Proses kenaikan pangkat dijalankan berdasarkan pengisian jawatan untuk jawatan kenaikan pangkat yang kosong. Terdapat tiga (3) kategori Jawatankuasa Kenaikan Pangkat yang terdapat di LKIM iaitu:

a. Mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Gred Utama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
b. Mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
c. Mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan (Gred 1 hingga 40) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Sepanjang tahun 2020, LKIM telah menjalankan eksesais pemangkuan dan kenaikan pangkat seramai 72 orang pegawai dan kakitangan dengan pelbagai jawatan iaitu seperti di Jadual 98.

Jadual 98: Eksesais Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat 2020

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PEMANGKUAN	KENAIKAN PANGKAT
Gred Utama	3	1
Pengurusan dan Profesional	38	0
Sokongan	10	20
JUMLAH	**51**	**21**

iii. Urusan Kakitangan Kontrak

Pelantikan pegawai dan kakitangan kontrak di LKIM adalah bertujuan membantu melancarkan urusan dan program yang dijalankan dimana pegawai dan kakitangan ini ditempatkan di penempatan yang diperlukan bagi urusan pentadbiran dan pengoperasian di setiap Ibu Pejabat LKIM, Pejabat LKIM Negeri, Kompleks LKIM, Pusat Isytihar dan Pusat Latihan LKIM. Kakitangan kontrak LKIM terbahagi seperti berikut:

a. Urusan Kakitangan “Contract For Services” (CFS)

“Contract For Services” merupakan pembelian kontrak perkhidmatan daripada seseorang individu oleh Lembaga. Pelantikan CFS dipohon kepada Kementerian Kewangan bagi menetapkan syarat-syarat perkhidmatan yang tertentu. Pada tahun 2020, sebanyak 60 jawatan dipohon kepada Kementerian Kewangan oleh LKIM. Pengisian bagi jawatan yang dipohon adalah seperti Jadual 99.

Jadual 99: "Contract For Services" 2020

BIL.	JAWATAN	JUMLAH JAWATAN	ISI	KOSONG
1.	Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41	2	1	1
2.	Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E29	4	4	-
3.	Penolong Jurutera Gred JA29	3	1	2
	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29	2	2	-
4.	Penolong Akauntan Gred W29	1	1	-
5.	Pembantu Ehwal Ekonomi Gred E19	9	9	-
6.	Pembantu Akauntan Gred W19	4	2	2
7.	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19	4	1	3
8.	Pembantu Operasi Gred N11	15	12	3
9.	Pemandu Kenderaan Gred H11	5	1	4
10.	Pengawal Keselamatan Gred KP11	11	8	3
JUMLAH		**60**	**42**	**18**

b. Urusan Kakitangan Kontrak Dalaman

Pada tahun 2020, seramai 392 orang kakitangan kontrak pelbagai gred yang ditempatkan di Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Pejabat LKIM Negeri, Pusat Latihan LKIM dan Pusat Isytihar serta menjalankan tugas projek e-Pengisytiharan dan projek Azam Tani di seluruh negara. Kedudukan kakitangan kontrak LKIM adalah seperti Jadual 100.

Jadual 100: Kakitangan Kontrak Dalaman

BIL.	URUSAN KAKITANGAN KONTRAK	E48	E41	E27	A17	E17	FT17	N17	W17	KP11	N11	JUMLAH
1.	Pejabat Menteri (Penolong Pegawai Agensi)	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1
2.	Pejabat Pengerusi	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1
3.	Projek Azam Tani	-	-	-	-	8	-	-	-	-	-	8
4.	Pusat Latihan LKIM Camar Laut	-	-	-	-	-	-	-	1	1	7	9
5.	E-Pengisytiharan	-	-		-	-	11	316	10	-	36	373
JUMLAH												**392**

iv. Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)

Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan LKIM dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan LKIM telah mempertimbangkan dan mengesahkan seramai 25 orang pegawai mengikut gred perkhidmatan masing-masing seperti di Jadual 101.

v. Urusan Persaraan

Pada tahun 2020, seramai 50 orang pegawai pelbagai gred telah bersara secara paksa dan pilihan. Seramai dua (2) waris pegawai mendapat pencen terbitan seperti Jadual 102.

vi. Urusan Penamatan Perkhidmatan

Pada tahun 2020 seramai tiga (3) orang pegawai LKIM telah meletak jawatan seperti Jadual 103.

Jadual 101: Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) LKIM Tahun 2020

BIL.	GRED JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI / KAKITANGAN YANG DILULUSKAN PDP
1.	P&P	0
2.	PELAKSANA I	3
3.	PELAKSANA II	7
4.	PELAKSANA III	15
JUMLAH		**25**

Jadual 102: Urusan Persaraan

BIL.	PERKARA	BILANGAN (ORANG)
1.	Persaraan Paksa	50
2.	PencenTerbitan (Meninggal Dalam Perkhidmatan)	2
JUMLAH		**52**

Jadual 103: Urusan Penamatan Perkhidmatan

BIL.	PERKARA	BILANGAN (ORANG)
1.	Peletakan Jawatan	3
2.	Buang Kerja (Tatatertib)	-
JUMLAH		**3**

vii. Penganugerahan

a. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang LKIM

Majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang LKIM tahun 2020 telah diadakan pada 18 Februari 2021 bertempat di Hotel Ramada Plaza Melaka, Melaka.

Seramai 102 orang penerima (berdasarkan kuota 8 peratus daripada jumlah perjawatan berakhir 31 Disember 2020) telah menerima anugerah tersebut yang telah disampaikan oleh YB Muhammad Faiz bin Dato' Haji Fadzil, Pengerusi LKIM. Kumpulan penerima adalah seperti Jadual 104.

Jadual 104: Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang LKIM

BIL.	PENGANUGERAHAN ANUGERAH	JUMLAH PENERIMA
1.	Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	12
2.	Kumpulan Pelaksana I (Gred 17-40)	82
3.	Kumpulan Pelaksana II (Gred 1-16)	8
JUMLAH		**102**

b. Majlis Jasamu Dikenang

Majlis makan malam Jasamu Dikenang LKIM telah diadakan di pada 24 September 2020 di Bayview Hotel, Melaka pada jam 8.30 malam yang dirasmikan oleh YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, ADUN Endau merangkap Ahli Jemaah Lembaga LKIM yang mewakili YB Dato' Abu Syed Hussin bin Hafiz Syed Abu Fasal, Pengerusi LKIM yang tidak dapat hadir pada majlis tersebut.

Seramai 116 orang yang terdiri daripada 50 orang pesara dan lapan (8) waris gemulah bersama pasangan telah diraikan dalam masjlis makan malam tersebut. Peserta adalah seperti di Jadual 105.

Jadual 105: Penerima Anugerah Jasamu Dikenang

BIL.	PESARA	JUMLAH PENERIMA
1.	Pesara Tahun 2020	50
2.	Gemulah Tahun 2019	6
3.	Gemulah Tahun 2020	2
JUMLAH		**58**

Pentadbiran

Seksyen Pentadbiran berperanan dalam memberikan khidmat sokongan kepada pengurusan LKIM dari segi perkhidmatan am kepada kakitangan, pentadbiran pejabat / kuarters, pengurusan dan penyelenggaraan harta dan inventori serta penyelarasan program yang berkaitan dengan inovasi dan kualiti di LKIM. Tiga unit di bawah Seksyen Pentadbiran terdiri dari Unit Pentadbiran Am dan Inovasi, Unit Pengurusan Aset dan Unit Pengurusan Fasiliti.

1. Pengurusan Aset

Seksyen Pentadbiran mengurus dan menyelenggara semua aset LKIM yang meliputi aset alih dan aset tidak alih seperti di Jadual 106.

Jadual 106: Senarai Aset LKIM Tahun 2020

BIL.	JENIS ASET	JUMLAH
1.	Aset Tak Alih	Tanah: 2,742 Ekar / 697 Lot Bangunan: 244 Buah
2.	Aset Alih	19,375 Unit

Pelupusan Aset LKIM seperti kenderaan, peralatan ICT dan peralatan pejabat dilakukan setiap suku tahunan. Jadual 107 berikut merupakan jumlah pelupusan aset yang telah dilakukan.

Jadual 107: Pelupusan Aset Tahun 2020

BIL.	TAHUN	JUMLAH (RM)
1.	Aset Tak Alih	280,138.42
2.	Aset Alih	2,093,219.05

2. Pengurusan Fasiliti

Pengurusan Fasiliti bertanggungjawab mengkoordinasi keseluruhan usaha berkaitan rekaan pengurusan bangunan termasuk sistem operasi pengurusan bangunan, selenggaraan, peningkatan penyesuaian bangunan infrastruktur dan menyediakan perkhidmatan bagi menyokong operasi LKIM seperti kawalan keselamatan. Pengurusan Fasiliti meliputi Bangunan Pejabat LKIM, Kuarters LKIM, Pusat Latihan dan Rumah Rehat.

Jadual 108: Senarai Fasiliti LKIM

BIL.	JENIS ASET	JUMLAH
1.	Bangunan Pejabat (termasuk Pejabat LKIM Negeri dan Persatuan Nelayan)	26 unit
2.	Kuarters	214 unit
3.	Pusat Latihan	1 unit
4.	Rumah Rehat	3 unit

3. Pentadbiran Am Dan Inovasi

Unit Pentadbiran Am dan Inovasi merupakan antara komponen utama yang menyokong kepada penyampaian perkhidmatan di Seksyen Pentadbiran yang bertanggunjawab khususnya dalam pengurusan am pejabat dan pentadbiran infrastruktur seperti pembersihan pejabat dan pengurusan kenderaan. Selain itu, selaras untuk membudayakan inovasi secara berterusan, unit ini sentiasa merancang, mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti inovasi di LKIM.

Latihan Dan Kompetensi

1. Kursus Dan Latihan Kakitangan

Di dalam usaha menjadikan LKIM sebagai sebuah organisasi yang cemerlang, latihan yang tersusun telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Sebanyak RM 2,260,127.75 juta peruntukan disediakan melalui Kumpulan Wang Mengurus untuk menjalankan latihan, kursus, seminar dan bengkel pegawai dan kakitangan LKIM. Keseluruhan daripada peruntukan tersebut dibelanjakan bagi melaksanakan 45 kursus dan melibatkan 1,399 orang peserta seperti di Jadual 109.

Jadual 109: Bilangan LatihanTahun 2020

JENIS KURSUS	BILANGAN KURSUS	BILANGAN PESERTA
Anjuran LKIM	21	1,293
Anjuran Luar	22	76
Program Luar Negara	-	-
Persatuan/NGO LKIM	-	-
NATC	2	30
JUMLAH	**45**	**1,399**

Nota :

i. Kursus Anjuran LKIM (Dalaman): Program yang dianjurkan oleh LKIM untuk kakitangan seperti seminar, bengkel, forum, konvensyen dan lain-lain.

ii. Kursus Anjuran Luar: Program yang dianjurkan oleh pihak-pihak seperti MOA, INTAN dan agensi lain dan LKIM menghantar kakitangan bagi mendapatkan ilmu serta kemahiran yang pihak penganjur tawarkan. Terdapat kursus yang dihadiri bagi memastikan bidang profesional kakitangan mendapat pentauliahan dari badan-badan yang diiktiraf.

Antara program yang dilaksana melibatkan latihan, sesi pembelajaran dan pembelajaran kendiri kepada pegawai dan kakitangan LKIM seramai 1,243 orang bagi tahun 2020 seperti di Jadual 110. Daripada jumlah tersebut, seramai 35.16 peratus pegawai dan kakitangan telah menghadiri kursus melebihi lima (5) hari dan 64.84 peratus menghadiri kursus kurang lima (5) hari sepanjang tahun 2020.

Jadual 110: Bilangan Pegawai Dan Kakitangan Yang Menghadiri Kursus Mengikut Negeri

BILANGAN PEGAWAI YANG MENGHADIRI KURSUS MENGIKUT BAHAGIAN KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI : LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA KEMASKINI SEHINGGA 31 DISEMBER 2020						
BIL.	BAHAGIAN	KURSUS / BENGKEL / SEMINAR / PERSIDANGAN			TIDAK BERKURSUS	KURSUS PANJANG LEBIH 3 BULAN
		BILANGAN ANGGOTA	HADIR>5 HARI SETAHUN	HADIR<5 HARI SETAHUN		
1.	Ibu Pejabat	346	135	211	0	0
2.	Pejabat Negeri Perlis	43	7	36	0	0
3.	Pejabat Negeri Kedah	79	17	62	0	0
4.	Pejabat Negeri Pulau Pinang	48	7	41	0	0
5.	Pejabat Negeri Perak	57	55	2	0	0
6.	Pejabat Negeri Selangor	53	11	42	0	0
7.	Pejabat Negeri Sembilan	19	15	4	0	0
8.	Pejabat Negeri Melaka	30	11	19	0	0
9.	Pejabat Negeri Johor	65	8	57	0	0
10.	Pejabat Negeri Pahang	58	22	36	0	0
11.	Pejabat Negeri Terengganu	92	25	67	0	0
12.	Pejabat Negeri Sarawak	190	46	144	0	0
13.	Pejabat Negeri Sabah	83	37	46	0	0
14.	Pejabat Wilayah Persekutuan Labuan	17	6	11	0	0
15.	Pejabat Negeri Kelantan	63	35	28	0	0
	JUMLAH	**1,243**	**437**	**806**	**0**	**0**
	PERATUS %	**100**	**35.16**	**64.84**	**0**	**0**

Peta 9 di bawah menunjukkan bilangan pegawai dan kakitangan LKIM yang menghadiri kursus mengikut negeri dalam tahun 2020. LKIM turut menyediakan peruntukan Pembiayaan Pelajaran untuk melengkapkan pengetahuan, kemahiran dan sebagai kemajuan kerjaya kepada pegawai dan kakitangan. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2020, peruntukan pembiayaan pelajaran kepada Pegawai dan Kakitangan LKIM telah ditangguhkan susulan dari kesan pandemik COVID-19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.

Peta 9: Bilangan Pegawai Dan Kakitangan Yang Menghadiri Kursus Mengikut Negeri

LKIM PERLIS

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
7	36		43

LKIM KEDAH

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
17	62	0	79

LKIM PULAU PINANG

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
7	41		48

LKIM KELANTAN

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
35	28		63

LKIM LABUAN

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
6	11		17

LKIM SABAH

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
37	46		83



LKIM TERENGGANU

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
25	67		92

LKIM PERAK

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
55	2		57

LKIM PAHANG

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
22	36		58

LKIM IBU PEJABAT

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
135	211	1	346

LKIM SELANGOR

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
11	42		53

LKIM SARAWAK

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
46	144		190

LKIM N. SEMBILAN

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
15	4		19

LKIM MELAKA

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
11	19	0	30

LKIM JOHOR

Bil. Pegawai Dan Kakitangan Berkursus (Orang)

> 5 Hari	< 5 Hari	0	Jumlah
8	57		65

Nota: 1.>5 Hari: Melebihi 5 Hari, 2.<5 Hari: Kurang 5 Hari

2. Peperiksaan Dan Kompetensi

Susulan dari pandemik COVID-19 yang melanda seluruh Malaysia, keseluruhan aktiviti-aktiviti yang melibatkan peperiksaan dan kompetensi bagi tahun 2020 terpaksa dibatalkan bagi mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan bagi mengekang penyebaran Virus COVID-19.

Gambar 35: Kursus-Kursus Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2020

Kursus Green Card CIDB Untuk Pegawai Dan Kakitangan Bahagian Infrastruktur Dan Urus Setia Infrastruktur Negeri

Kursus Microsoft Office Word 2016 Kakitangan LKIM Ibu Pejabat Bagi Tahun 2020 Siri I dan II

Kursus 'Project Evaluation And Management' Program Untuk Pengarah Bahagian Dan Negeri LKIM

Program Klinik E-Census Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) Dan Ceramah Integriti

Kursus Pemantapan Mesyuarat Agung Tahunan Untuk Wakil Pendaftar Seluruh Malaysia Siri I Tahun 2020

Keputusan Kerajaan untuk mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam dikuatkuasakan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 mulai 1 Ogos 2013. Unit Integriti berfungsi sebagai focal point kepada pengurusan isi-isu berkaitan integriti di semua agensi awam dengan melaksanakan enam fungsi teras untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh untuk meningkatkan semangat patriotisme, seterusnya akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi. Unit Integriti LKIM bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 melalui strategi-strategi berikut:

1. Tadbir Urus

   Fungsi Tadbir Urus adalah untuk memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di LKIM di samping menangani isu-isu integriti, terutamanya berkaitan perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Bagi mencapai objektif fungsi ini, Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) telah dibentuk seperti dikehendaki oleh Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 - Permantapan Governans, Integriti Dan Anti Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti Dan Anti Rasuah Kebangsaan.

   Mesyuarat JAR telah diadakan bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan kerajaan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah yang memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu pengukuhan governans, pemantapan integriti dan antirasuah. Unit Integriti LKIM selaku Urusetia Jawatankuasa telah melaksanakan mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Peringkat LKIM (JAR LKIM) seperti di Rajah 2.

Rajah 2: Pelaksanaan JAR Peringkat LKIM Sepanjang Tahun 2020

JAR LKIM TAHUN 2020	Bil.1/2020 Pada 18 Ogos 2020

2. Pengukuhan Integriti

Fungsi Pengukuhan Integriti adalah merupakan salah satu tanggungjawab Unit Integriti bagi memastikan pembudayaan, penginstitusian dan perlaksanaan integriti dilaksanakan dalam LKIM. Antara aktiviti yang dilakukan oleh Unit Integriti bagi melaksanakan Fungsi Pengukuhan Integriti sepanjang tahun 2020 adalah seperti di Jadual 111.

Jadual 111: Program Pengukuhan Integriti Sepanjang Tahun 2020

BIL.	AKTIVITI	NAMA PROGRAM
1.	Kursus dan Latihan	Bengkel Bersama SPRM dan Penerangan Pengendalian Kaedah Siasatan Dalaman - 2 hingga 3 September 2020, Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur
2.	Ceramah	Tatakelakuan dan Larangan di bawah Akta Badan Berkanun Tatatertib dan Surcaj - 28 September 2020, Dewan Besar LKIM

Gambar 36: Program Integriti Sepanjang Tahun 2020

3. Pengesanan dan Pengesahan

Unit Integriti bertanggungjawab untuk membuat pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang diterima dan seterusnya memastikan tindakan susulan sewajarnya diambil. Bagi aduan berkaitan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi, siasatan dalaman bagi setiap aduan ini akan dilaksanakan sama ada oleh Jawatankuasa Siasatan Integriti melalui lantikan oleh Ketua Pengarah LKIM atau Audit Siasatan oleh pasukan Audit Dalam LKIM selepas Fungsi Pengesanan dan Pengesahan dilakukan. Manakala bagi aduan salah laku jenayah, ia akan dipanjangkan kepada agensi yang berkaitan (Polis atau SPRM) selepas Fungsi Pengesanan dan Pengesahan dilakukan.

4. Pengurusan Aduan

Unit Integriti LKIM bertanggungjawab dalam pengurusan penerimaan maklumat/aduan mengenai salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika dengan memastikan tindakan diambil ke atas setiap maklumat / aduan yang diterima. Fungsi yang dijalankan di bawah Pengurusan Aduan tidak terbatas kepada menyelia dan memantau pengurusan penerimaan aduan tetapi juga bertanggungjawab untuk memastikan kecekapan sistem aduan dilaksanakan. Aduan boleh dibuat dengan datang sendiri ke Unit Intgriti, melalui surat, telefon atau ke e-mel rasmi Unit Integriti LKIM iaitu unitintegriti@lkim.gov.my

5. Pematuhan

Fungsi Pematuhan merupakan pemantauan ke atas pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di LKIM bagi memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai dan kakitangan melakukan kesalahan sama ada dari segi jenayah mahapun tatakelakuan dan etika. Sepanjang tahun 2020 pemantauan yang bersifat pemeriksaan atau naziran telah diadakan di LKIM Ibu Pejabat, LKIM Negeri, LKIM Daerah dan Pejabat Persatuan Nelayan yang bertujuan untuk memastikan semua peraturan, arahan dan prosedur kerja dipatuhi. Pemantauan yang telah dilakukan adalah seperti di Jadual 112.

Jadual 112: Pemantauan Pematuhan Unit Integriti Sepanjang Tahun 2020

BIL.	TARIKH	TEMPAT
1.	27 Ogos 2020	Pejabat Daerah Pahang Selatan Persatuan Nelayan Kawasan Rompin
2.	28 Ogos 2020	LKIM Negeri Pahang Persatuan Nelayan Negeri Pahang (PENERPA) Persatuan Nelayan Kawasan Kuantan

Bagi memastikan budaya etika dan budaya kerja berintegriti sentiasa dipatuhi, Unit Integriti mengeluarkan dan mengedarkan Poster MyIntegriti ke seluruh LKIM Bahagian dan LKIM Negeri. Poster MyIntegriti adalah berkaitan isu semasa dan diedarkan setiap bulan sepanjang tahun 2020. Peringatan MyIntegriti juga turut dipamerkan di siar raya LKIM, di laman web LKIM dan diedarkan melalui email kepada pegawai dan kakitangan LKIM.

Gambar 37: Sebahagian Poster Myintegriti Yang Diedarkan

6. Tatatertib

Melaksanakan fungsi urus setia Jawatankuasa Tindakan Tatatertib (JKTT) dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (JKRT) berdasarkan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Bagi pelaksanaan fungsi tatatertib ini, Unit Integriti LKIM telah melaksanakan empat (4) kali Mesyuarat JKTT sepanjang tahun 2020 seperti di Jadual 113.

Jadual 113: Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Tatatertib (JKTT)

BIL.	TARIKH	JAWATANKUASA
1.	24 Ogos 2020	Jawatankuasa Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja / Turun Pangkat Bagi Kumpulan Sokongan LKIM Bil.1/2020.
2.	9 Jun 2020	Jawatankuasa Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja / Turun Pangkat Bagi Kumpulan Sokongan LKIM Bil.1/2020.
3.	9 Jun 2020	Jawatankuasa Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja / Turun Pangkat Bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional LKIM Bil.1/2020.
4.	25 Ogos 2020	Jawatankuasa Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja / Turun Pangkat Bagi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional LKIM Bil.1/2020.

1. Pendahuluan

Cabaran melaksana operasi ICT dalam keadaan pandemik Covid-19 pada tahun 2020 tidak menghalang Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) untuk terus melaksanakan perolehan bekalan dan perkhidmatan mengguna peruntukan kewangan yang telah diluluskan. Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan menaiktaraf sistem LKIM dan infrastruktur ICT bagi menyokong kelancaran pelaksanaan sistem LKIM seiring dengan perkembangan teknologi digital. Sehubungan dengan itu, beberapa sistem telah di naiktaraf dalam tahun 2020 untuk meletakkan sistem LKIM di landasan tersebut.

Perkhidmatan utama BPM adalah meliputi perkara berikut:

i. Pembangunan dan penyelenggaraan perisian dan perkakasan sistem aplikasi LKIM.
ii. Penambahbaikan sistem aplikasi LKIM.
iii. Penyelenggaraan perisian dan peralatan sistem rangkaian di Pusat Data (DC) LKIM.
iv. Mengurus dan memantau keperluan alat tulis komputer.
v. Mengurus dan memantau keperluan komputer dan pencetak di LKIM.
vi. Mengurus pembaharuan tahunan lesen perisian.
vii. Menyediakan bantuan khidmat sokongan teknikal dan khidmat nasihat ICT kepada warga LKIM.

2. Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem Aplikasi

Selain menyediakan kemudahan ICT kepada warga LKIM, BPM juga turut membangunkan serta mengurus penyelenggaraan sistem aplikasi bagi mempertingkatkan keupayaan dan penggunaan ICT dari semasa ke semasa sebagai usaha menyokong pelaksana program kerajaan kepada golongan sasar.

Pada tahun 2020, penambahbaikan sistem aplikasi dan penggantian peralatan ICT telah dilaksanakan seperti berikut:

i. Penggantian satu unit server pangkalan data bagi Sistem eKlaim.
ii. Perolehan dua unit server untuk Sistem Pendaftaran dan Pelaksanaan Perumahan nelayan (SP3N).
iii. Naiktaraf Sistem Pengurusan Aset (SPA), Sistem Pengurusan Stor dan Integrasi antara Sistem SAGA dan SPA.
iv. Penggantian dua unit server bagi Sistem e-Dana.
v. Penambahbaikan Sistem e-Pengambilan.
vi. Penambahbaikan Sistem SAGA bagi notifikasi sistem.
vii. Penambahbaikan SIstem e-Klaim bagi kadar baru mileage.
viii. Penggantian server bagi Sistem IDS.

Jadual 114: Sistem Aplikasi Di Bawah Pemantauan Dan Penyelenggaraan BPM

PROGRAM PEMBANGUNAN	PROGRAM PENGURUSAN
• Sistem e - Nelayan	• Sistem e - Pengambilan
• Sistem e - Pelesenan	• Sistem MyPSM
• Sistem e - Dana	• Sistem Perakaunan (SAGA)
• Sistem e - Kawalselia	• Sistem Staff Portal
• Sistem Harga Ikan	• Sistem Daftar Bil dan Pelaporan Kewangan (Waran)
• Sistem Sistem Pendaftaran dan Pemantauan Perumahan Nelayan (SP3N)	• Sistem e - Klaim
• Sistem Lelong Ikan Berkomputer Berasaskan Web	• Sistem Pengurusan Aset (SPA)
• Sistem W-ICCS - Sistem Pengawalan dan Penguatkuasaan Bersepadu Berkomputer	• Sistem e - Kedatangan
• Mobile Apps - LKIM FIP, Risikan Harga Ikan dan MyNelayan	• Sistem Portal LKIM
	• Sistem IDS
	• Sistem Aduan BPM

3. Khidmat Sokongan Operasi

Berikut adalah aktiviti yang dilaksanakan bagi memastikan kelancaran operasi dan keselamatan peralatan ICT serta Pusat Data di LKIM:

i. Naik taraf Sistem Aduan BPM dan Sistem Aduan Admin LKIM.
ii. Perolehan bekalan alat tulis komputer.
iii. Pembaharuan langganan tahunan 1,040 lesen Office 365.
iv. Pembaharuan tahunan 1,500 lesen antivirus untuk komputer desktop, komputer riba dan server.
v. Pembaharuan lesen Internet Access Managemet (IAM) di Ibu Pejabat dan LKIM Negeri.
vi. Penyelenggaraan tahunan bagi Pusat Data LKIM.
vii. Penyelenggaraan tahunan bagi Precision Aircond di Pusat Data.
viii. Pembaikan kecil aset dan inventori ICT.
ix. Penggantian sistem APC Schneider Structureware Monitoring Console (SMS) di Pusat Data LKIM.
x. Penggantian Raised Floor di Pusat Data LKIM

BPM juga turut membantu Seksyen Pentadbiran bagi perolehan sebut harga pemasangan 53 unit skrin Led Flat dan pendawaian audio di Bilik Mesyuarat Tuna LKIM dan tender menaiktaraf sistem telefon (VOIP) di Ibu Pejabat. Khidmat sokongan dan teknikal juga dipertanggungjawabkan untuk memastikan mesyuarat atas talian di LKIM berjalan lancar sejak arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada Mac 2020.

Pejabat Pendaftar Persatuan Nelayan ditubuhkan selaras dengan Akta 44, Akta Persatuan Nelayan 1971 dimana misinya ialah melahirkan persatuan nelayan yang berdaya saing diperingkat global dan mematuhi peruntukan-peruntukan perundangan Persatuan Nelayan.

Antara tugas-tugas utama Pejabat Pendaftar Persatuan Nelayan merangkumi:

i. Mendaftar dan meluluskan bagi penubuhan baru dan penutupan persatuan nelayan mengikut Akta No.44, Akta Persatuan Nelayan Tahun 1971 Dan Peraturan-Peraturan Persatuan Nelayan Tahun 1972.
ii. Mengawalselia dan menentukan perjalanan serta operasi Persatuan Nelayan mengikut kehendak undang-undang selaras dengan matlamat penubuhan.
iii. Bertindak selaku 'badan penimbang tara' bagi setiap pertikaian kes-kes keahlian Persatuan Nelayan mengikut kuasa-kuasa Pendaftar seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Persatuan Nelayan Tahun 1971.
iv. Mempertimbangkan, memberikan ulasan, teguran dan kelulusan bagi projek-projek ekonomi, pelaburan, pembelian dan penjualan aset (harta) dan penyata kewangan tahunan Persatuan Nelayan.
v. Mengurus pelantikan (appointment), pembatalan (revocation) dan pewartaan (gazetted) Pendaftar, semua Penolong Pendaftar dan Pegawai Penyelia Negeri dan Wakil Pendaftar di setiap negeri untuk berfungsi ke atas Persatuan Nelayan seperti yang dikehendaki oleh Akta, Peraturan dan Perlembagaan Persatuan Nelayan yang telah digubal.

Program-Program Utama Di Pejabat Pendaftar Persatuan Nelayan

i. Kursus Perundangan Wakil-Wakil Pendaftar

   Pada tahun 2020 Pejabat Pendaftar Persatuan Nelayan telah menganjurkan Kursus Perundangan Wakil-Wakil Pendaftar. Objektif utama kursus ini diadakan adalah memberi pengetahuan dan penerangan mengenai akta dan peraturan yang digunapakai kepada wakil-wakil pendaftar yang telah dilantik untuk tahun 2020 dalam mengawalselia Persatuan Nelayan.

   Kursus Perundangan Wakil-wakil Pendaftar telah dilaksanakan seperti ketetapan di Jadual 115 berikut.

Jadual 115: Kursus Perundangan Wakil-Wakil Pendaftar

BILANGAN PESERTA	TARIKH	LOKASI KURSUS
34 Orang	22 - 24 Februari 2021	Silka Hotel, Kuala Lumpur

Gambar 38: Kursus Perundang Wakil-Wakil Pendaftar

ii. Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan

Peraturan Fasal 36 (1) Peraturan-Peraturan Persatuan Nelayan 1972 menetapkan Mesyuarat Agung Tahunan bagi Unit-Unit dan Persatuan-Persatuan hendaklah diadakan dalam bulan-bulan yang berikut bagi tahun itu:

a. Bagi unit-unit tidak lewat daripada 28 Februari bagi tahun itu;
b. Bagi Persatuan Nelayan Kawasan tidak lewat daripada 31 Mac bagi tahun itu;
c. Bagi Persatuan Nelayan Negeri tidak lewat daripada 31 Mei bagi tahun itu;
d. Bagi Persatuan Nelayan Kebangsaan tidak lewat daripada 31 Julai bagi tahun itu.

Pada tahun 2020, sebanyak 103 Persatuan Nelayan yang melibatkan Persatuan Nelayan Kawasan, Negeri dan Kebangsaan telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan. Walaubagaimanapun, hanya 22 Persatuan Nelayan Kawasan yang dapat melaksanakan mengikut Peraturan Fasal 36 (1) dan selebihnya dilaksanakan melebihi tempoh-tempoh yang telah ditetapkan dengan kelulusan Pendaftar Persatuan Nelayan Malaysia berdasarkan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan melalui Arahan Pendaftar bertajuk 'Arahan Pendaftar Mengenai Garis Panduan (SOP) Untuk Melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Bagi Tahun 2020'.

Carta 9: Pecahan Bilangan Persatuan Nelayan Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan



Gambar 39: Kursus Perundang Wakil-Wakil Pendaftar

iii. Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Projek Persatuan Nelayan

Selaras dengan Pekeliling Pendaftar Bil.3/2009 berkaitan Garis Panduan Kelulusan Projek Persatuan Nelayan, Pendaftar Persatuan Nelayan Malaysia menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Projek Persatuan Nelayan telah meluluskan permohonan projek ekonomi dan pembelian aset oleh Persatuan Nelayan.

Carta 10: Jumlah Permohonan Yang Telah Diluluskan Oleh Pendaftar Persatuan Nelayan Malaysia



Projek ekonomi merangkumi agrotourism, pemasaran, restoran ikan bakar, hartanah, kilang air batu, perhotelan, dan perikanan. Projek-projek ekonomi ini yang dilaksanakan oleh Persatuan Nelayan akan mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan-peruntukan daripada kerajaan dan akan memastikan kelestarian Persatuan Nelayan.

iv. Pembahagian Keuntungan, Pembayaran Dividen Ahli, Pemberian Bonus dan Honorarium Kepada Kakitangan dan Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Pembahagian keuntungan, pembayaran dividen ahli, pemberian bonus dan honorarium kepada kakitangan dan Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan adalah mengikut Perlembagaan Persatuan Nelayan serta Pekeliling Pendaftar yang berkaitan.

Pembayaran dividen ini adalah salah satu manfaat yang diterima oleh ahli Persatuan Nelayan selain daripada bantuan-bantuan yang disalurkan oleh LKIM. Sebanyak 40 pemohonan melibatkan peringkat kawasan, negeri dan kebangsaan telah diberikan kelulusan oleh Pendaftar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 setelah syarat-syarat yang ditetapkan telah dipenuhi oleh Persatuan Nelayan. Purata kadar dividen untuk Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang diluluskan adalah sebanyak 7.44 peratus.

Penubuhan Unit Audit Dalam (UAD) adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 1979 dan kemudiannya diperkemaskan lagi oleh Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2004 - Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian / Jabatan dan Kerajaan Negeri. UAD bertanggungjawab bagi menentukan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan dan aktiviti yang dijalankan di Lembaga ini. Melalui Pekeliling Am LKIM Bil.3/1981, UAD Lembaga ditubuhkan secara rasmi. UAD merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Lembaga yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Lembaga. Bagi menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan, UAD telah diletakkan di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah selaku Pegawai Pengawal Lembaga.

Surat Pekeliling Am Bil.3 Tahun 1998 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri menggariskan panduan mengenai peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Sejajar dengan Pekeliling tersebut, UAD adalah urus setia kepada Jawatankuasa Audit LKIM.

1. Pengauditan

   Unit Audit Dalam melaksanakan pengauditan seperti berikut:

   i. Audit Kewangan

      Untuk memastikan proses pembayaran, hasil dipungut dan diakaunkan dengan betul, aset dan inventori dikawal sewajarnya, rekod-rekod kewangan diselenggarakan dengan sempurna dan mempunyai sistem kawalan dalaman yang berkesan secara berterusan diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Enam (6) aspek yang diberikan penekanan iaitu:

      a. Kawalan pengurusan
      b. Kawalan bajet
      c. Kawalan terimaan
      d. Kawalan perbelanjaan
      e. Pengurusan akaun amanah / deposit
      f. Pengurusan aset, inventori dan stor

   ii. Audit Prestasi

      Memberi tumpuan kepada 3P iaitu Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan terhadap sesuatu aktiviti atau program yang dilaksanakan. Meliputi penilaian terhadap aktiviti Lembaga untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara cekap (efficiency), berkesan (effectiveness) dan berhemah (economic). Melibatkan pemeriksaan secara objektif dan analisis terhadap matlamat dan prestasi sesuatu aktiviti atau program Lembaga. Justifikasi aktiviti atau program berdasarkan metrik berikut:

a. Jangkaan impak daripada pengauditan
b. Materialiti kewangan
c. Risiko kepada pengurusan yang baik
d. Signifikan (dari sudut dalaman)
e. Visibiliti (dari sudut luaran)
f. Liputan
g. Auditabiliti

iii. Audit Penampilan / Audit Presence

Pemeriksaan dijalankan secara mengejut (spot-check auditing). Pengauditan ini melibatkan semakan terhadap penyediaan dokumen kewangan bagi kawalan pengurusan, terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor serta pengesahan wang di tangan tahun semasa. Mewujudkan kesedaran bahawa UAD sentiasa memantau mengenai pematuhan peraturan kewangan. Dilaksanakan di Bahagian-bahagian Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri yang tidak diliputi dalam pengauditan Pengurusan Kewangan atau Prestasi.

iv. Audit Siasatan / Audit Khas

Dilaksanakan apabila terdapat arahan daripada Ketua Pengarah untuk sesuatu kes atau perkara yang dibangkitkan. Bertujuan bagi memastikan sama ada isu yang dibangkitkan adalah munasabah, berasas atau sebaliknya untuk dilaporkan kepada pihak pengurusan. Laporan siasatan audit akan ditujukan kepada Ketua Pengarah Lembaga untuk dipanjangkan ke Unit Integriti untuk tindakan tatatertib.

v. Audit Susulan

Dilaksanakan terhadap teguran yang dibangkitkan oleh UAD dan Laporan Ketua Audit Negara (KAN) yang melibatkan Lembaga. Memastikan semua teguran yang diberikan telah diambil tindakan selaras dengan maklum balas yang dikemukakan bagi mengelakkan teguran yang sama berulang.

vi. Pemerhatian Audit

Menjalankan ke atas kerja-kerja Pemeriksaan Tahunan, Pelupusan Aset Tetap, Bayaran Secara Tunai Elaun Sara Hidup Nelayan dan lain-lain aktiviti atau program yang berkaitan.

UAD telah berjaya menjalankan 282 aktiviti pengauditan sepanjang tahun 2020 dengan pencapaian sebanyak 82 peratus dengan butiran seperti Jadual 116 berikut.

Jadual 116: Aktiviti Pengauditan Sepanjang Tahun 2020

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	AUDIT YANG DIRANCANG (BIL. AUDIT)	AUDIT YANG DIJALANKAN (BIL. AUDIT)
1.	Audit Kewangan	215	147
2.	Audit Prestasi	3	2
3.	Audit Penampilan	32	34
4.	Audit Siasatan	20	18
5.	Audit Susulan	0	1
6.	Pemerhatian Audit	71	79
7.	Jawatankuasa Audit LKIM	4	1
JUMLAH KESELURUHAN		**345**	**282**

Pada keseluruhannya pencapaian prestasi UAD pada tahun yang 2020 sedikit terjejas kerana wabak pendemik COVID-19. Perancangan gerak kerja luar pejabat terhalang kerana sekatan pergerakan yang dikuatkuasakan. Walaupun Sasaran Kerja Tahunan 2020 yang dirancang tidak mencapai 100 peratus, UAD telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengisi ruang masa dengan melakukan penambahbaikan Manual Prosedur Kerja, Kertas Kerja Audit dan Pelaporan Audit.

2. Sekretariat Mesyuarat Jawatankuasa Audit LKIM (MJKA)

   Mesyuarat Jawatankuasa Audit LKIM Bil.1/2020 telah bersidang pada 30 Januari 2020. MJKA seterusnya tidak dapat dilaksanakan disebabkan Ahli MJKA telah bersara dan penggantian keahlian adalah melalui resolusi Jemaah Lembaga LKIM.

3. Kursus Dan Latihan

   Kursus dan latihan telah diberikan kepada anggota-anggota UAD bagi memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan. Walau bagaimanapun kursus khusus dalam bidang pengauditan tidak dapat dilaksanakan dalam tahun 2020 disebabkan sekatan pergerakan yang dikuatkuasakan kerana wabak pendemik COVID-19.

KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat (UKK) adalah sebagai tulang belakang LKIM yang bertindak selaku penyampai dan penyaluran maklumat, peningkatan imej korporat, perhubungan awam, perhubungan media, pengurusan aduan dan bertanggungjawab ke atas pengurusan khidmat pelanggan.

1. Fungsi Unit

i. Membantu membentuk imej yang menggambarkan komitmen LKIM dalam menggerakkan industri perikanan.
ii. Merancang pelan komunikasi, promosi serta publisiti segala aktiviti dan hal ehwal korporat LKIM dengan tujuan untuk meningkatkan reputasi dan memperkukuhkan identiti dan imej LKIM.
iii. Menguruskan aspek perhubungan awam dan media serta merancang strategik media dalam penyebaran maklumat secara berkesan.
iv. Memantau dan mengurus maklumbalas serta aduan awam / pelanggan berhubung isu-isu yang melibatkan LKIM.
v. Merancang, mengurus dan mendokumentasikan bahan maklumat bagi setiap program dan majlis rasmi lkim melalui penerbitan, laporan tahunan, rakaman foto dan video bagi tujuan edaran dan rujukan pihak awam dan
vi. media.
vii. Bertanggungjawab terhadap protokol dalam pengurusan majlis dan pengurusan lawatan.
Sekretariat kepada majlis-majlis rasmi LKIM, majlis-majlis bersama jabatan / agensi dan majlis korporat.

2. Pengurusan Aduan

Dalam menambahbaik mutu perkhidmatan dan mengambil berat pandangan masyarakat terhadap LKIM, UKK telah menyediakan pelbagai medium untuk penerimaan aduan seperti melalui e-mel, telefon, media cetak mahupun bersemuka.

Sepanjang tahun 2020, LKIM telah menerima sebanyak 173 aduan, cadangan dan pertanyaan melalui Sistem FMS LKIM dan e-aduan.my. Dalam hal ini, LKIM amat prihatin terhadap isu yang berlaku di seluruh negara dan sentiasa mencari penyelesaian terhadap perkara yang dibangkitkan oleh nelayan setempat. Segala aduan, cadangan, pertanyaan mahupun maklumbalas yang diajukan kepada LKIM diselesaikan serta merta atau melalui sesi engagements dan turun padang bersama golongan sasar iaitu nelayan.

Jadual 117: Jumlah Penerimaan Aduan Sepanjang Tahun 2020

KATEGORI	JUMLAH PENERIMAAN ADUAN / CADANGAN / PERTANYAAN
Penghargaan	1
Aduan	22
Pertanyaan	114
Cadangan	8
Bantuan Sokongan	9
Lain-lain	19
JUMLAH	**173**

Jadual 118: Tempoh Penyelesaian Aduan Sepanjang Tahun 2020

KATEGORI	TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN / CADANGAN / PERTANYAAN
Aduan Awam	Berjaya dijawab dalam tempoh lima (5) hari sehingga tujuh (7) hari bekerja
Panggilan Telefon	Berjaya dijawab dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja
Aduan Akhbar	Berjaya dijawab dalam tempoh 24 jam hingga 72 jam

UNDANG - UNDANG

Unit Undang-Undang ditubuhkan bagi menjaga kepentingan LKIM dari aspek perundangan dengan bertunjangkan pengurusan hal ehwal perundangan, memberi nasihat perundangan yang berkualiti dan bertindak professional selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia. Unit Undang-Undang dibahagikan kepada dua (2) sub-unit iaitu sub-unit Pentadbiran dan sub-unit Litigasi, Semakan dan Nasihat Perundangan.

1. Program Utama
   i. Pengurusan hal ehwal perundangan LKIM.
   ii. Pengurusan kes-kes di Mahkamah.
   iii. Menjalankan eksesais mengemaskini dan memperbaharui undang-undang sedia ada (perundangan utama dan subsidiari).
   iv. Penyediaan dan semakan dokumentasi yang diperlukan bagi kes-kes di mahkamah dan perjanjian-perjanjian yang melibatkan LKIM.
   v. Menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan isu-isu perundangan dari semasa ke semasa.

2. Fungsi Dan Peranan

   Teras-teras utama Unit Undang-Undang terkandung dalam sub-unit Litigasi, Semakan dan Nasihat Perundangan. Teras-teras utama Unit Undang-Undang meliputi:
   i. Meneliti, menggubal dan menyemak dokumen/instrumen undang-undang merangkumi notis perundangan, perjanjian, memorandum persefahaman dan pelbagai instrumen perundangan lain yang di dalamnya LKIM merupakan suatu pihak bagi memastikan kepentingan LKIM sentiasa dipelihara;
   ii. Mengawalselia dan memantau perkara-perkara yang melibatkan aspek perundangan;
   iii. Memberi khidmat nasihat perundangan berkaitan perkara-perkara yang melibatkan LKIM yang dirujuk kepada Unit Undang-Undang;
   iv. Menguruskan dan melaksanakan penyelidikan bagi setiap perkara perundangan yang dirujuk kepada Unit Undang-Undang;
   v. Membuat semakan undang-undang (law revision) secara berkala terhadap mana-mana perundangan utama dan subsidiari (akta, kaedah, peraturan dan teks perundangan) di bawah kawalan LKIM bagi memastikan kesemua teks perundangan sentiasa relevan memenuhi aspirasi LKIM dan selaras dengan undang-undang di Malaysia;
   vi. Menjalankan eksesais mengemaskini dan memperbaharui undang-undang sedia ada (perundangan utama dan subsidiari); dan
   vii. Menyelaras dan mengkoordinasi urusan yang berkaitan dengan perundangan bersama dengan panel peguam LKIM.

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (TELAH DIAUDIT)

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar serta Penyata Aliran Tunai Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 85.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions.* Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 12 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
17 DISEMBER 2021

4 / 4

	NOTA	KUMPULAN		LEMBAGA	
		2020 RM	2019 (RM) Seperti Yang Dinyatakan Semula	2020 (RM)	2019 (RM) Seperti Yang Dinyatakan Semula
Aset Semasa					
Tunai Di Tangan Dan Di Bank	3	121,928,615	94,881,372	121,456,865	94,881,372
Simpanan Tetap	4	616,950,000	612,350,000	616,950,000	612,350,000
Wang Cagaran Dan Prabayar	5	691,307	1,084,052	691,307	1,084,052
Pendahuluan Kakitangan	6	321,827	149,801	321,827	149,801
Pelbagai Penghutang	7	9,147,765	11,962,671	9,147,765	11,962,671
Penghutang Perniagaan	8	692,241	566,464	692,241	566,464
Penghutang Jangka Pendek	9	5,335,424	4,981,252	5,335,424	4,981,252
Jumlah Aset Semasa		**755,067,179**	**725,975,612**	**754,595,429**	**725,975,612**
Aset Bukan Semasa					
Penghutang Jangka Panjang	10	14,515,289	10,165,179	15,510,289	10,165,179
Pendahuluan Kepada Subsidiari/ Bersekutu	11	-	-	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	12	-	-	30,891	-
Hartanah, Loji Dan Peralatan	13	524,208,523	496,104,971	524,204,295	496,104,971
Aset Pajakan	14	215,617,874	225,897,444	215,617,874	225,897,444
Aset Tak Ketara	15	550,332	211,936	550,332	211,936
Kerja Dalam Kemajuan	16	30,378,752	24,316,754	30,378,752	24,316,754
Deposit - Tanjung Bako	17	2,754,852	1,954,848	2,754,852	1,954,848
Pelaburan	18	490,000	-	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		**788,515,622**	**758,651,132**	**789,047,285**	**758,651,132**
JUMLAH ASET		**1,543,582,801**	**1,484,626,744**	**1,543,642,714**	**1,484,626,744**
LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Pelbagai Pemiutang	19	33,211,597	51,619,912	33,309,415	51,618,433
Peruntukan Manfaat Kakitangan	20	915,167	1,115,074	915,167	1,115,074
Peruntukan Cukai		26,371,563	22,991,134	26,371,563	22,991,134
Geran Bersyarat Agensi Luar	21	242,983,922	263,951,105	242,983,922	263,951,105
Geran Tertunda	22	107,112,131	59,686,436	107,112,131	59,686,436
Pinjaman	23	9,852,117	8,635,260	9,852,117	8,635,260
Jumlah Liabiliti Semasa		**420,446,497**	**407,998,921**	**420,544,315**	**407,997,442**
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman	23	212,932,573	222,784,690	212,932,573	222,784,690
Peruntukan Manfaat Kakitangan	20	9,974,859	10,008,146	9,974,859	10,008,146
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		**222,907,432**	**232,792,836**	**222,907,432**	**232,792,836**
JUMLAH LIABILITI		**643,353,929**	**640,791,757**	**643,451,747**	**640,790,278**
Aset Bersih		**900,228,872**	**843,834,987**	**900,190,967**	**843,836,466**
ASET BERSIH/EKUITI					
Kumpulan Wang Pembangunan	25	678,861,321	631,602,484	678,823,415	631,603,962
Kumpulan Wang Mengurus		31,979,223	37,480,183	31,979,224	37,480,184
Kumpulan Wang Rezab		183,888,328	169,252,320	183,888,328	169,252,320
Kumpulan Wang Pinjaman	26	5,500,000	5,500,000	5,500,000	5,500,000
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti		900,228,872	843,834,987	900,190,967	843,836,466

NOTA-NOTA YANG DILAMPIRKAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PENYATA KEWANGAN INI

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020

	NOTA	KUMPULAN		LEMBAGA	
		2020 RM	2019 (RM) Seperti Yang Dinyatakan Semula	2020 (RM)	2019 (RM) Seperti Yang Dinyatakan Semula
HASIL					
Urusniaga Bukan Pertukaran	27	275,709,972	353,833,825	275,709,972	353,833,825
Urusniaga Pertukaran	28	22,401,423	33,879,131	22,401,423	33,879,131
		298,111,395	**387,712,956**	**298,111,395**	**387,712,956**
PERBELANJAAN					
Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	29	71,600,579	73,112,370	71,592,888	73,112,370
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	30	28,229,345	39,518,427	28,202,095	39,516,492
Bekalan Dan Barang Guna Habis	31	2,298,028	2,546,870	2,298,028	2,546,870
Belanja Sewaan					
Belanja Susut Nilai dan	32	2,189,170	2,105,170	2,189,170	2,105,170
Pelupusan		61,657,578	87,542,117	61,657,506	87,542,117
Pembaikan dan Penyelenggaraan		16,132,697	16,643,834	16,132,697	16,643,834
Pemberian dan Sumbangan	33	2,072,225	2,526,786	2,072,225	2,526,786
Lain Lain Belanja	34	8,508,969	33,133,334	8,574,489	33,132,956
Kos Kewangan	35	30,164,736	36,717,831	30,164,736	36,717,831
Belanja Pembangunan	36	15,492,631	2,921,777	15,492,631	2,921,777
		238,345,958	**296,768,516**	**238,376,465**	**296,766,203**
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		**59,765,437**	**90,944,440**	**59,734,930**	**90,946,753**
Cukai	37	**(3,380,429)**	**(5,336,388)**	**(3,380,429)**	**(5,336,388)**
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		**56,385,008**	**85,608,052**	**56,354,501**	**85,610,365**

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI (KUMPULAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	KUMP. WANG PEMBANGUNAN RM	KUMP. WANG MENGURUS RM	KUMP WANG REZAB RM	KUMP WANG PINJAMAN RM	JUMLAH RM
Tahun 2019					
Baki Pada I Januari	622,019,280	28,296,943	136,312,665	5,500,000	792,128,888
Pelarasan tahun terdahulu (Nota 41)	(33,904,026)	-	-	-	(33,904,026)
Seperti dinyatakan semula	588,115,254	28,296,943	136,312,665	5,500,000	758,224,862
Lebihan (Kurangan) Bagi Tahun					
Seperti dinyatakan terdahulu	74,378,793	23,062,964	6,339,898	-	103,781,655
Pelarasan tahun terdahulu (Nota 41)	(19,282,660)	1,109,057	-	-	(18,173,603)
Seperti dinyatakan semula	55,096,133	24,172,021	6,339,898	-	85,608,052
	643,211,387	**52,468,964**	**142,652,563**	**5,500,000**	**843,832,914**
Pelarasan Tahun Terdahulu	2,073	-	-	-	2,073
Pindahan Dalaman: Dari/Ke					
Kump. Wang Pembangunan	(11,610,976)	-	-	-	(11,610,976)
Kumpulan Wang Mengurus	-	(14,988,781)	-	-	(14,988,781)
Kumpulan Wang Rezab	-	-	26,599,757	-	26,599,757
Baki Pada 31 Disember	**631,602,484**	**37,480,183**	**169,252,320**	**5,500,000**	**843,834,987**
Tahun 2020					
Baki Pada I Januari	631,602,484	37,480,183	169,252,320	5,500,000	843,834,987
Lebihan Bagi Tahun	43,358,102	6,115,530	6,911,376	-	56,385,008
	674,960,586	43,595,713	176,163,696	5,500,000	900,219,995
Pelarasan Tahun Terdahulu	8,877	-	-	-	8,877
Pindahan Dalaman: Dari/Ke					
Kump. Wang Pembangunan	3,891,858	-	-	-	3,891,858
Kumpulan Wang Mengurus	-	(11,616,490)	-	-	(11,616,490)
Kumpulan Wang Rezab	-	-	7,724,632	-	7,724,632
Baki Pada 31 Disember	**678,861,321**	**31,979,223**	**183,888,328**	**5,500,000**	**900,228,872**

NOTA-NOTA YANG DILAMPIRKAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PENYATA KEWANGAN INI

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI (LEMBAGA)
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020

	KUMP. WANG PEMBANGUNAN RM	KUMP. WANG MENGURUS RM	KUMP WANG REZAB RM	KUMP WANG PINJAMAN RM	JUMLAH RM
Tahun 2019					
Baki Pada I Januari	622,020,518	28,296,944	136,312,665	5,500,000	792,130,127
Pelarasan tahun terdahulu (Nota 41)	(33,904,026)	-	-	-	(33,904,026)
Seperti dinyatakan semula	588,116,492	28,296,944	136,312,665	5,500,000	758,226,101
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun					
Seperti dinyatakan terdahulu	74,381,106	23,062,964	6,339,898	-	103,783,968
Pelarasan tahun terdahulu (Nota 41)	(19,282,660)	1,109,057	-	-	(18,173,603)
Seperti dinyatakan semula	55,098,446	24,172,021	6,339,898	-	85,610,365
	643,214,938	**52,468,965**	**142,652,563**	**5,500,000**	**843,836,466**
Pindahan Dalaman Dari/ Ke :					
Kumpulan Wang Pembangunan	(11,610,976)	-	-	-	(11,610,976)
Kumpulan Wang Mengurus	-	(14,988,781)	-	-	(14,988,781)
Kumpulan Wang Rezab	-	-	26,599,757	-	26,599,757
Baki seperti pada 31 Disember	**631,603,962**	**37,480,184**	**169,252,320**	**5,500,000**	**843,836,466**
Tahun 2020					
Baki Pada I Januari	631,603,962	37,480,184	169,252,320	5,500,000	843,836,466
Lebihan Bagi Tahun	43,327,595	6,115,530	6,911,376	-	56,354,501
	674,931,557	**43,595,714**	**176,163,696**	**5,500,000**	**900,190,967**
Pindahan Dalaman Dari/ Ke :					
Kumpulan Wang Pembangunan	3,891,858	-	-	-	3,891,858
Kumpulan Wang Mengurus	-	(11,616,490)	-	-	(11,616,490)
Kumpulan Wang Rezab	-	-	7,724,632	-	7,724,632
Baki Pada 31 Disember	**678,823,415**	**31,979,224**	**183,888,328**	**5,500,000**	**900,190,967**

NOTA-NOTA YANG DILAMPIRKAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PENYATA KEWANGAN INI

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020

	JUMLAH BAJET		JUMLAH SEBENAR	VARIAN BAJET *
	ASAL RM	AKHIR RM	RM	RM
HASIL				
Geran Kerajaan	120,123,700	120,123,700	120,123,700	-
Geran Pembangunan Dilunaskan	83,683,065	83,683,065	83,683,065	-
Terimaan Aset Sumbangan	74,019,108	74,019,108	74,019,108	-
Faedah dan Perolehan Pelaburan	14,085,121	14,085,121	14,085,121	-
Pelbagai Sewaan	2,506,361	2,506,361	2,506,361	-
Denda, Hukuman Dan Pampasan	264,249	264,249	264,249	-
Keuntungan Jualan Aset	74,327	74,327	74,327	-
Pelbagai Jualan	5,383,221	5,383,221	5,383,221	-
Pulangan Balik Perbelanjaan	4,228,510	4,228,510	4,228,510	-
Pelbagai Pendapatan	352,393	352,393	352,393	-
	304,720,055	**304,720,055**	**304,720,055**	**-**
PERBELANJAAN				
Gaji Dan Upahan	55,350,000.00	43,492,881	43,492,881	-
Elaun Tetap Kakitangan	15,000,000.00	12,200,873	12,200,873	-
Sumbangan Berkanun Kakitangan	9,200,000.00	7,755,172	7,755,172	-
Elaun Lebih Masa	900,000.00	682,921	682,921	-
Faedah Kewangan Yang Lain	1,000,000.00	1,800,721	1,800,721	-
Perjalanan dan Penginapan	8,500,000.00	7,461,315	6,616,071	845,244
Pengangkutan Barang-barang	480,000.00	308,995	264,853	44,142
Perhubungan dan Utiliti	7,435,800.00	3,412,102	3,412,102	-
Sewaan	8,944,900.00	1,389,200	1,389,200	-
Bekalan Alat Ganti dan Bahan Mentah	911,100.00	520,786	449,594	71,192
Bekalan Bahan-bahan Lain	1,300,000.00	1,751,364	1,501,169	250,195
Penyelenggaraan dan Pembaikan	9,741,400.00	13,067,178	13,033,749	33,429
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	18,880,000.00	10,418,760	10,418,760	-
Pemberian Dalaman	2,000,000.00	11,175,802	11,175,802	-
Ganjaran Kakitangan (GCR)	1,250,500.00	1,624,704	1,624,704	-
Cukai dan Pelbagai Pendapatan	2,600,000.00	3,060,926	3,060,926	-
Bangunan dan Pembaikan bangunan	-	-	-	-
Jumlah Pembayaran	**143,493,700**	**120,123,700**	**118,879,498**	**1,244,202**
PENERIMAAN BERSIH	**161,226,355**	**184,596,355**	**185,840,557**	**(1,244,202)**

NOTA-NOTA YANG DILAMPIRKAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PENYATA KEWANGAN INI

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Lebihan sebelum cukai	59,765,437	90,944,440	59,734,930	90,946,753
Pelarasan Untuk Perkara Yang Bukan Tunai :				
Susut Nilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	47,341,815	77,973,171	47,341,743	77,973,171
Susut Nilai Aset Pajakan	10,279,570	9,871,947	10,279,570	9,871,947
Susut Nilai Aset Tak Ketara	178,306	214,351	178,306	214,351
Kerugian daripada Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	3,232,243	29	3,232,243	29
Keuntungan daripada Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan	(74,327)	(52,350)	(74,327)	(52,350)
Pendapatan Faedah daripada Deposit/Pembiayaan	(14,085,121)	(26,721,588)	(14,085,121)	(26,721,588)
Peruntukan Manfaat Kakitangan	1,416,627	1,783,689	1,416,627	1,783,689
Pelunasan Geran Tertunda	(77,074,405)	(65,169,188)	(77,074,405)	(65,169,188)
Belanja Faedah Pajakan	30,164,736	36,717,831	30,164,736	36,717,831
Rosotnilai Pelaburan	69,107	-	69,107	-
Tambahan Dalam Peruntukan Hutang Ragu	12,738,490	12,987,634	12,738,490	12,987,634
Kerugian daripada Hapuskira Aset Tetap	3,712,683	392,185	3,712,683	392,185
Kerugian daripada Hapuskira Pinjaman/Hutang Lain	145,204	127,621	145,204	127,621
Lebihan Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja	**77,810,365**	**139,069,772**	**77,779,786**	**139,072,085**
(Tambahan) / Kurangan Penghutang Jangka Panjang	(4,350,110)	11,899,012	(5,345,110)	11,899,012
(Tambahan) / Kurangan Kerja Dalam Kemajuan	(6,061,998)	26,293,190	(6,061,998)	26,293,190
(Tambahan) / Kurangan Pendahuluan/Pinjaman	(172,026)	1,687,726	(172,026)	1,687,726
(Tambahan) / Kurangan Cagaran Dan Prabayar	(407,259)	(1,159,123)	(407,259)	(1,159,123)
(Tambahan) / Kurangan Penghutang	2,334,957	(2,446,892)	2,334,957	(2,446,892)
Tambahan / (Kurangan) Pemiutang	(18,368,547)	2,411,973	(18,309,018)	2,409,660
Tambahan / (Kurangan) Peruntukan Manfaat Kakitangan	1,649,821	1,080,610	1,649,821	1,080,610
Tambahan / (Kurangan) Pinjaman	(8,635,260)	(11,462,833)	(8,635,260)	(11,462,833)
Tambahan / (Kurangan) Geran Bersyarat Agensi Luar	(20,967,183)	(40,475,500)	(20,967,183)	(40,475,500)
	22,832,760	126,897,935	21,866,710	126,897,935
Cukai Dibayar	-	-	-	-
Tunai Bersih Diperolehi/(Digunakan) Dalam Aktiviti Operasi	**22,832,760**	**126,897,935**	**21,866,710**	**126,897,935**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Pembelian Harta, Loji Dan Peralatan	(90,614,082)	(178,761,722)	(90,609,782)	(178,761,722)
Tambahan Pelaburan Lain	(490,000)	-	-	-
Penerimaan Daripada Penjualan Aset	133,340	122,400	133,340	122,400
Pendapatan Faedah Semasa/Simpanan Tetap	14,085,121	22,234,951	14,085,121	22,234,951
Tunai Bersih Diperolehi/(Digunakan) Dalam Aktiviti Pelaburan	**(76,885,621)**	**(156,404,371)**	**(76,391,321)**	**(156,404,371)**
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan				
Pembayaran balik pajakan kewangan	(38,799,996)	(38,799,996)	(38,799,996)	(38,799,996)
Geran Pembangunan Diterima	124,500,100	80,207,800	124,500,100	80,207,800
Tunai Bersih Diperolehi/(Digunakan) Dalam Aktiviti Pembiayaan	**85,700,104**	**41,407,804**	**85,700,104**	**41,407,804**
Pertambahan/(Pengurangan) Tunai dan Kesetaraan Tunai	**31,647,243**	**11,901,368**	**31,175,493**	**11,901,368**
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Awal Tahun	707,231,372	695,330,004	707,231,372	695,330,004
	738,878,615	**707,231,372**	**738,406,865**	**707,231,372**
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Akhir Tahun				
Tunai Di Tangan Dan Di Bank	121,928,615	94,881,372	121,456,865	94,881,372
Simpanan Tetap	616,950,000	612,350,000	616,950,000	612,350,000
	738,878,615	**707,231,372**	**738,406,865**	**707,231,372**

NOTA-NOTA YANG DILAMPIRKAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PENYATA KEWANGAN INI

1. MAKLUMAT UMUM

1.1 Kegiatan Utama Lembaga

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Lembaga) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta 49, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971. Lembaga adalah sebuah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan. Antara objektif utamanya ialah mempertingkatkan sosioekonomi nelayan dan memajukan serta memperkembangkan sektor perikanan negara. Aktiviti utama syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 12 kepada Penyata Kewangan.

Penyata Kewangan ini diluluskan melalui resolusi oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 10 Disember 2021.

2. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

2.1 Asas Penyediaan

2.1.1 Tempoh Laporan dan Entiti

Penyediaan Penyata Kewangan Lembaga adalah tertakluk kepada Akta 1980 Badan Berkanun (Akta dan Laporan Tahunan) di mana tempoh pelaporan tidak dinyatakan di dalam Akta Tersebut. Oleh itu, tahun kewangan Lembaga adalah daripada 1 Januari sehingga 31 Disember selaras dengan Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan Mata Wang fungsian bagi persembahan Penyata Kewangan Lembaga.

2.1.2 Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan ini disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan Lembaga dan Kumpulan ini disediakan mengikut Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara. Penyata Kewangan telah disediakan di bawah konvensyen Kos Sejarah kecuali seperti yang didedahkan di Ringkasan Dasar Perakaunan Signifikan. Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari pula telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2016.

Penyata Kewangan Kumpulan adalah disediakan tanpa melibatkan penyatuan daripada Penyata Kewangan Subsidiari LKIM, Majuikan Sdn. Bhd. (MSB). MSB telah diluluskan untuk penggulungan pemiutang secara sukarela disebabkan syarikat tidak mampu lagi meneruskan perniagaan pada 20 Jun 2017 oleh pelikuidasi yang dilantik oleh MSB.

LKIM telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi pemakaian MPSAS melalui surat rujukan No. ANM/SPP/P/2/075 Jld 3 (35) bertarikh 6 Februari 2017.

2.1.3 Pertimbangan dan Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa akan datang sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa akan datang.

2.2 Perubahan Dalam Dasar Perakaunan

Lembaga telah memilih untuk menyediakan Penyata Kewangan dengan menggunapakai semua piawaian, polisi dan interpretasi MPSAS yang berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara dan digunakan bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2016, seperti berikut:

MPSAS	
MPSAS 1	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 6	Penyatuan dan Pengasingan Penyata Kewangan
MPSAS 9	Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran
MPSAS 12	Inventori
MPSAS 13	Pajakan
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 16	Hartanah Pelaburan
MPSAS 17	Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 19	Peruntukan, Liabiliti Kontingen dan Aset Kontingen
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 21	Penjejasan Aset Bukan Penjanaan Tunai
MPSAS 22	Pembentangan Maklumat Penyata Kewangan
MPSAS 23	Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran
MPSAS 24	Pembentangan Prestasi Bajet Dalam Penyata Kewangan
MPSAS 25	Manfaat Pekerja
MPSAS 26	Penjejasan Aset Penjanaan Tunai
MPSAS 28	Instrumen Kewangan: Persembahan
MPSAS 29	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	Instrumen Kewangan: Pembentangan
MPSAS 31	Aset Tidak Ketara
MPSAS 33	Pertama Kali Menerima Pakai Asas Akruan MPSAS
MPSAS 35	Penyata Kewangan Disatukan

Lembaga menjangkakan bahawa penggunaan MPSAS berikut tidak akan memberi sebarang kesan material ke atas tempoh semasa dan mungkin tidak memberi kesan kepada tempoh masa hadapan.

MPSAS 5	Kos Pinjaman
MPSAS 7	Pelaburan Dalam Entiti Bersekutu
MPSAS 8	Kepentingan Dalam Usaha Sama
MPSAS 11	Kontrak Pembinaan
MPSAS 27	Pertanian
MPSAS 32	Aturan Konsesi Perkhidmatan: Penjamin
MPSAS 34	Penyata Kewangan Berasingan
MPSAS 36	Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama
MPSAS 37	Aturan Bersama
MPSAS 38	Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

2.3 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Signifikan

Dasar Perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menangani perkara yang diandaikan signifikan bagi Penyata Kewangan:

2.3.1 Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran dengan Kerajaan Persekutuan diukur pada nilai saksama dan diiktiraf pada kawalan mendapatkan aset (tunai) jika pindahan itu bebas daripada syarat dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan berkaitan aset tersebut akan dijana kepada Lembaga dan dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga Bukan Pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, Lembaga hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

i. Denda, Hukuman dan Pampasan

Hasil bagi Denda, Hukuman dan Pampasan seperti kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan diiktiraf apabila bayaran tersebut diterima kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda, hukuman dan pampasan.

ii. Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila ianya diterima oleh Lembaga. Manakala, bagi Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan direalisasikan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil Urusniaga Pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Lembaga dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

i. Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah adalah terdiri daripada Hasil Keuntungan Pelaburan dan Hasil Faedah Terakru.

Hasil Keuntungan Pelaburan mengambil kira kadar pulangan efektif yang ditawarkan oleh pihak bank semasa sesuatu pelaburan dibuat. Hasil ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan secara purata mengikut perkadaran tempoh pelaburan yang melibatkan tahun kewangan semasa.

Hasil Faedah Terakru menggunakan Kaedah Faedah Berkesan. Kadar Faedah Berkesan mendiskaun dengan tetap anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna Aset Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Hasil Faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

ii. Pelbagai Sewaan

Hasil sewaan yang diterima adalah daripada sewaan tanah, kuarters, bangunan pejabat, bilik sejuk, kantin, bengkel slipway, pusat memproses ikan, jeti, medan ikan bakar dan lain-lain sewaan yang diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan pada nilai sewaan yang dikontrakkan sepanjang tempoh perjanjian sewaan.

iii. Perkhidmatan dan Jualan

Hasil daripada pembekalan perkhidmatan dan barangan kepada pihak ketiga adalah diukur pada pertimbangan Nilai Saksama yang diterima. Hasil ini diiktiraf apabila bayaran tersebut diterima daripada penerima perkhidmatan serta risiko dan ganjaran pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli dengan merujuk kepada tahap penyempurnaan urusniaga.

iv. Pelbagai pendapatan (selain daripada yang dinyatakan di atas) diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3.2 Belanja

i. Am

Belanja diiktiraf dalam tempoh ia berlaku atau dikenakan.

ii. Kos Pinjaman

Kos pinjaman terdiri daripada faedah dan kos diiktiraf dalam Lebihan atau Kurangan dalam tempoh ia ditanggung oleh Lembaga berhubung dengan dana yang dipinjam, dan diakrukan menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Kadar Faedah Berkesan mendiskaunkan dengan tepat anggaran bayaran tunai masa hadapan melalui jangka hayat Liabiliti Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Liabiliti tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Kos Pinjaman bagi setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak. Kos Pinjaman diiktiraf dalam Lebihan dan Kurangan dalam tempoh ia ditanggung.

iii. Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan merangkumi pembayaran-pembayaran untuk membangun atau memajukan golongan sasar Lembaga. Bayaran-bayaran yang dibuat dalam bentuk perbelanjaan modal atau perbelanjaan hangus.

2.3.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai dan rosotnilai terkumpul kecuali tanah pegangan bebas dan Kerja Dalam Kemajuan. Jika sesuatu aset diperoleh tanpa sebarang kos, atau pertimbangan nominal (transaksi bukan pertukaran), aset tersebut diiktiraf awalnya pada Nilai Saksama, sekiranya Nilai Saksama tersebut boleh ditentukan dengan pasti, dan sebagai Hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset dengan nilai kos berjumlah RM2,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, manakala bagi aset bernilai rendah (kurang daripada RM2,000) akan dicaj sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Kos sesuatu unit Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikendalikan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun di bawah aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan yang digunakan oleh Lembaga dan kos unit tersebut boleh diukur degan pasti. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh kewangan tersebut.

Penilaian Semula

Penilaian Semula dilakukan bagi kelas tertentu Hartanah, Loji dan Peralatan untuk menggambarkan potensi perkhidmatan atau manfaat ekonomi yang diperoleh melalui kawalan atas aset tersebut. Penilaian Semula adalah berdasarkan Nilai Saksama Aset, dengan perubahan dilaporkan mengikut kelas aset.

Item Hartanah dinilai semula kepada Nilai Saksama untuk kegunaan tertinggi dan terbaik item tersebut berdasarkan Nilai Pasaran item, atau bukti pasaran seperti pengiraan Aliran Tunai terdiskaun. Jika tiada bukti pasaran bagi Nilai Saksama wujud, Pendekatan Kos Penggantian Disusut Nilai digunakan sebagai proksi yang terbaik untuk Nilai Saksama. Apabila sesuatu hartanah direkodkan pada Kos Penggantian Disusut Nilai, kos ini adalah berdasarkan kos pembinaan semasa bagi item hartanah yang sedia ada dengan kaedah yang paling bersesuaian bagi pembinaan, ditolak dengan peruntukan kemerosotan fizikal dan keusangan serta lebihan kapasiti yang relevan. Item yang menggunakan pendekatan ini tidak mengambil kira apa-apa Kos Pinjaman.

Keuntungan Penilaian Semula bagi sesuatu kelas aset menimbal balik setakat mana Kerugian Penilaian Semula yang sebelum ini dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan dengan Keuntungan Penilaian Semula dikreditkan kepada Penyata Prestasi Kewangan. Jika tidak, Keuntungan Penilaian Semula dikreditkan ke Rezab Penilaian Semula bagi kelas aset tersebut. Setakat mana terdapat baki dalam Rezab Penilaian Semula bagi kelas aset tersebut, sebarang Kerugian Penilaian Semula didebitkan ke dalam Rezab Penilaian Semula. Jika tidak, Kerugian Penilaian Semula dilaporkan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Pelupusan

Lembaga menyahiktiraf item Hartanah, Loji dan Peralatan atau mana-mana sebahagian besar daripada aset semasa pelupusan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan digunakan oleh Lembaga. Untung atau rugi yang timbul daripada pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf sebagai lebihan atau kurangan dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh urus niaga berlaku.

Penjejasan

Kerugian Penjejasan Nilai diiktiraf apabila Amaun Boleh Pulih Aset adalah kurang daripada Amaun Bawaan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Amaun Boleh Pulih bagi Aset Menjana Tunai ditentukan dengan membandingkan amaun yang lebih tinggi antara amaun jualan dengan amaun yang akan dijana melalui penggunaan Aset sepanjang usia gunanya. Manakala Amaun Boleh Pulih bagi Aset Tidak Menjana Tunai ditentukan melalui Pendekatan Kos Penggantian Disusut nilai. Kerugian Penjejasan dilaporkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika Aset tersebut direkodkan pada amaun Penilaian Semula iaitu Kerugian Penjejasan dikurangkan daripada Rizab Penilaian Semula.

Susut Nilai

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus pada kadar yang dikira untuk memperuntukkan kos atau penilaian semula sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan, ditolak sebarang anggaran Nilai Sisa, di sepanjang baki Usia Guna Aset tersebut. Kadar susut nilai tahunan yang utama adalah seperti berikut :

KLASIFIKASI HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	KADAR SUSUT NILAI
Bangunan Dan Pembaikan Bangunan	4% - 20%
Jentera	10% - 20%
Kelengkapan	8% - 20%
Kemudahan Dan Pembaikan Kemudahan	4% - 20%
Kenderaan	8% - 20%
Peralatan Pejabat	12.5% - 20%
Tanah Dan Pembaikan Tanah	Baki Jangka Hayat Baru

Nilai baki aset dan hayat guna dikaji dan dilaras secara prospektif, jika sesuai, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Tanah Milik Bebas dan Kerja Dalam Kemajuan tidak disusutnilaikan tetapi tertakluk kepada semakan penjejasan nilai sekiranya terdapat petunjuk bahawa nilai aset tersebut mungkin akan terjejas. Kerja Dalam Kemajuan akan disusutnilai apabila aset siap sepenuhnya dan bersedia untuk aktiviti beroperasi. Bagi Tanah Pajakan Lembaga, ianya disusutnilaikan berdasarkan kaedah garis lurus mengikut tempoh pajakan yang ditetapkan.

2.3.4 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah terdiri daripada Kos Pengambilan Tanah, Perbelanjaan Pengambilan Tanah, Perbelanjaan Permulaan dan Kerja Dalam Kemajuan.

Perbelanjaan pengambilan tanah sama ada dalam bentuk bayaran-bayaran premium tanah, pampasan atau kos pembaikan awal belum diambil kira sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan Lembaga kerana sijil hak milik tanah berkenaan belum diperolehi daripada Pejabat Tanah.

Perbelanjaan Permulaan bagi Lembaga adalah merangkumi bayaran-bayaran yang telah dibuat untuk perkhidmatan pakar perunding bagi kerja-kerja yang telah ditawarkan dan dalam pelaksanaan. Amaun ini diasingkan daripada Kerja Dalam Kemajuan yang mana merupakan bayaran-bayaran kepada kontraktor yang ditawarkan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Pelarasan mempermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan Lembaga akan dibuat setelah sijil siap kerja diperolehi. Projek-projek yang dikenal pasti tidak akan berjaya dalam tempoh lima (5) tahun daripada tarikh pembayaran perbelanjaan permulaan akan diselaraskan sebagai perbelanjaan dalam tahun ia dikenalpasti menemui kegagalan ataupun tidak dapat diteruskan.

2.3.5 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada Kos ditolak dengan Kerugian Penjejasan. Kerugian Penjejasan dikenakan untuk amaun yang dianggarkan tidak boleh pulih dan akan diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan tersebut terjejas. Kerugian Penjejasan Nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.6 Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara pada awalnya direkodkan pada kos.

Kos Aset Tak Ketara yang dijana secara dalaman terdiri daripada Belanja yang ditanggung dalam fasa pembangunan Aset tersebut. Fasa Pembangunan bermula apabila kebolehlaksanaan teknikal; keupayaan untuk menyiapkan Aset tersebut; hasrat dan keupayaan untuk menjual atau menggunakan Aset tersebut dapat didemonstrasikan; serta perbelanjaan pembangunan boleh diukur dengan pasti. Perbelanjaan yang ditanggung dalam fasa penyelidikan Aset Tak Ketara yang dijana secara dalaman dibelanjakan apabila ia ditanggung. Jika fasa penyelidikan tidak dapat dibezakan daripada fasa pembangunan, perbelanjaan tersebut dibelanjakan apabila ia ditanggung.

Aset Tak Ketara dengan Usia Guna Dapat Ditentukan, iaitu Perisian Komputer dan Sistem berikutnya dinyatakan pada kos ditolak dengan sebarang Pelunasan dan Kerugian Penjejasan. Pelunasan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan secara garis lurus sepanjang Usia Guna Aset.

Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama lima (5) tahun.

2.3.7 Pajakan

Pajakan Kewangan memindahkan, sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan Aset yang dipajak kepada Lembaga sebagai Penerima Pajak. Pengiktirafan awal untuk Pajakan Kewangan mengiktiraf Aset dan Liabiliti pada amaun terendah antara Nilai Saksama Aset yang dipajak dan Nilai Kini Bayaran Pajakan Minimum. Nilai yang dipermodalkan dilunaskan sepanjang tempoh Lembaga menjangka untuk menerima manfaat daripada pajakan tersebut.

Pajakan Operasi mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan pemberi pajak. Ia diiktiraf secara sistematik sebagai belanja sepanjang tempoh pajakan.

2.3.8 Peruntukan dan Liabiliti Lain

Peruntukan diiktiraf apabila Lembaga mempunyai obligasi perundangan, serta terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan diukur pada nilai anggaran semasa terbaik ke atas perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada tanggungjawab itu. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai belanja kos kewangan.

2.3.9 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka dilaporkan apabila kontigensi tersebut adalah jelas. Liabiliti Luar Jangka dinyatakan jika kemungkinan kontigensi tersebut terjadi tidak terpencil. Aset Luar Jangka didedahkan jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat akan diperolehi.

2.3.10 Instrumen Kewangan

Lembaga mengiktiraf sesuatu Aset Kewangan atau Liabiliti Kewangan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Lembaga menjadi pihak kepada sesuatu peruntukan kontrak instrumen.

Aset Kewangan

Pada pengiktirafan awal, Aset Kewangan diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga jika Aset Kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan. Bagi Aset Kewangan yang diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, kos urus niaga akan dibelanjakan kepada lebihan atau kurangan apabila ia berlaku.

Bagi pengukuran susulan, Aset Kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat (4) kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Lembaga mempunyai dua (2) kategori aset kewangan iaitu Pinjaman dan Belum Terima dan Pelaburan Dipegang Hingga Matang. Klasifikasi bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan tersebut diperolehi.

(i) Pinjaman dan Akaun Belum Terima

Pinjaman dan Akaun Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya dibawa pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah Kadar Faedah Berkesan. Jika jumlah kutipan djangka dalam satu tahun atau kurang ia dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan Akaun Belum Terima Lembaga terdiri daripada Penghutang Pinjaman, Penghutang Perniagaan, Pelbagai Penghutang, Pendahuluan Kakitangan, Pendahuluan kepada Subsidiari, tunai dan setara tunai dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Penjejasan nilai aset kewangan yang dibawa pada kos pelunasan

Lembaga menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan Lembaga terjejas. Aset kewangan Lembaga dianggap sebagai terjejas jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif penjejasan nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (yang ditanggung 'peristiwa kerugian') dan peristiwa kerugian mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan aset kewangan Lembaga yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti penjejasan mungkin termasuk penunjuk berikut:

- Penghutang Lembaga mengalami kesukaran Kewangan yang ketara;
- Ingkar atau delinkuens dalam bayaran faedah atau pokok;
- Kebarangkalian bahawa penghutang akan muflis;
- Data menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai pada masa depan, seperti perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang berhubung kait dengan keingkaran.

Lembaga menilai sama ada bukti objektif penjejasan nilai wujud secara individu bagi aset kewangan yang ketara secara individu atau kolektif bagi aset kewangan yang tidak ketara secara individu. Jika Lembaga menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan nilai wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, ia termasuk aset dalam aset kewangan Lembaga dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan dinilai secara kolektif untuk penjejasan. Aset yang dinilai secara individu untuk penjejasan dan di mana kerugian penjejasan adalah, atau terus diiktiraf, tidak termasuk dalam penilaian kolektif penjejasan.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan telah berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah aset bawaan dan jumlah boleh pulih.

Sekiranya tiada bukti objektif penjejasan nilai wujud bagi aset kewangan, Lembaga menggunapakai Polisi Peruntukan Hutang Ragu/Lapuk Selaras Dengan Pematuhan Piawaian Perakunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) LKIM 2019 yang menetapkan kadar seratus (100)peratus ke atas baki penghutang yang berusia melebihi 90 hari daripada tarikh terimaan invois yang direkodkan di dalam Sistem Perakaunan Saga bagi semua jenis penghutang termasuk Faedah Terakru Pinjaman pada tarikh akhir tempoh perakaunan dan kadar seratus (100) peratus ke atas baki akhir penghutang pinjaman yang tidak membayar balik baki pinjaman semasa mereka mengikut jadual yang telah ditetapkan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset Kewangan diklasifikasikan sebagai Pelaburan Dipegang Hingga Matang apabila Lembaga mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sesuatu pelaburan sehingga tarikh matang. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan kaedah Kadar Faedah Berkesan dan ditolak penjejasan nilai.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Lembaga membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan diiktiraf pada awalnya dengan Nilai Saksama ditolak dengan kos urus niaga dan susulannya diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan. Liabiliti Kewangan yang mempunyai tempoh kurang daripada dua belas (12) bulan adalah diiktiraf pada nilai nominalnya. Pelunasan diiktiraf sebagai untung atau rugi apabila liabiliti tersebut dinyahiktiraf.

Lembaga mempunyai dua (2) kategori Liabiliti Kewangan iaitu Pinjaman dan Akaun Belum Bayar. Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.3.11 Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada Tunai di Tangan, Tunai di Bank, Simpanan Tetap dan Wang Tunai dalam Perjalanan yang amat mudah cair yang boleh ditukar kepada tunai dengan risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Simpanan Tetap Lembaga dibuat bagi tempoh antara satu (1) bulan sehingga dua belas (12) bulan bergantung kepada keperluan tunai segera Lembaga, dan memperolehi faedah pada Kadar Deposit Jangka Pendek.

2.3.12 Penyata Aliran Wang Tunai

Lembaga menggunakan kaedah tidak langsung dalam menyediakan Penyata Aliran Tunai. Setara tunai adalah untuk masa singkat pelaburan yang tinggi, mudah cair dengan kematangan tempoh yang singkat dan sedia ditukarkan kepada wang tunai.

2.3.13 Penjejasan Nilai

Pada setiap tarikh penyata kewangan, Lembaga mengkaji semula nilai bawaan bagi aset-aset yang direkodkan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai bagi Aset Bukan Kewangan dan Aset Kewangan.

Penjejasan Nilai Aset Bukan Kewangan

Kerugian Penjejasan Nilai diiktiraf apabila Amaun Boleh Pulih Aset adalah kurang daripada Amaun Bawaan Aset dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Amaun Boleh Pulih bagi Aset Menjana Tunai ditentukan dengan membandingkan amaun yang lebih tinggi antara amaun jualan (setelah mengambilkira kos untuk menjual aset tersebut) dengan amaun yang akan dijana melalui penggunaan aset tersebut sepanjang usia gunanya. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam kategori belanja yang sesuai dengan keadaan aset yang terjejas.

Manakala, Amaun Boleh Pulih bagi Aset Tidak Menjana Tunai ditentukan melalui Pendekatan Kos Penggantian Disusutnilai. Kerugian Penjejasan dilaporkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika aset tersebut direkodkan pada amaun Penilaian Semula iaitu, Kerugian Penjejasan dikurangkan daripada Rizab Penilaian Semula.

Penjejasan Nilai Aset Kewangan

Peruntukan untuk amaun yang dianggarkan tidak boleh pulih diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan tersebut terjejas. Kerugian Penjejasan Nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian penjejasan nilai menurun, amaun peruntukan yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun peruntukan tersebut dan pembalikkan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan serta-merta.

2.3.14 Peruntukan Manfaat Kakitangan

Lembaga mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan Lembaga apabila kakitangan tersebut bersara kelak. Lembaga telah membuat peruntukan tersebut berdasarkan jumlah cuti rehat terkumpul sebenar dengan jumlah maksimum 150 hari pada tarikh pelaporan. Peruntukan diambilkira secara retrospektif dalam Penyata Kewangan dan jumlah pengiktirafan peruntukan tersebut telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Lebihan Terkumpul.

2.3.15 Sistem Perakaunan

Lembaga menggunakan Sistem Perakaunan Standard Berkomputer Untuk Agensi Kerajaan (SAGA). Persembahan penyata kewangan ini adalah menurut piawaian yang ditetapkan.

2.3.16 Kumpulan Wang

(i) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan adalah berkaitan dengan penerimaan dan pembayaran menggunakan peruntukan Geran Pembangunan yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan masyarakat nelayan sekaligus pemodenan dan perkembangan industri perikanan negara. Peruntukan yang dibelanjakan iaitu perbelanjaan projek pembangunan dan pembelian aset diambilkira sebagai pendapatan yang dilunaskan di dalam Penyata Prestasi Kewangan dan perbelanjaan kumpulan wang. Akaun-akaun lain yang terlibat adalah Akaun Pungutan Disatukan (APDS), Akaun Projek Tutup Operasi, Tabung Pembangunan Ekonomi Nelayan dan Akaun Khas.

(ii) Kumpulan Wang Mengurus

Kumpulan Wang Mengurus adalah berkaitan dengan penerimaan dan pembayaran menggunakan peruntukan Geran Mengurus yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi perbelanjaan emolumen dan lain-lain kos operasi Lembaga. Ianya diambilkira sebagai pendapatan di dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa.

(iii) Kumpulan Wang Rezab

Kumpulan Wang Rezab Lembaga adalah hasil daripada pindahan dalaman ke atas keuntungan pelaburan daripada Kumpulan Wang Mengurus dan Kumpulan Wang Pembangunan, serta caj-caj perkhidmatan berhubung dengan pelesenan perniagaan perikanan.

(iv) Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer

Kumpulan Wang ini bertujuan sebagai tabung untuk memberi pinjaman kepada kakitangan Lembaga bagi tujuan pembelian kenderaan dan komputer. Pinjaman ini diberikan dengan faedah 4 peratus (%). Pembiayaan ini adalah berdasarkan konsep Al-Bai' Bithaman Ajil.

2.3.17 Asas Penyatuan

Subsidiari-subsidiari disatukan mulai daripada tarikh pembelian iaitu tarikh di mana kumpulan mendapat kawalan, dan terus disatukan sehingga tarikh tamatnya kawalan tersebut. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, baki antara kumpulan dan keputusan keuntungan atau kerugian belum direalisasikan akan dihapuskan semasa penyatuan. Polisi-polisi perakaunan seragam diterimapakai dalam penyata kewangan disatukan bagi semua transaksi dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Kaedah pembelian melibatkan pengagihan kos pembelian kepada nilai saksama aset dibeli dan liabiliti luar jangka yang diambilalih pada tarikh pembelian. Kos pembelian diukur sebagai agregat nilai saksama, pada tarikh pertukaran aset yang dibeli, liabiliti yang diserap atau diambilalih dan instrumen ekuiti yang diterbitkan, termasuk kos yang berkaitan langsung dengan pembelian perniagaan tersebut.

Lebihan kos pembelian ke atas kepentingan Kumpulan dalam saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang boleh dikenalpasti dikira sebagai muhibbah dalam penyatuan. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan ke atas nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang dikenalpasti di atas kos pembelian, selepas penilaian semula diiktiraf terus ke penyata pendapatan.

3. TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

Tunai di Tangan dan di Bank pada akhir tahun kewangan terdiri daripada:

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2019 (RM)
Wang Tunai Di Tangan	27,254	27,509	26,920	27,509
Tunai Di Bank	121,821,045	94,524,228	121,349,629	94,524,228
Tunai Dalam Perjalanan	80,316	329,635	80,316	329,635
	121,928,615	94,881,372	121,456,865	94,881,372

Tunai di bank mendapat faedah pada kadar terapung berdasarkan kadar harian deposit bank.

4. SIMPANAN TETAP

Simpanan Tetap Jangka Pendek pada akhir tahun kewangan terdiri daripada bank-bank berikut:

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2019 (RM)
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	511,050,000	481,450,000	511,050,000	481,450,000
Kuwait Finance House	40,700,000	17,700,000	40,700,000	17,700,000
Agro Bank	32,000,000	16,000,000	32,000,000	16,000,000
CIMB	20,000,000	3,000,000	20,000,000	3,000,000
MIDF Amanah Investment Bank	10,500,000	24,500,000	10,500,000	24,500,000
Maybank Berhad	1,500,000	1,500,000	1,500,000	1,500,000
Malaysian Building Society Berhad	1,200,000	1,200,000	1,200,000	1,200,000
Bank Simpanan Nasional	-	5,000,000	-	5,000,000
KAF Islamic Investment Bank	-	62,000,000	-	62,000,000
	616,950,000	612,350,000	616,950,000	612,350,000

Simpanan Tetap merupakan Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang yang terdiri daripada pelaburan simpanan tetap dengan bank dan syarikat kewangan berlesen. Simpanan Tetap dibuat untuk pelbagai tempoh antara satu (1) bulan dan dua belas (12) bulan bergantung kepada keperluan tunai segera Lembaga. Kadar Faedah Berkesan pada 31 Disember 2020 adalah di antara 2.0 peratus sehingga 3.6 peratus.

5. WANG CAGARAN DAN PRABAYAR

Wang Cagaran dan Prabayar pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2019 (RM)
Wang Cagaran Elektrik	142,296	142,439	142,296	142,439
Wang Cagaran Air	91,499	91,499	91,499	91,499
Wang Cagaran Telefon	2,846	2,846	2,846	2,846
Wang Cagaran Pejabat	186,187	247,042	186,187	247,042
Wang Cagaran Ukur Kawasan	116,280	420,290	116,280	420,290
Wang Cagaran Tong Gas	100	100	100	100
Wang Cagaran Lain / Prabayar	152,099	179,836	152,099	179,836
	691,307	1,084,052	691,307	1,084,052

6. PENDAHULUAN KAKITANGAN

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2019 (RM)
Pendahuluan Kakitangan	79,096	105,186	79,096	105,186
Pendahuluan Pengarah	330,223	124,757	330,223	124,757
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(87,492)	(80,142)	(87,492)	(80,142)
	321,827	149,801	321,827	149,801

7. PELBAGAI PENGHUTANG

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	Dinyatakan Semula 2019 (RM)
Penempatan Semula Nelayan	3,000	2,400
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(1,800)	(1,200)
	1,200	1,200
Penghutang Pelbagai	3,095,694	3,109,130
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(2,966,735)	(2,862,103)
	128,959	247,027
Faedah Terakru Pinjaman	1,830,620	2,033,546
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(1,822,418)	(2,016,837)
	8,202	16,709
Faedah/Pendapatan Terakru	4,303,781	5,501,674
Penghutang GST	4,705,623	6,196,061
	9,147,765	11,962,671

Analisis Pengumuran Pelbagai Penghutang adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	Dinyatakan Semula 2019 (RM)
Tidak melebihi tempoh dan tidak terjejas	4,371,915	5,643,973
1 hingga 3 bulan	70,427	122,637
3 hingga 6 bulan	80,960	125,003
6 hingga 12 bulan	125,374	132,588
Lebih dari 12 bulan	9,290,042	10,818,610
	13,938,718	16,842,811
Terjejas	(4,790,953)	(4,880,140)
	9,147,765	11,962,671

8. PENGHUTANG PERNIAGAAN

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	Dinyatakan Semula 2019 (RM)
Penghutang Perniagaan	5,340,183	5,269,309
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(4,647,942)	(4,702,845)
	692,241	566,464

Analisis Pengumuran Penghutang Perniagaan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	Dinyatakan Semula 2019 (RM)
Tidak melebihi tempoh dan tidak terjejas	127,933	143,318
1 hingga 3 bulan	562,308	195,476
3 hingga 6 bulan	164,860	197,316
6 hingga 12 bulan	157,142	659,263
Lebih dari 12 bulan	4,327,940	4,073,936
	5,340,183	5,269,309
Terjejas	(4,647,942)	(4,702,845)
	692,241	566,464

Penumpuan Risiko Kredit adalah terhad dan ianya tidak dilakukan

9. PENGHUTANG JANGKA PENDEK

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	Dinyatakan Semula 2019 (RM)
SEMASA		
Dana Khas Nelayan	38,651,687	37,932,943
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(34,309,403)	(33,832,011)
	4,342,284	4,100,932
Pinjaman MSB	-	12,145,504
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	-	(12,145,504)
	-	-
Perumahan Semula Nelayan (PSN)	603,800	391,550
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(157,800)	(114,550)
	446,000	277,000
Tabung Pembangunan Ekonomi Nelayan (TPEN)	808,097	798,097
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(808,097)	(798,097)
	-	-
Perumahan Konsep Unit Keluarga (KUK)	366,376	765,206
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(366,376)	(765,206)
	-	-
Pusat Proses Hasil Perikanan	106,540	86,630
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(96,580)	(30,960)
	9,960	55,670
Dana Pemasaran Ikan	89,133	89,133
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(89,133)	(89,133)
	-	-
Program Inisiatif Stok Barang Makanan	147,293	92,752
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(1,852)	-
	145,441	92,752
Pinjaman Kenderaan	338,400	376,416
Pinjaman Komputer	53,339	78,482
	5,335,424	4,981,252

Analisis Pengumuran Penghutang Jangka Pendek adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	Dinyatakan Semula 2019 (RM)
Tidak melebihi tempoh dan tidak terjejas	471,819	2,163,464
1 hingga 3 bulan	6,095,689	480
3 hingga 6 bulan	496,722	371,557
6 hingga 12 bulan	798,762	38,438,539
Lebih dari 12 bulan	33,301,673	11,782,673
	41,164,665	52,756,713
Terjejas	(35,829,241)	(47,775,461)
	5,335,424	4,981,252

Penumpuan Risiko Kredit adalah terhad dan ianya tidak dilakukan.

10. PENGHUTANG JANGKA PANJANG

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2019 (RM)
BUKAN SEMASA				
Dana Khas Nelayan	18,678,896	19,401,880	18,678,896	19,401,880
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(14,687,199)	(17,335,405)	(14,687,199)	(17,335,405)
	3,991,697	2,066,475	3,991,697	2,066,475
Pinjaman Majuikan Sdn. Bhd.	-	4,968,297	-	4,968,297
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	-	(4,968,297)	-	(4,968,297)
	-	-	-	-
Perumahan Semula Nelayan	13,200,600	9,829,950	13,200,600	9,829,950
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(5,120,350)	(4,168,800)	(5,120,350)	(4,168,800)
	8,080,250	5,661,150	8,080,250	5,661,150
Program Inisiatif Stok Barang Makanan	1,384,907	1,067,557	1,384,907	1,067,557
Tolak: Kerugian Penjejasan Terkumpul	(48,611)	-	(48,611)	-
	1,336,296	1,067,557	1,336,296	1,067,557
Pinjaman Melia Evolusi Sdn. Bhd.	-	-	995,000	-
Pinjaman Kenderaan	1,055,940	1,298,341	1,055,940	1,298,341
Pinjaman Komputer	51,106	71,656	51,106	71,656
Jumlah Belum Terima	14,515,289	10,165,179	15,510,289	10,165,179

(a) Dana Khas Nelayan

Diwujudkan pada tahun 2001. Bertujuan menyediakan bantuan pinjaman kepada para nelayan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penangkapan dan pemasaran ikan. Persatuan-Persatuan Nelayan diberi tanggungjawab sebagai agen kepada Lembaga dalam pengendalian dana ini. Pinjaman Dana Khas Nelayan adalah pinjaman dengan penjamin dan kadar faedah 0 hingga 3 peratus setahun.

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Jumlah Hutang Pada 1 Januari	57,533,790	52,431,044
Campur: Pinjaman Tahun Semasa	3,439,554	10,147,589
Faedah Semasa	295,159	450,937
Tolak : Bayaran Tahun Semasa	(3,937,020)	(5,694,747)
Hapuskira	(900)	-
	57,330,583	57,334,823
Hutang Tahun Semasa (Nota 9)	(38,651,687)	(37,932,943)
Jumlah Hutang 31 Disember	18,678,896	19,401,880
Tolak : Kerugian Penjejasan	(14,687,199)	(17,335,405)
Terkumpul	3,991,697450,	2,066,475

b) Pinjaman Majuikan Sdn Bhd (MSB)

Pinjaman telah diberikan kepada MSB sejak 1999. Bertujuan untuk membantu MSB menjalankan operasi perniagaannya. Jumlah terhutang oleh MSB adalah pinjaman tanpa cagaran dan tanpa faedah. Tempoh bayaran balik adalah mengikut jadual yang telah dipersetujui.

Mulai tahun kewangan 2004, pinjaman kepada MSB berjumlah RM4 juta telah dikenakan kadar faedah 3.5 peratus dan seterusnya pinjaman RM5.69 juta di dalam tahun 2006 dikenakan kadar faedah 3.75 peratus. Peruntukan Hutang Lapuk/Ragu dikenakan ke atas hutangnya berdasarkan polisi yang digunapakai oleh Lembaga. Pinjaman oleh MSB telah dilupuskan selaras dengan penggulungan syarikat pada 23 Disember 2020 disebabkan syarikat tidak mampu meneruskan perniagaan.

	LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Jumlah Hutang Sehingga 1 Januari	17,113,801	17,742,372
Campur : Faedah Semasa	-	128,000
Tolak : Bayaran Tahun Semasa	(1,076,880)	(756,571)
Pelupusan	(16,036,921)	-
	-	17,113,801
Hutang Tahun Semasa (Nota 9)	-	(12,145,504)
Jumlah Hutang 31 Disember	-	4,968,297
Tolak : Kerugian Penjejasan	-	(4,968,297)
Terkumpul	-	-

c) Penempatan Semula Nelayan (PSN)

Projek Penempatan Semula Nelayan telah diperkenalkan bagi membantu golongan nelayan untuk memiliki rumah sendiri yang lebih selesa. Sebanyak 207 unit rumah telah disediakan kepada peserta di Tanjung Dawai, Kedah bermula Februari 2018. Seramai 198 orang merupakan peserta sewa beli dan 9 orang adalah peserta sewa. Kutipan sewaan telah dibuat bermula Ogos 2018 dengan kadar bayaran RM150 sebulan. Jumlah pinjaman bagi setiap peserta sewa beli adalah sebanyak RM54,000 selama 30 tahun.

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Jumlah Hutang Pada 1 Januari	10,221,500	10,580,800
Campur : Pinjaman Tahun Semasa	3.834,000	-
Tolak : Hapuskira Hutang	-	(106,200)
Bayaran Tahun Semasa	(251,100)	(253,100)
	13,804,400	10,221,500
Hutang Tahun Semasa (Nota 9)	(603,800)	(391,550)
Jumlah Hutang 31 Disember	13,200,600	9,829,950
Tolak : Kerugian Penjejasan	(5,120,350)	(4,168,800)
Terkumpul	8,080,250	5,661,150

(d) Perumahan Konsep Unit Keluarga (KUK)

Projek Perumahan Konsep Unit Keluarga telah diperkenalkan pada tahun 1983. Sebanyak 100 buah rumah telah dibina untuk peserta-peserta yang mengikuti Rancangan Menternak Ikan Dalam Sangkar Konsep Unit Keluarga. Konsep pemilikan rumah adalah melalui kaedah sewa beli dengan kadar RM50 sebulan.

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Jumlah Hutang Pada 1 Januari	765,303	832,217
Tolak : Bayaran Tahun Semasa	(398,927)	(66,914)
	366,376	765,303
Hutang Tahun Semasa (Nota 9)	(366,376)	(765,206)
Jumlah Hutang 31 Disember	-	97
Tolak : Kerugian Penjejasan	-	(97)
Terkumpul		
Jumlah Hutang Pada 31 Disember	-	-

(e) Program Inisiatif Stok Barang Makanan

Program ini bermula pada tahun 2019 bertujuan untuk memberi pinjaman tanpa faedah sebagai galakan Persatuan Nelayan yang terlibat dalam pemasaran ikan dapat menyediakan bekalan ikan segar dengan membeli ikan daripada nelayan tempatan bagi menstabilkan harga dan bekalan ikan.

Jumlah peminjam bagi program ini adalah sebanyak 20 PNN/PNK dengan jumlah pinjaman di antara RM20,000 sehingga RM200,000 bagi setiap PNN/PNK. Tempoh pinjaman adalah di antara 2 sehingga 9 tahun dengan kadar bayaran di antara RM500 sehingga RM1,860 sebulan.

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Jumlah Hutang Pada 1 Januari	1,160,309	-
Campur: Pinjaman Tahun Semasa	463,125	1,222,000
Tolak : Bayaran Tahun Semasa	(91,234)	(61,691)
	1,532,200	1,160,309
Hutang Tahun Semasa (Nota 9)	(147,293)	(92,752)
Jumlah Hutang Pada 31 Disember	1,384,907	1,067,557
Tolak : Kerugian Penjejasan Terkumpul	(48,611)	-
Jumlah Hutang Pada 31 Disember	1,336,296	1,067,557

(f) Pinjaman Melia Evolusi Sdn. Bhd. (MESB)

Pinjaman telah diberikan kepada Melia Evolusi Sdn. Bhd. (MESB) pada 2 Julai 2020. Bertujuan untuk membantu MESB menjalankan operasi perniagaannya. Jumlah terhutang oleh MESB adalah pinjaman tanpa cagaran dan tanpa faedah. Tempoh bayaran balik adalah selama 30 tahun selepas tempoh penangguhan selama dua (2) tahun dari tempoh berkuatkuasa pinjaman dan mengikut jadual yang telah dipersetujui.

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2019 (RM)
Pinjaman Melia Evolusi Sdn. Bhd	-	-	995,000	-

(g) Tabung Pembangunan Ekonomi Nelayan (TPEN)

Tabung ini diwujudkan pada tahun 1995 bertujuan menyediakan dana pinjaman bagi menggalakkan penyertaan Persatuan Nelayan dalam pembangunan ekonomi dan seterusnya meningkatkan taraf hidup nelayan. Projek-projek yang dijalankan antaranya Perniagaan Minyak Diesel, Pemasaran Ikan, Pembinaan Chalet dan Program Agrotourism. Pinjaman TPEN adalah pinjaman tanpa cagaran dan tanpa faedah.

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Jumlah Hutang Pada 1 Januari	798,097	798,097
Tolak : Pelarasan	10,000	-
Bayaran Tahun Semasa	-	-
	808,097	798,097
Hutang Tahun Semasa (Nota 9)	(808,097)	(798,097)
Jumlah Hutang Pada 31 Disember	-	-

(h) Pusat Memproses Hasil Perikanan

Diwujudkan pada tahun 2001. Bertujuan untuk menyediakan tapak–tapak perusahaan bagi memproses hasil perikanan yang bertempat di Geting, Kelantan dan Johor kepada para nelayan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan.

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Jumlah Hutang Pada 31 Disember	106,540	86,630
Tolak : Terhutang Dalam Tempoh Setahun (Nota 9)	(106,540)	(86,630)
	-	-

(i) Pinjaman Kakitangan

Pecahan pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
SEMASA:		
Pinjaman Kenderaan	338,400	376,416
Pinjaman Komputer	53,339	78,482
	391,739	454,898
BUKAN SEMASA:		
Pinjaman Kenderaan	1,055,940	1,298,341
Pinjaman Komputer	51,106	71,656
	1,107,046	1,369,997
Jumlah Hutang Pada 31 Disember	1,498,785	1,824,895

Pinjaman pada awalnya diiktiraf pada Nilai Saksama dan menghasilkan faedah pada kadar 4% setahun. Pinjaman kakitangan adalah dalam Ringgit Malaysia. Risiko Kredit ke atas Pinjaman Kakitangan adalah kecil kerana amaun yang tertunggak boleh dipulihkan secara bulanan melalui potongan gaji.

11. PENDAHULUAN KEPADA SUBSIDIARI / BERSEKUTU

Pendahuluan kepada subsidiari adalah pendahuluan yang diberi oleh Lembaga untuk membantu operasi anak syarikat. Jumlah pendahuluan kepada Subsidiari/Bersekutu adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada tempoh pembayaran balik. Jumlah pendahuluan kepada Subsidiari/Bersekutu sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

a) Pendahuluan Kepada Subsidiari

	LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Melia Evolusi Sdn. Bhd.	37,905	29,027
Majuikan Sdn. Bhd.	-	17,067,851
Blue Ocean Fisheries Sdn. Bhd.	-	876,867
	37,905	17,973,745
Tolak : Kerugian Penjejasan Terkumpul	(37,905)	(17,973,745)
	-	-

b) Pendahuluan Kepada Syarikat Bersekutu

	LEMBAGA	
	2020 (RM)	Dinyatakan Semula 2019 (RM)
Malaysian International Tuna Port Sdn. Bhd.	-	1,239,329
Tolak : Kerugian Penjejasan Terkumpul	-	(1,239,329)
	-	-

Analisis Pengumuran Pendahuluan Kepada Subsidiari/Bersekutu adalah seperti berikut:

	LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Tidak melebihi tempoh dan tidak terjejas	7,500	-
1 hingga 3 bulan	-	-
3 hingga 6 bulan	-	695
6 hingga 12 bulan	-	6,502
Lebih dari 12 bulan	30,405	19,205,877
	37,905	19,213,074
Terjejas	(37,905)	(19,213,074)
	-	-

Penumpuan Risiko Kredit adalah terhad dan ianya tidak dilakukan.

12. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

(a) Syarikat Subsidiari terdiri dari Melia Evolusi Sdn. Bhd. dimiliki 100% oleh Lembaga.

	LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
Saham Tidak Tersiar Harga (Pada Kos RM1 @ Satu)	-	-
Majuikan Sdn. Bhd.	30,891	-
Melia Evolusi Sdn. Bhd.	30,891	-

	LEMBAGA	
	2020 (RM)	2019 (RM)
i) Majuikan Sdn. Bhd.		
Saham Tidak Tersiar Harga	-	10,892,227
Tolak: Penjejasan	-	(10,892,227)
	-	-
ii) Melia Evolusi Sdn. Bhd.		
Saham Tidak Tersiar Harga	100,000	2
Tolak: Penjejasan	(69,109)	(2)
	30,891	-

(b) Syarikat Majuikan Sdn. Bhd. telah digulung sepenuhnya pada 23 Disember 2020 disebabkan syarikat tidak mampu meneruskan perniagaan.

(c) Akaun syarikat subsidiari Melia Evolusi Sdn. Bhd. tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

13. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

(a) Hartanah, Loji dan Peralatan Lembaga dan Kumpulan adalah terdiri daripada Hartanah, Loji dan Peralatan yang dibiayai daripada peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan (KWP) dan Kumpulan Wang Mengurus (KWM).

(b) Pendaftaran Hartanah, Loji dan Peralatan ke dalam Daftar Aset adalah mengikut jenis-jenis seperti digariskan dalam Polisi Aset Tetap Lembaga, yang mana telah dikelaskan kepada enam (6) kumpulan . Di antaranya Tanah dan Pembaikan Tanah, Bangunan dan Pembaikan Bangunan, Jentera, Peralatan Pejabat dan Kelengkapan, Kenderaan, serta Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan.

(c) Pelarasan/Pelupusan pada angka-angka Hartanah, Loji dan Peralatan yang dinyatakan di dalam jadual aset melibatkan pelarasan ke atas baki-baki awal mengikut kategori yang dipadankan antara baki-baki lejar dengan baki Daftar Hartanah, Loji dan Peralatan Lembaga serta pelupusan/hapuskira dalam tahun semasa yang dibuat ke atas Hartanah, Loji dan Peralatan mengikut Prosedur Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan Lembaga.

(d) Lembaga juga ada menerima Hartanah, Loji dan Peralatan sumbangan yang mana perkiraan faedah penggunaannya mengikut pengiraan susut nilai semasa bagi tahun 2020 yang berjumlah RM20,378,778 (2019: RM20,408,426) disesuaikan dengan peruntukan khas Kumpulan Wang Lain. Hartanah, Loji dan Peralatan tersebut adalah dalam bentuk bangunan kompleks, kemudahan-kemudahan kolam ternakan udang/ikan, peralatan pejabat dan vesel penangkapan ikan laut dalam. Ringkasan Hartanah, Loji dan Peralatan Lembaga dan Kumpulan adalah seperti di Nota 13 (e).

KUMPULAN - 2020

